

Bil. 6

**Isnin
20 Julai 2020**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA: Perubahan Tempat Duduk Ahli	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
USUL: Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRIS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau] – STAR
37. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Ti Lian Ker – Senator
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

AHLI-AHLI PN

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jejebu] – UMNO
18. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
19. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
33. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
34. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
35. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
36. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
37. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
38. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

AHLI-AHLI PH

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR

30. Yang Berhormat Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
31. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] - WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liang [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN
71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR

72. Yang Berhormat Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
73. “ Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

AHLI-AHLI BEBAS

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

AHLI-AHLI PBB

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI PDP

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI PSB

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

AHLI-AHLI SUPP

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI PRS

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat
Nizam Mydin bin Bacha Mydin

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Halijah binti Mat Sin
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Nurul Atikah binti Basrudin
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juara
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Isnin, 20 Julai 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA
PERUBAHAN TEMPAT DUDUK AHLI

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perubahan tempat duduk dengan penjarakan sosial telah dilaksanakan bermula pada hari Isnin, 13 Julai 2020 iaitu hari pertama Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas bersidang. Walau bagaimanapun, pelbagai reaksi dan pandangan telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama yang duduk di Galeri Awam dan di tempat duduk pegawai di sebelah kiri saya.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua telah membuat tinjauan secara peribadi beberapa kali dan berbincang akan cadangan ini dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) dan wakil-wakil Pembangkang. Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan agar Ahli-ahli *backbenchers* yang berada di Galeri Awam dipindahkan ke tempat duduk di barisan belakang di dalam Blok Utama, Dewan Rakyat dan beberapa orang Ahli yang lain ditempatkan di tempat duduk pegawai di sebelah kanan saya. Manakala Ahli-ahli Pembangkang yang duduk di sebelah tempat duduk di sebelah kiri dipindahkan ke Galeri Awam di belakang sana.

Perubahan tempat duduk terkini turut telah mengambil kira peraturan agar Pengerusi dapat memandang Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi pertanyaan atau perbahasan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 35(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Peraturan tersebut menyatakan, "*Jika dua (2) atau lebih daripada dua orang Ahli bangun serentak, maka Pengerusi hendaklah memanggil Ahli yang terdahulu terpandang olehnya*".

Oleh yang demikian, kami merasakan keputusan ini keputusan yang terbaik yang boleh difikirkan bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam melaksanakan tanggungjawab seperti termaktub dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas petua tadi. Akan tetapi, saya rasa mungkin ada baiknya juga Ahli-ahli Parlimen yang lain tidak duduk di Galeri Awam atau di tempat pegawai tetapi dimasukkan semula ke Dewan Utama sebab saya rasa kita perlu mempermudah mereka menjalankan tugas mereka sebab sekarang selepas 15 Julai, memang sudah banyak sektor termasuk spa pun sudah dibuka. Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh mempertimbangkan perkara ini supaya mereka boleh balik ke tempat duduk masing-masing. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Walau bagaimanapun saya ada hendak memaklumkan juga, Ahli-ahli Yang Berhormat jika ada Ahli Yang Berhormat sekiranya ada simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak, sesak nafas- siapa yang mempunyai simptom di atas sila segera berjumpa doktor di Klinik Parlimen atau mana-mana klinik. Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk memperkenalkan Program Pengekalan PKS dalam memastikan PKS dapat melindungi pendapatan dan mampu bertahan sebagai antara pemain utama ekonomi pasca COVID-19.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan agensi-agensinya di bawahnya iaitu TEKUN Nasional, SME Corp., SME Bank, Bank Rakyat, UDA Holdings, Perbadanan Nasional Berhad, Institut Keusahawanan Negara, Institut Koperasi Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif yang memastikan usahawan mampu bertahan dalam menghadapi COVID-19.

Tindakan mereka yang cepat, tepat dan secara strategik. Di antara inisiatif yang diambil dan dilaksanakan oleh Kementerian MDEC menerusi agensi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi ialah:

- (i) menyediakan pembiayaan kepada usahawan;
- (ii) penjadualan semula pinjaman;
- (iii) penangguhan bayaran balik ataupun moratorium kepada pinjaman;
- (iv) latihan serta bimbingan kepada keusahawanan secara dalam talian; dan
- (v) pelaksanaan program berimpak tinggi.

Inisiatif yang ditawarkan oleh agensi MDEC adalah seperti berikut- pertama, semasa penularan wabak COVID-19, Skim Pembiayaan Pemulihan Peniaga MIKRO-*Recovery Business Micro*, ataupun CBRM, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, melalui TEKUN Nasional hingga 17 Julai 2020- sebanyak 25,660 permohonan sejumlah RM195 juta as a RM0.97 juta telah diluluskan.

Kedua, Skim *Special Relief Facility/ Special Relief Fund* oleh SME Bank menawarkan pembiayaan perniagaan sehingga RM1 juta untuk tempoh 55 tahun kepada PKS. Sehingga 17 Julai 2020 sebanyak 940 permohonan telah disalurkan dengan nilai sebanyak RM503.04 juta.

■1010

Ketiga, *BR Cares* oleh Bank Rakyat menyediakan pembiayaan tambahan berjumlah RM300 juta dan dijangka memberi manfaat kepada 500 buah koperasi dan 200 orang usahawan mikro PKS sehingga 17 Julai 2020. Di bawah *BR Cares* sebanyak 1,112 permohonan telah diluluskan sejumlah RM84.59 juta.

Selepas COVID ataupun pasca COVID-19, inisiatif di bawah PENJANA, SME Bank melalui *SME Technology Transformation Fund* (STTF) menyediakan dana sebanyak RM500 juta bermula pada 1 Julai 2020. SME Bank juga melalui Skim SME Go menyediakan pembiayaan sebanyak RM1.16 bilion kepada 16 ribu orang kontraktor G2 dan G3 mulai Julai 2020 hingga Disember 2021.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi perkara. Kalau diizinkan, saya boleh baca lebih daripada tiga minitlah. Pembiayaan rebat cukai hingga RM20 ribu setahun selama tiga tahun taksiran bagi menggalakkan penubuhan PKS baharu serta pengecualian cukai setem di atas surat cara berkaitan percantuman dan perolehan bagi transaksi dan disempurnakan antara 1 Julai hingga 13 Julai 2021.

Membangunkan portal *MyAssist SME* yang akan menawarkan bimbingan dan bantuan proses pemulihan perniagaan secara dalam talian. Kelima, program-program peningkatan kapasiti dan keupayaan PKS latihan bimbingan. Sebagai langkah memastikan usahawan dapat terus bertahan, kementerian telah membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang mengandungi 29 program jangka pendek dan sederhana di bawah enam strategi yang dilaksanakan dalam tempoh bermula Mei 2020 hingga Mei 2021 dan program ini akan dimanfaatkan lebih 20 ribu orang penerima.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya berkaitan dengan hala tuju kerajaan sebelum daripada ini ke arah menjadikan usahawan di Malaysia ini tidak bergantung kepada geran kerajaan.

Adakah kerajaan sekarang ini hendak mengembalikan geran ini dan sekiranya dikembalikan geran ini kepada rakyat terutamanya B40, bagaimana kerajaan menyediakan ekosistem perniagaan dan pembangunan usahawan yang komprehensif khususnya melibatkan PKS Bumiputera dengan galakkan beralih kepada generalisasi perkhidmatan berdasarkan inisiatif yang diperkenalkan melalui PENJANA. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua, tiga persoalan. Soalan yang pertama ialah berhubung dengan geran, sama ada, ada tindakan ataupun inisiatif kerajaan untuk berpindah daripada pihak PKS ini bersandar ataupun bergantung sangat kepada pihak kerajaan ataupun pihak-pihak lain.

Sebenarnya ini dalam pemikiran kita, bahkan pada mesyuarat saya yang pertama dengan kementerian, saya telah memikirkan bahawa pada masa sekarang banyak syarikat di Malaysia ini bergantung sangat kepada perbankan. Sebanyak 95 peratus sedikit, maknanya lima peratus daripada dana persendirian ataupun kawan-kawan mereka. Jadi, kita hendak mewujudkan satu sistem alternatif contohnya *crowdfunding* ataupun *venture capital* dan sebagainya. Inisiatif-inisiatif yang tidak membebankan pihak bank dan juga pihak kerajaan.

Kedua ialah untuk meluaskan lagi penglibatan kementerian untuk membantu pihak B40. Saya telah mengarahkan pihak kementerian untuk membuat satu kajian khususnya PKS yang mikro dan juga informal supaya pihak informal ini yang berjumlah lebih daripada satu juta di seluruh negara dibuat senarai dan di-*formalize*-kan supaya bantuan boleh disalurkan dan nasihat khidmat boleh diberi kepada mereka ini sebagaimana yang terbaik difikirkan oleh pihak kementerian di masa hadapan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih soalan tambahan kedua.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Johor Bahru.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya lihat yang pertama daripada Yang Berhormat Johor Bahru. Sila Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Geran Khas PRIHATIN (GKP). Saya difahamkan ada peruntukan sekitar RM2.1 bilion sebelum ini yang mana disasarkan 700 ribu orang penerima.

Cuma, kalau saya boleh minta penjelasan Yang Berhormat Menteri iaitu pecahan dari segi industri mana yang mendapat peruntukan ini sebab banyak komplain ataupun aduan termasuk juga pemandu teksi bahawa bila cuba hendak mohon sudah tidak ada. Jadi yang menjadi persoalannya sekarang adakah kerajaan boleh membuka semula Geran Khas PRIHATIN ini supaya IKS ataupun PKS ini dapat memohon dana RM3,000 tersebut dan juga daripada segi berapa ramai yang tercicir.

Disebut tadi 700 ribu orang, kalau hendak dibuka balik sebenarnya berapa ramai IKS ataupun PKS yang tercicir daripada GKP ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan mempunyai beberapa buah agensi yang boleh memberi bantuan kepada pihak PKS ataupun peniaga-peniaga kecil. Selain daripada TEKUN, apa Yang Berhormat sebutkan itu ialah di bawah TEKUN.

Sebenarnya peruntukan yang diberi kepada TEKUN itu memang ada batasannya dan bantuan sedemikian juga dibuat oleh pihak BSN dan sebagai mana-mana agensi lain di bawah kementerian-kementerian lain yang mungkin di luar pengetahuan saya. Walau bagaimanapun, saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menambahkan lagi sumbangan kepada TEKUN supaya kita boleh memberi bantuan kepada mereka ini yang sebagaimana yang Yang Berhormat sebutkan tadi yang RM3,000 untuk usahawan-usahawan kecil ini.

Insya-Allah Yang Berhormat, bakal diketahui dalam masa seminggu dua lagi daripada pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya buka satu yang ketiga, terakhir daripada..

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berapa PKS dan usahawan yang berjaya mendapat Geran Khas PRIHATIN di Sabah dan sektor yang terlibat.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf soalan ini khusus dan saya tidak mempunyai *figure* untuk Sabah PKS ini sebab pengistilahan PKS ini juga perlu diketahui bahawa daripada yang sederhana hingga yang kecil, mikro dan informal.

Ini belum saya ketahui dan *insya-Allah* Yang Berhormat saya boleh beri jawab secara bertulis. Terima kasih.

2. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, unjuran kadar pengangguran negara dan anggaran jumlah penduduk yang menganggur sehingga akhir tahun ini serta menyatakan langkah-langkah yang diambil kementerian dalam mengatasi lonjakan kenaikan kadar pengangguran terkini.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab pertanyaan secara serentak bagi 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai isu kadar pengangguran dan kesan pandemik COVID-19 seperti berikut, Yang Berhormat Port Dickson pada 20 Julai, Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Shah Alam pada 29 Julai, Yang Berhormat Lembah Pantai pada 17 Ogos dan Yang Berhormat Ipoh Barat dan Ipoh Timur pada 25 Ogos 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada landskap ekonomi serta pasaran pekerjaan di Malaysia. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh negara ialah peningkatan kadar pengangguran. Pada minggu lepas beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai isu Program Subsidi Upah semasa sesi Jawab Soalan Lisan. Pada hari ini saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan mengenai isu pengangguran, sebab lebih ramai Ahli Yang Berhormat berminat bertanyakan soalan-soalan yang berkaitan.

Data terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran Malaysia telah meningkat kepada 5.3 peratus pada Mei 2020 berbanding dengan 5.0 peratus pada April 2020. DOSM menganggarkan julat maksimum kadar pengangguran adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini.

■1020

Antara sektor pekerjaan yang paling terjejas adalah sektor pelancongan, pembuatan dan perkhidmatan dan tidak terkecuali golongan bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada peniaga dan pengusaha kecil-kecilan. Kumpulan pekerja ini terdedah kepada risiko kehilangan pekerjaan dan pendapatan berikutan PKP.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut DOSM, indikator ekonomi bagi bulan Mei 2020 menunjukkan ekonomi sedang beransur pulih berbanding keadaan bulan April 2020. Di sebalik trend negatif dalam penawaran tenaga buruh sehingga Mei 2020, keadaan ini telah bertambah baik jika dibandingkan dengan April 2020. Ini hasil pelaksanaan dalam pelbagai pakej rangsangan yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mencapai sasaran tertentu.

Di samping itu, lebih banyak perniagaan yang dibenarkan beroperasi berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dalam bulan tersebut menyumbang kepada penurunan bilangan penganggur. Tambahan pula, setelah PKP Pemulihan mula berkuat kuasa pada 10 Jun 2020 yang lalu, keadaan ekonomi telah memperoleh kembali momentum. Seterusnya, ia dijangka dapat mengekalkan, mewujudkan pekerjaan baru dan mendorong pengambilan pekerja.

Selaras dengan perkembangan ini dalam jangka masa pendek, situasi tenaga buruh pada Jun 2020 dianggarkan akan bertambah baik. Manakala, dalam tempoh jangka sederhana hingga separuh kedua, tahun 2020, pasaran buruh dijangka terus mengukuh.

Tuan Yang di-Pertua, ini terbukti sehingga 2 Jun 2020, DOSM mendapati bahawa lebih kurang 12.7 juta ataupun 83.5 peratus pekerja telah mula bekerja berbanding 10.2 juta atau 67.7 peratus pada 17 Mei 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari beban yang dihadapi oleh rakyat dan telah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat dan Prihatin PKS (Tambahan) yang berjaya menyelamatkan lebih daripada 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta orang rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300 ribu buah syarikat.

Bagi mengelakkan pemberhentian kerja pekerja secara besar-besaran dan memastikan kedayatanaan majikan terus kekal, Kerajaan Perikatan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha memulihkan ekonomi negara, satu lagi suntikan pakej rangsangan telah diperkenalkan. Pada 5 Jun 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara ataupun PENJANA. Menerusi PENJANA, kementerian saya telah terlibat dalam pelaksanaan lima inisiatif daripada 11 inisiatif memperkenalkan, memperkasakan rakyat melalui PERKESO dan PSMB.

Pada masa yang sama, satu Jawatankuasa di peringkat kebangsaan iaitu Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional (JKPN) diwujudkan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara. Di mana JKPN dipertanggungjawabkan bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif pelaksanaan berkaitan sumber manusia. Inisiatif PENJANA yang dimaksudkan ialah Program Subsidi Upah, menaik taraf portal perkhidmatan PENJANA Negara, seterusnya Program Inisiatif Pengambilan Pekerja dan bantuan latihan, perlindungan sosial dan latihan bagi pekerja ekonomi gig dan inisiatif pengaturan kerja fleksibel.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, JKPN ini telah dipengerusikan bersama oleh saya dan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya sesungguhnya yakin iaitu dengan penglibatan Yang Berhormat Menteri Kewangan secara langsung akan membolehkan penyelarasan peruntukan yang diperlukan untuk membantu rakyat yang lebih pantas dan berkesan serta menyeluruh, terutama dalam situasi pandemik COVID-19. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih jawapan dan penjelasan Yang Berhormat. Saya rujuk pertama, *ILO Statistics* yang menyatakan cara kita mengenal pasti atau *survey* LFS itu terbatas kerana hanya tidak lagi *field survey* tetapi *interview* melalui telefon dan sebagainya. Jadi, saya bimbang kerana angka ini selalunya lebih kurang daripada kenyataan yang sebenar. Umpamanya, unjuran sebelum ini semuanya sekitar bawah lima peratus. Bulan Mei 5.3 peratus. Ini tidak termasuk umpamanya pekerja yang hilang pekerjaan ataupun yang diberi cuti tanpa gaji yang mencecah jumlah yang besar. *Federation of Malaysian Manufacturers*, umpamanya *survey* 78.7 buah syarikat. Itu menunjukkan keadaan lebih teruk. MIER menjangkakan kes senario yang lebih parah mencecah lebih daripada 1.4 juta.

Jadi, ini saya hendak minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, jumlah itu harus realistik. Orang yang menganggur ramai. Kalau kita terikat dengan cara konvensional mengukur, saya bimbang jumlah itu jauh lebih kurang daripada kenyataan. Sekiranya jumlah itu jauh lebih kurang daripada kenyataan, langkah-langkah yang diambil itu akan jauh lebih kurang daripada apa yang diharapkan berlaku.

Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri supaya beberapa langkah yang menerima kenyataan *new normal* ini kerana jawapan ini memang betul macam normal dahulu. Saya akui beberapa langkah yang diambil, diumumkan oleh kerajaan dan yang dikendalikan oleh kementerian itu memberi kesan. Akan tetapi ia mesti juga menjurus kepada angka sebenar pengangguran, termasuk yang diberi cuti tanpa gaji dan kemudian dilepaskan daripada pekerjaan dan mereka menjadi penganggur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Port Dickson atas keprihatinan terhadap warga kerja dan isu-isu pengangguran. Saya lihat satu lagi, Yang Berhormat sentiasa konsisten untuk membela nasib warga penganggur.

Saya bagi jaminan seperti kalau kita lihat Yang Berhormat, anggaran yang dibuat oleh DOSM dan sebagainya sebelum mengambil kira keadaan sebenar. Kita tidak sangka kalau kita banding dengan negara-negara lain, kita dapat memerangi COVID-19 lebih awal daripada dijangka. Mungkin apabila sampai masa, angka ini akan kurang dengan adanya program-program subsidi daripada kerajaan. Oleh sebab ini telah mengambil kira tanpa mengetahui bilakah kita sempat memerangi COVID-19. Akan tetapi hari ini kita lihat satu kepimpinan yang cukup berkesan, kita dapat mengatasi COVID-19 lebih awal daripada dijangka.

Maka, saya yakin dengan ada program-program yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, kita mungkin boleh mengatasi masalah pengangguran di negara ini dengan lebih berkesan daripada apa yang dijangka. Walau bagaimanapun, kita lihat daripada segi keseluruhan Yang Berhormat, kita telah bermula daripada segi bantuan kepada warga Malaysia, khususnya kepada golongan pekerja lebih awal daripada kita menghadapi keadaan pengangguran, di mana kita telah bermula dengan RM200 juta bantuan kepada majikan untuk menjalankan latihan saringan COVID-19. Itu menjadi titik permulaan.

Seterusnya, kita memberi bantuan kepada lebih kurang RM120 juta untuk 322,422 orang pekerja yang diberi notis tanpa gaji supaya mereka masih kekal relevan. Seterusnya, dengan bantuan subsidi upah. Walaupun di peringkat awal, Kementerian mengumumkan hanya untuk tiga bulan sahaja tetapi setelah mengambil kira keperluan semasa, tiga bulan ini telah bertambah kepada enam bulan. Dengan langkah-langkah ini, saya percaya dan yakin kerajaan hari ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengurangkan isu pengangguran di negara kita.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih. Saya tanya tentang jumlah itu. Apakah realistik dengan *survey* yang saya tunjukkan tadi?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Bangun]*

Datuk Seri M. Saravanan: Setakat ini Yang Berhormat, jumlah itu memang realistik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput soalan tambahan yang kedua, saya lihat Yang Berhormat Pontian dahulu. Sila Yang Berhormat. Satu minit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Adakah usaha-usaha Kementerian untuk mewujudkan kerja baharu di bidang baharu oleh pelabur-pelabur baharu dibuat? Tadi Yang Berhormat Menteri sebut perbincangan dengan Kementerian Kewangan tetapi saya kira dengan MITI pun penting juga. Kemudian, adakah Kementerian memastikan projek-projek mega seperti ECRL, MRT, Pan Borneo, tenaga-tenaga kerja tempatan hendaklah diutamakan. Seterusnya, oleh sebab pendapatan garis kemiskinan naik kepada RM2,208, adakah Kementerian ingin mengkaji gaji minimum RM1,200 untuk dinaikkan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri. Satu minit.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi isu pengangguran, salah satu langkah yang telah diumumkan oleh Kementerian memastikan kita mengurangkan penglibatan pekerja-pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan sebagainya. Kementerian telah mengumumkan bahawa sehingga hujung tahun ini tidak membenarkan mana-mana pekerja asing masuk dalam negara untuk sektor-sektor tertentu. Dengan keadaan sebegini, saya percaya projek-projek ECRL dan sebagainya akan memberi ruang kepada pekerja tempatan dan ini secara tidak langsung akan memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

■1030

3. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang pihak FELCRA Berhad di kawasan Parlimen P.207 Igan untuk membantu meningkatkan pendapatan para peserta kelapa sawit. Berapa keluasan keseluruhan tanaman kelapa

sawit yang diselenggarakan oleh pihak FELCRA Berhad di Kawasan Parlimen P.207 Igan dan jumlah peserta yang terlibat.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Igan ini bersekali dengan soalan nombor 45 oleh Yang Berhormat Igan juga yang dijadualkan pada 23 Julai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan bagi jawapan.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek yang telah dimajukan oleh FELCRA Berhad di Parlimen Igan dibahagikan kepada tiga iaitu Igan, Mukah dan Matu yang melibatkan 4,369 hektar dan melibatkan seramai 1,280 orang peserta.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Igan dan Mukah ini memang untung. Kita sudah mengendalikan tanah-tanah tersebut selama 25 tahun. Cuma di kawasan Matu-tujuh yang untung, dan tujuh rugi. Elok saya perincikan kawasan Igan dan Mukah yang berjaya kerana produktiviti amat tinggi iaitu di antara 21 metrik tan hingga ke-27 metrik tan per hektar dengan OER atau, dengan izin, *oil extraction rate* lebih tinggi daripada kadar biasa iaitu 19.5 ke-19.8.

Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan ada kawasan-kawasan yang rugi kerana tanah-tanah ini asalnya tanah daripada NCR. Masa mula-mula kita buat dulu, tidak ada masalah, tetapi bila mula sudah ada produktiviti, ada *overclaim* yang melibatkan pelbagai pihak sampai ada ke mahkamah. Ini menjadikan tujuh buah kawasan pada Matu itu rugi.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Igan juga maklum bahawa produktiviti ini bergantung pada hasil yang melibatkan harga CPO dunia, maka sudah pasti kita menumpukan program-program yang lain bagi menambah pendapatan. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan.

Yang Berhormat Menteri, persoalan besar yang menjadi isu yang penting berkenaan dengan FELCRA di kawasan saya isu dividen yang terlalu sedikit yang tidak setimpal dengan keluasan tanah para pekebun dan lebih malang lagi ada pekebun-pekebun yang tidak ada dividen langsung. Ini berlaku bukan saja dua tahun, tiga tahun, tapi sampai lima tahun yang terdahulu. Alasan yang selalu diberikan oleh FELCRA mereka masih lagi menanggung hutang pembangunan tanah. Isu ini menyebabkan ada peserta yang dibawa oleh FELCRA ke mahkamah yang sepatutnya tidak berlaku.

Soalan saya, Yang Berhormat Menteri. Mengapakah isu dividen ini masih terjadi sehingga kini? Juga, mengapakah kos pembangunan ladang masih ada sedangkan ladang ini sudah lebih kurang 25 tahun diusahakan? Oleh itu, Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan bolehkah FELCRA ataupun kerajaan melupakan hutang pembangunan tertunggak ini supaya para pekebun mendapat hasil ataupun dividen?

Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri, mengapakah pihak pengurusan FELCRA tidak membantu pemilik tanah mendapatkan hak milik tanah ataupun geran seperti yang dijanjikan? Saya juga mencadangkan supaya FELCRA menyerahkan balik tanah milik pekebun ataupun ladang ini kepada pemilik asal supaya ia diusahakan sendiri oleh mereka sendiri. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, secara asasnya mudah saja. Kos tolak dengan produktiviti, kita akan tahu sama ada untung atau rugi. Kalau untung, kita bagi semua dividen. Kalau rugi, tidak boleh bagi dividen. Itu asasnya.

Yang Berhormat Igan tadi saya prihatin tentang perkara-perkara yang dinyatakan terutamanya pelupusan hutang. Esok saya ada buat perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi menilai semula terma-terma yang terbelenggu oleh FELCRA supaya perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Igan dan juga bukan saja Yang Berhormat Igan, tetapi juga kawasan-kawasan yang rugi yang kita tidak boleh bayar dividen, kami amat berharap perkara ini dapat diambil perhatian. Kerana KPLB ini bapa angkat. Sementara bapa betul dia MKD. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput untuk soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Pulaui.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa FELCRA dan FELDA ini dua buah institusi yang sangat penting dalam kita membantu meningkatkan pendapatan hidup rakyat dalam negara kita. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, kita sedia maklum bahawa hampir majoriti tanah-tanah FELCRA ini ditanam dengan sawit dan sawit, kita faham, menghadapi isu-isu di peringkat global yang kerajaan kami dulu Pakatan Harapan dan sekarang sedang bergelut untuk mencari tanah-tanah alternatif.

Jadi, apa kementerian Yang Berhormat sedang merancang, ada banyak tanaman-tanaman seperti *value cash crop* yang boleh kita buat gantian untuk menghadapi persaingan di peringkat antarabangsa. Ini bagi memastikan peserta FELCRA itu dapat pendapatan yang lebih baik pada masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pulaui. Sebenarnya FELDA dengan FELCRA dia sama tapi tidak serupa. Sama dari sudut *acres*-nya lebih kurang 400 ribu hektar, sama dengan 400 ribu hektar yang dipunyai oleh FELCRA. Yang tidak sama dia adalah di mana FELDA dia tersusun, berkelompok, sementara FELCRA ini dia berterabur. Sebab itu nama dia pun lain. FELCRA ini *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority*. Jadi, oleh sebab dia tidak sama-cuma, bilangan peserta dan peneroka agak sama. FELDA dia bertuah kerana dia ada 400 ribu hektar lagi yang dipunyai oleh FGV.

Jadi, oleh sebab kita terikat dengan perjanjian dengan peserta, kita tidak boleh ubah senang-senang hendak ubah daripada kelapa sawit, getah kepada tanaman kontan. Mesti ada persetujuan sama. Itu yang kita buat.

Walau bagaimanapun, usaha untuk meningkatkan pendapatan mereka yang majoriti dalam FELCRA ini B40- 90 peratus B40, 10 peratus M40. Jadi, usaha sedang dibuat dan akan diperkemas dan diperkukuh. FELCRA ada *money generating element*. Umpamanya kilangnya yang ada tujuh, pendapatannya satu tahun RM500 ribu, sudah ada untung. Kita hendak *concentrate* juga *on chemical fertilizer*. Jadi, ada elemen-elemen yang berada dalam FELCRA yang boleh kita komersialkan dan kita tambah pendapatan yang boleh kita bagi balik kepada kelompangan yang dialami oleh FELCRA dalam mengurus ladang. Terima kasih.

4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, indeks jenayah di Kuala Lumpur sebelum, semasa dan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

■1040

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan negara kita selamat dan memang menjadi tanggungjawab Polis Diraja Malaysia untuk menguruskan keamanan dan menjaga ketenteraman awam. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak PDRM dan juga semua *frontliners* yang telah membantu untuk kita memutuskan jaringan COVID-19 ini. Ada tiga tentang statistik indeks jenayah Yang Berhormat Bukit Bintang tanya iaitu sebelum, semasa dan selepas.

Hendak saya nyatakan, sebelum PKP iaitu 1 Januari hingga 17 Mac, sejumlah 2,225 kes jenayah. Semasa PKP 18 iaitu Mac hingga 3 Mei, sejumlah 546 kes dan semasa PKPB iaitu 4 Mei sehingga 9 Jun, sejumlah 708 kes. Semasa PKPP iaitu 10 Jun hingga 30 Jun, 488 kes. PKPP masih lagi berterusan, dengan itu kita belum ada indeks jenayah selepas PKP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kadar jenayah dalam Kuala Lumpur adalah antara yang tertinggi di negara kita berbanding dengan negeri-negeri lain. Kita tidak tahu kemampuan pasukan polis untuk membanteras kes-kes jenayah di Kuala Lumpur ini. Saya ingin bertanya, apakah perancangan dan tindakan kementerian supaya kadar ini dapat diteruskan ataupun disifarkan jenayah ini? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Bukit Bintang. Sepertimana yang saya disebutkan tadi, memang menjadi tugas dan tanggungjawab Polis Diraja Malaysia seluruh negara, bukan sahaja di

Kuala Lumpur untuk memastikan kadar indeks jenayah ini kita turunkan dan matlamat kita, kalau boleh jadi sifar di seluruh negara.

Oleh sebab itulah pelbagai penambahbaikan yang telah kita lakukan seperti pembelian aset kita, penambah baik untuk pasukan keselamatan kita.

Contohnya kalau kita ada CCTV, kalau di Bandaraya Kuala Lumpur sekarang ada 100 unit CCTV, kita akan tambah lagi dan kita bekerjasama dengan KPKT dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk sama-sama mengawasi CCTV kita. Kita juga ada pembelian dron-dron yang baru untuk kita memastikan selain daripada CCTV, kita gunakan khidmat dron untuk memastikan kegiatan jenayah ini dapat kita banteras. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengikut statistik, jenayah apakah yang paling banyak berlaku dalam tempoh PKP? Pasca PKP ini, apakah langkah seterusnya yang signifikan dan komprehensif dilakukan bagi memastikan jenayah ini dapat terus menurun pada masa-masa akan datang? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai. Kita kita lihat statistik indeks jenayah, yang paling banyak berlaku semasa PKP ini adalah curi motosikal. Kita mendidik masyarakat kita dalam program pendidikan seperti sukarelawan polis bagi orang awam, kita ada RakanCop, kita ada Kadet Polis bagi sekolah, kita ada Kor Sukarelawan Polis Siswa-siswi semasa di pusat pengajian tinggi dan kita juga ada polis bantuan. Kita menggalakkan polis turun ke masyarakat komuniti menerusi program-program yang kita jalankan iaitu Komuniti Polising. Ini yang akan kita laksanakan. Kita minta kerjasama semua masyarakat yang kita sebutkan, "*Polis dan masyarakat berpisah tiada*". Terima kasih.

Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya sebab ada *new normal* kerana indeks jenayah sekarang ini ia berpindah. Kalau mengikut laporan NST, jenayah *scam*, ia berbalik kepada jenayah yang atas talian. NST pada 12 April tahun ini, seorang guru telah menjadi mangsa '*love scam*' dengan izin dan kehilangan RM100 ribu. Pada 11 Julai, bulan ini juga, RM112 ribu yang menjadi mangsa.

Apakah langkah-langkah? Satu, mengesan. Walaupun kita ada aset yang lain-lain adalah untuk jenayah yang berlaku tetapi jenayah talian atau *online*, ini yang penting. Sekarang ini ada *new normal* dan saya berterima kasih kepada *frontliners*, polis-polis semua itu tetapi ini mesti dibuat supaya kita bersiap siaga mencegah, mengesan dan membanteras. Apakah langkah-langkah? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih yang disebut juga idola saya, Yang Berhormat Pandan ini. Pemimpin-pemimpin kita sama ada pihak kerajaan, pihak pembangkang yang baik budiman, kita boleh jadikan idola. Yang Berhormat Port Dickson juga menjadi idola kepada anak muda kita, Yang Berhormat Pandan menjadi idola kepada anak muda kita, Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi idola kepada anak muda di luar sana. Jadi kalau ini dapat kita laksanakan di antara pembangkang dan kerajaan yang bersama-sama untuk membangunkan negara, apa salahnya kita sebut mereka ini idola. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Pandan.

Memang beberapa jenayah komersial seperti mana jenayah *scam* yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan, cuma dua kategori ini tidak masuk di dalam indeks jenayah dan pihak PDRM sedang mengkaji untuk memasukkan supaya jenayah komersial ini menjadi satu tumpuan yang khusus bagi kita menangani jenayah *online*. Oleh sebab itu, kita akan mempertingkatkan perkakasan kita bagi mengesan supaya jenayah *online* ini dapat kita banteras. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hj Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyampaikan serangkap pantun untuk pagi ini.

*Pindah kementerian tambah pengalaman;
Menteri menerima penuh tanggungjawab;
Tuan Yang di-Pertua orang budiman;
Soalan nombor lima perlu dijawab.*

5. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, mekanisme serta inisiatif yang diambil oleh kementerian bagi membantu perkembangan koperasi di Malaysia terutama koperasi yang baru ditubuhkan atau yang bergelut dengan masalah aliran tunai.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ini pantun kurang sedikit [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, bantuan terhadap koperasi. Dua persoalan, koperasi baru dan koperasi menghadapi masalah. Ini secara umum tidak ada kena-mengena dengan soalan COVID dan seterusnya.

Koperasi yang baru, Program Pembudayaan Koperasi melalui Pembangunan Kapasiti Modal Insan dan Pendidikan atau *monitoring and coaching*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, diadakan bertujuan untuk membantu koperasi baru bagi menceburi dan menetapkan perniagaan melalui pemindahan pengetahuan, pengalaman, kepakaran oleh *established player* kepada koperasi dan anggota. Peruntukan sebanyak RM5 juta telah disediakan dalam tempoh 2016 hingga 2020. Sehingga akhir tahun 2019, sebanyak 18 buah koperasi telah terlibat dalam program ini.

Kedua, geran pembangunan ditawarkan kepada koperasi baru yang telah beroperasi sekurang-kurangnya enam bulan dan mempunyai aktiviti perniagaan berpotensi untuk dikembangkan. Koperasi yang terjejas menghadapi masalah aliran tunai. Kementerian turut membantu koperasi terjejas yang mengalami masalah aliran tunai dengan menawarkan kemudahan pembiayaan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi tanpa cagaran. Kemudahan ini telah berjaya membantu sebanyak 45 buah koperasi terjejas dan menghadapi masalah aliran tunai dengan jumlah yang telah diluluskan bernilai RM2.21 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi. Pada 27 Mei 2020, saya telah mengumumkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi sebagai inisiatif MEDAC, kementerian dalam membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana, mikro dan koperasi untuk terus bertahan menjalankan perniagaan, memastikan pemulihan serta kelestarian operasi perniagaan usahawan yang terjejas akibat wabak COVID-19.

■1050

Bagi sektor koperasi, Bahagian Pembangunan Koperasi (MEDAC) bersama agensi pelaksana iaitu SKM, IKM, selain daripada TEKUN serta INSKEN telah menerusi program pemulihan secara menyeluruh dalam menggerakkan semula perniagaan sektor koperasi, termasuk pemberian geran kepada koperasi yang sedang membaik pulih bidang perniagaan sedia ada. Program sedia ada dan baharu seperti pemulihan koperasi terjejas, geran kepada koperasi pembiayaan Ar-Rahnu, *ecommerce*, *Onboarding Coaching Programme (E-Board)* bagi menyediakan koperasi menjalankan perniagaan menerusi platform e-dagang dan *mapping of supply chain* telah dicadang oleh MEDAC untuk dilaksanakan bagi membantu pemulihan koperasi yang terjejas.

MEDAC juga menjalankan menerusi pelan sedikit sebanyak aktiviti perniagaan koperasi dapat dipulihkan dalam tempoh jangka pendek dan seterusnya dapat merencanakan semula ekonomi negara yang jatuh akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah membuat kajian untuk mentransformasikan keseluruhannya Pergerakan Koperasi Malaysia supaya kita boleh lebih dinamik dan lebih berjaya dan berjiwa saing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Jerantut. Sila.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang baik, cuma saya ingin mendapatkan penjelasan yang mungkin lebih *detailed* sedikit. Kita umum mengetahui bahawa COVID-19 melanda bukan sahaja sektor-sektor perniagaan yang lain, termasuk juga koperasi-koperasi.

Jadi, ada antara koperasi-koperasi ini yang bergelut untuk meneruskan aktiviti mereka, terutama bagi koperasi-koperasi yang baharu. Jadi, adakah pihak kementerian menasarkannya koperasi-koperasi yang baharu, yang hendak memulihkan semula perniagaan mereka? Jadi, apakah program-program khusus bagi koperasi-koperasi yang sebegini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri. Satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, COVID-19 telah menjejaskan ramai pihak koperasi. Berdasarkan kajian Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), hingga 60 peratus koperasi terjejas iaitu sebanyak 8,700 buah koperasi. Sektor yang paling terjejas ialah sektor pelancongan. Sebagai mana yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa sektor pelancongan telah mempunyai perancangannya sendiri, maka tindakan di bawah Kementerian Pelancongan itu akan juga melibatkan pihak-pihak koperasi. Terdapat juga 252 buah koperasi wanita, keseluruhannya lebih 50 peratus daripadanya terjejas iaitu 125 buah koperasi.

Ini juga Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang saya telah umumkan dahulu dari hari ini bahawa saya telah mengagihkan RM80 juta daripada sumbangan TEKUN, diberi kepada koperasi wanita untuk melaksanakan, untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak koperasi wanita dalam masa COVID-19 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dijemput Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Lumut, saya ternampak Yang Berhormat Ledang dahulu. Sila.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kita tahu sebenarnya warga koperasi ada 6.5 juta orang dan ada 14 ribu buah koperasi. Perolehannya RM42 bilion, asetnya RM142 bilion, jadi jumlah ini sangat besar. Justeru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan menimbangkan untuk membenarkan supaya syarat untuk pembelian hartanah itu yang sekarang ini 50 peratus daripada Kumpulan Wang Anggota, dilonggarkan agar koperasi boleh mengambil manfaat dalam keadaan kemurungan ekonomi dan dalam keadaan di mana hartanah sekarang banyak dijual? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang membuat satu kajian pindaan kepada perundangan koperasi. Itu langkah *basic* untuk kemajuan koperasi itu sendiri. Pindaan ini *insya-Allah* bakal dibawa di Persidangan Dewan kali ini untuk dipertimbangkan oleh Majlis. Kalau dapat, maka pindaan ini akan memberi nafas baharu kepada pihak koperasi dan memudahkan lagi, bukan sahaja dari sudut penubuhan tetapi juga sudut pelaksanaan dan pentadbiran koperasi itu sendiri.

Jadi, daripada bidang-bidang lain itu juga akan kita lihat oleh sebab sebagai mana yang saya sebutkan tadi, untuk mentransformasikan sebuah badan yang berjumlah 14 ribu lebih koperasi dan seramai 9.09 juta orang ahli ini di seluruh Malaysia, maka kita memerlukan masa sedikit dalam jangka masa *insya-Allah* dua tahun, kita akan melihat semua sistem koperasi ini boleh dibaikpulih, termasuk apa persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk pertanyaan jawab lisan seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Puan Maria Chin binti Abdullah Yang Berhormat Petaling Jaya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, nombor 'lima'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Menteri.

6. Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna untuk menyatakan, sama ada kerajaan mempertimbangkan pengenalan klausa dalam Akta Syarikat 2016 bagi mewajibkan syarikat-syarikat melaporkan gaji purata mengikut gender, pecahan gender mengikut gred gaji dan peratusan penerima bonus mengikut pecahan gender dalam laporan tahunan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna menjawabnya. Tempoh masa tiga minit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Tuan Yang di-Pertua, dia sebut nombor lima, sebenarnya nombor enam.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: *Sorry*, nombor enam.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Nombor lima telah dijawab. Okey Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada yang bertanya. Keperluan syarikat untuk menyerah simpan penyata tahunan adalah termaktub dalam Akta Syarikat 2016. Kandungan penyata tahunan adalah berkait dengan maklumat-maklumat korporat yang diperlukan oleh SSM dalam melaksanakan fungsinya sebagai penyimpan maklumat korporat dan pengawal selia perundangan korporat dan perniagaan. Sehubungan itu, maklumat berhubung penggajian pekerja adalah di luar skop perundangan yang di takbir di bawah Akta Syarikat 2016. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak berhasrat untuk meminda akta syarikat untuk mewajibkan syarikat melaporkan penggajian pekerja sebagai sebahagian daripada laporan tahunan syarikat kepada SSM.

Memandangkan perkara berkaitan penggajian pekerja adalah di luar skop SSM kerana terdapat pihak lain yang telah dipertanggungjawabkan terhadap perundangan berhubung perkara tersebut, adalah lebih tepat sebarang cadangan pelaporan melibatkan isu gaji, bonus dan pecahan gender dikemukakan kepada pihak berkenaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, soalan tambahan yang pertama.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah Malaysia telah komited kepada *Sustainable Development Goals* (SDG), dengan izin, dan matlamat lima kesaksamaan gender adalah amat penting. Adakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian pasca COVID-19 untuk memperkasakan status ekonomi wanita untuk mengatasi perbezaan gaji, gender? Adakah kemungkinan mempunyai satu proses pengesahan yang memerlukan perniagaan untuk mengesahkan dan memberitahu pekerja wanita dan lelaki bahawa mereka dibayar gaji yang sama atau gaji yang bernilai yang sama? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam jawapan jelas tadi yang berkaitan dengan yang ditanya semula itu adalah lebih kepada kementerian yang lain. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat yang bertanya, mengapa di peringkat di SSM atau di kementerian ini, kita berpandu kepada penetapan piawaian perakaunan oleh MAA sendiri iaitu penetapan di bawah tanggungjawab Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board*-MASB, ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Akta Laporan Kewangan 1997. Lembaga ini mempunyai kuasa tersendiri untuk memaju dan menerbitkan piawaian perakaunan dan laporan kewangan di Malaysia.

■1100

Jadi Tuan Yang di-Pertua, piawaian perakaunan di Malaysia adalah berdasarkan standard antarabangsa. Jadi, kita di peringkat antarabangsa, maklumat pengajian secara mendalam atau terperinci tidak perlu dizahirkan dalam penyata kewangan ini. Walau bagaimanapun, maklumat ini mungkin boleh diperolehi daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri tertakluk kepada perundangan yang ditadbir.

Soalan yang lain itu biar kami menjawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua jemput Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat sekian kalinya saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, kita ada banyak syarikat yang telah didaftarkan tetapi tidak menghantar laporan penyata tahunan.

Soalan saya, adakah pihak kementerian mengambil tindakan kepada syarikat yang tidak menghantar laporan tahunan? Adakah cadangan pihak kementerian, Tuan

Yang di-Pertua untuk buat pemutihan kepada syarikat-syarikat yang tidak aktif yang kita ada beratus ribu buah syarikat didaftarkan sama ada pemilikan tunggal ataupun sendirian berhad tetapi tidak aktif. Adakah pihak kementerian bercadang untuk membuat pemutihan dengan tidak mengenakan sebarang kompaun untuk mereka, *wind-up* dengan izin syarikat berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Sila Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya jawab dulu soalan kedua tadi. Tuan Yang di-Pertua, usaha pemutihan itu sedang dijalankan secara berterusan. Sama ada mereka dikenakan kompaun atau pun tidak adalah tertakluk kepada perundangan yang ada. Jadi, kita tidak boleh, katakan lepaskan mereka daripada kompaun. Akan tetapi, kita boleh lihat daripada cadangan itu juga.

Jadi, kepada syarikat-syarikat yang tidak menghantarkan laporan itu memang ada termaktub juga dalam perundangan di mana mereka semestinya menghantar laporan tahunan mereka. Jadi, kalau tidak, memang ada dalam perundangan itu untuk kita mengenakan sesuatu kepada mereka. Semua ini Tuan Yang di-Pertua adalah termaktub dalam perundangan berkaitan pada Pendaftar Syarikat. Sekian, terima kasih.

7. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sebarang inisiatif baharu atau langkah khusus bagi menangani isu pemilikan rumah dalam kalangan generasi muda dan sejauh manakah kerjasama yang dijalankan bersama pemaju untuk mencapai matlamat tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jempol yang cukup prihatin tentang masa depan hal pusaka ataupun harta negara anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum inisiatif baharu dan langkah khas dilakukan, sebenarnya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melakukan beberapa program di bawah perkara ini. Pertama, Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia di mana program ini satu Skim Rumah Mampu Milik untuk penjawat awam yang bertujuan membantu penjawat awam khususnya penjawat awam muda dan berpendapatan sederhana. Begitu juga Skim Perumahan Mampu Milik Swasta iaitu *MyHome*, Rumah Transit, Rumah Transit Belia, Perumahan PR1MA, Syarikat Perumahan Negara Berhad dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, antara inisiatif baharu atau langkah khusus kerajaan bagi menangani isu pemilikan rumah termasuk dalam kalangan generasi muda melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA 2020) yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bagi sektor hartanah. Kerajaan telah bersetuju dengan tiga inisiatif untuk merencanakan semula pasaran hartanah seperti berikut;

- (i) Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign 2020*). Insentif oleh kerajaan diberikan melalui pengecualian duti setem dan insentif oleh pemaju perumahan diberikan melalui diskaun harga jualan sekurang-kurangnya sebanyak 10 peratus. Insentif pengecualian duti setem yang diberikan adalah seperti berikut:
 - (a) harga rumah sejumlah RM300 ribu hingga RM2.5 juta, surat cara pindah milik dan pengecualian duti setem sebanyak 100 peratus;
 - (b) perjanjian pinjaman, pengecualian duti setem sebanyak 100 peratus ke atas keseluruhan; dan
 - (c) diberikan diskaun sekurang-kurangnya sejumlah 10 peratus ke atas harga jualan rumah.
- (ii) pengecualian cukai keuntungan hartanah iaitu cukai yang dikenakan ke atas keuntungan dari hasil jualan hartanah; dan
- (iii) had pembiayaan bagi pinjaman perumahan. Nisbah had pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan bagi peminjam perumahan yang mempunyai dua atau lebih pinjaman perumahan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sentiasa bekerjasama dengan pihak pemaju atau mencapai matlamat kerajaan dalam menangani isu pemilikan rumah untuk rakyat, antara kerjasama yang telah dilakukan adalah Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2019.

Kedua, Kempen Pembelian Rumah Pertama iaitu pembelian rumah baharu daripada pemaju perumahan termasuk pembelian rumah yang dikehendaki oleh rakyat.

Antara pencapaian pelaksanaan Tuan Yang di-Pertua, unit terjual dengan kerjasama REDHA, SHAREDADA dan SHEDA sejumlah 27,803 buah unit bernilai RM17.7 bilion. Banyak lagi sebenarnya program-program yang dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Jempol soalan tambahan pertama.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Pertama Tuan Yang di-Pertua saya hendak betulkan kaki- menyatakan bahawa Timbalan Menteri daripada PAS. Saya rasa tidak betul tadi. Dia Yang Berhormat Maran. Jadi, belum boleh jadi *level* Tok Guru lagi [*Ketawa*]

Menurut Bank Negara Malaysia, harga rumah berada pada paras yang sangat tidak mampu milik kerana harga yang ditawarkan di luar kemampuan kewangan rakyat. Kadar pertumbuhan pendapatan rakyat tidak seiring dengan kadar kenaikan harga rumah pada setiap tahun. Bermakna pendapatan boleh guna isi rumah tidak mencukupi untuk menanggung pembiayaan rumah. Selain daripada itu, gaji permulaan graduan baharu turut dilaporkan berkurangan. Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum pula hanya sejumlah RM1,200 sebulan bagi bandar utama dan sejumlah RM1,100 sebulan bagi luar bandar. Paras garis kemiskinan juga telah dinaikkan pada sejumlah RM2,208 daripada sebanyak RM980.

Soalan saya, sejauh manakah tafsiran harga rumah mampu milik pada masa ini bertepatan dengan keupayaan kewangan rakyat? Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula takrifan tersebut dengan mengambil kira kadar gaji permulaan graduan baharu, pelaksanaan perintah gaji minimum ini dan pendapatan garis kemiskinan baharu agar rumah mampu milik tidak menjadi rumah mampu tengok. Mohon Yang Berhormat Menteri menjawab. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Mampu tengok pun satu Rahmat untuk kita. Namun, yang terbaik harus kita miliki rumah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak *indicator* ataupun angkuh-angkuh yang menentukan pendapatan rakyat di negara kita. COVID-19 adalah satu *splendid factor* yang juga membuat perubahan pada pendapatan penduduk negara kita terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, tafsiran ataupun kaedah pengukuran perumahan mampu milik di Malaysia mengambil pendekatan berdasarkan metodologi gandaan, *median multiple* sebagai *indicator* utama bagi menilai kemampuan memiliki rumah. Formula yang kita gunakan adalah harga rumah mampu milik, pendapatan penengah, median darab 12 darab tiga. Oleh sebab itulah kadar harga rumah yang ditentukan di bawah Program Rumah Mampu Milik ini kategori harga rumah mampu milik adalah berdasarkan dua kategori iaitu jenis satu bernilai RM150 ribu ke bawah dan jenis kedua bernilai RM150 ribu hingga sejumlah RM300 ribu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perumahan Negara sedang meneliti Laporan Pendapatan Isi Rumah dan Pendapatan Garis Kemiskinan baharu seperti mana yang telah diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini. Kita harap penelitian ini akan kita teruskan supaya harga rumah dapat disesuaikan dengan pendapatan dan milikan oleh rakyat negara kita. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, soalan tambahan yang kedua. Saya jemput Yang Berhormat Kampar, sila.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan isu inisiatif yang dijalankan bersama dengan pemaju untuk menangani isu pemilikan rumah, saya hendak tanya kerajaan apakah langkah atau pun *consideration*, pertimbangan yang diberikan kepada pembeli rumah PR1MA asal yang kini terpaksa menanggung kerugian yang sejumlah 30 peratus akibat daripada kempen HOC seperti yang dijalankan. Mereka sekarang terpaksa bayar pinjaman bank dan juga faedah yang tinggi. Apakah langkah untuk mengatasi masalah mereka ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1110

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, akan meneliti masalah-masalah yang dihadapi sama ada oleh penjual ataupun pembeli.

Umpamanya, saya hendak fokus kepada perumahan bawah belia muda ini, 40 tahun, sebagai contoh di bawah PR1MA...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Ya.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Masalahnya pembeli rumah PR1MA sekarang sedang mengalami kerugian 30 peratus akibat kempen HOC yang dijalankan. Yang Berhormat Menteri pada tahun lalu, kata sedang kaji untuk menyelesaikannya. Sekarang, lagi kaji. Mana boleh.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ini kerajaan baharu. Kerajaan baharu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: *[Ketawa]* Baik. Tuan Yang di-Pertua, kita jangan terlalu agresif. Kita mesti kaji, biar kajian- hasil daripada kajian yang kita buat itu dapat pulangan faedah kepada kita.

Saya hendak fokus kepada soalan asal tentang belia tadi, anak muda di mana kalau tengok PR1MA- nanti Yang Berhormat...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Bukan belia. Kita bukan cakap belia tetapi kita cakap pembeli asal...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: PR1MA telah meluluskan...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Bukan belia, pembeli asal PR1MA yang sebelum HOC dijalankan. Harga diturunkan 30 peratus kerana mereka mengalami kerugian daripada segi harga rumah dan juga sedang membayar bank dengan *loan* yang tinggi. Dulu Yang Berhormat Menteri telah katakan hendak kaji untuk selesaikan masalah mereka tetapi sekarang jawapannya kaji lagi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Saya juga difahamkan bahawa kes ini ada juga dibawa ke mahkamah. Jadi, saya ingat kita tunggu tengok Yang Berhormat. Nanti- walau bagaimanapun, saya menghubungi untuk dapatkan penjelasan yang lebih tentang perkara ini tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh celah sama?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Tidak boleh celah.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tiada. Bukan. Perkara yang sama. Bilakah agak-agaknya kajian akan selesai?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Mana boleh celah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Sudah. Saya tidak boleh menentukan tarikhnya bila. Ia terpulang kepada keputusan mahkamah. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini bukan sesi perbincangan, ini sesi untuk jawab soalan-soalan lisan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sekarang menjemput pertanyaan jawab lisan yang seterusnya. Saya menjemput Yang Berhormat Bukit Mertajam.

8. **Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan status pusat atlet di Bukit Jalil, berapa orang atlet yang telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan pusat atlet dan rancangan kukuh dalam jangka masa pendek dan panjang untuk memberi sokongan kepada atlet dalam bidang pendidikan dan pekerjaan.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, fungsi dan peranan pusat atlet masih lagi penting dan signifikan kepada pusat sehenti untuk para atlet mendapatkan khidmat nasihat dalam pelbagai aspek, antaranya:

- (i) kerjaya;
- (ii) pendidikan;
- (iii) pengurusan kewangan; dan
- (iv) kaunseling.

Suka saya maklumkan di sini bahawa Kementerian melalui MSN akan meneruskan inisiatif yang sebaik ini yang telah dimulakan oleh kepimpinan yang lalu di bawah Yang Berhormat Muar dan juga Yang Berhormat Bukit Mertajam. Berdasarkan data semasa, seramai 210 orang atlet telah mendapat perkhidmatan yang telah disediakan di pusat pada tahun ini, sebelum bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan pandemik COVID-19.

Dalam aspek pendidikan, Sekretariat Kerjaya dan Pendidikan Atlet (MACE) yang diusahakan pada tahun 2016 di bawah kepimpinan Yang Berhormat Rembau pada waktu itu, akan terus menjadi tunjang kepada penubuhan pusat sehenti ini. Pada waktu ini, MACE sedang dan telah melaksanakan beberapa perkara seperti berikut.

Pertama, mengadakan kerjasama dengan lapan buah institusi pengajian tinggi dan dua buah institusi kemahiran. Kerjasama ini telah menyediakan program pengkajian atlet negara seperti peluang biasiswa dan *customized program* bagi membantu atlet memanfaatkan semaksimal mungkin program latihan dan pembelajarannya.

Kedua, manakala program *1 State-1 University-1 Centre (1S1U1C)* pula, seramai 97 orang atlet telah *pun* menerima tawaran pendidikan di 14 buah cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan tiga buah institusi pengajian tinggi awam serta institusi pengajian tinggi swasta. Program ini merupakan kolaborasi antara IPT dan MSN peringkat negeri bagi menyediakan ruang serta peluang kepada atlet-atlet, khususnya atlet negeri untuk melanjutkan pengajian ke menara gading tanpa mengorbankan karier sukan mereka.

Selain daripada bidang pendidikan, laluan kerjaya atlet turut diberi tumpuan bagi atlet-atlet yang bakal bersara melalui projek *Track* ataupun *Athlete Track Programme*. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan, syarikat swasta serta agensi-agensi kerajaan yang bakal menyediakan peluang pekerjaan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk jangka masa pendek bersesuaian dengan cabaran dan suasana ekonomi semasa, pusat atlet perlu diberikan pemerksaan dan pemantapan yang lebih kukuh dan menyeluruh. Elemen keusahawanan, ekonomi gig dan ekonomi digital juga diletakkan sebagai salah satu daripada ikhtiar baharu dan terkini untuk membantu atlet dan bekas atlet.

Pada ketika ini, melalui inisiatif Kolaborasi Rentas Kementerian, KBS sedang merangka sinergi bersama beberapa kementerian dan agensi seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), khusus bagi mewujudkan program '*sportpreneurship*' kepada atlet bagi membuka peluang kerjaya terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Adalah diharapkan program ini akan dapat meneroka ruang dan peluang perniagaan kepada atlet yang bakal bersara dengan menyediakan kemahiran asas, perancangan dan juga akses kepada dana kewangan untuk memulakan perniagaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Bukit Mertajam. Soalan tambahan pertama.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih atas jawapan yang saya rasa agak lengkap yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Soalan saya, dalam masa tiga hingga empat bulan ini, ada ramai terutamanya jurulatih, *gym instructor*, pengurus acara- *event manager*, terutamanya dalam sektor

sukan ini yang telah menghadapi masalah daripada segi pekerjaan dan perniagaan mereka. Salah satu aduan yang saya terima, contohnya di kawasan saya, ada *gym instructor* dan juga jurulatih renang yang mana pendapatan gaji mereka telah berkurangan sebanyak 80 peratus dan ada yang telah kehilangan pekerjaan kerana PKP. Saya mohon tindakan ataupun maklum balas daripada pihak kementerian tentang isu ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya itu satu cabaran. Oleh sebab itu, di pihak kementerian, saya bersama dengan rakan-rakan di peringkat KBS, sedia sedaya mungkin cuba meyakinkan MKN dengan KKM bagi memastikan sektor sukan dapat dibuka pada seawal mungkin bagi membolehkan mereka yang terkesan akibat berlakunya penutupan premis-premis dan fasiliti-fasiliti sukan, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang telah membawa kepada penjejasan kehidupan mereka.

Namun begitu, di peringkat persatuan, kita ada sediakan dana yang sejumlah RM10 juta yang dikenali sebagai Inisiatif Prihatin Sukan yang dibuat bagi memastikan bahawa dalam tiga perkara utama, persatuan-persatuan sukan ini akan terus dapat diberi pembelaan. Antaranya daripada segi, dari sudut bantuan pentadbiran. Bantuan untuk membolehkan mereka mengambil kesempatan untuk pendigitalan operasi mereka dan juga bantuan program. Keseluruhannya berjumlah hampir RM70 ribu, dan memakan jumlah secara keseluruhannya hampir RM10 juta.

Namun begitu, berkaitan dengan mereka yang terlibat secara operator ataupun *private facilities*, saya telah berbincang dengan Kementerian Kewangan, satu bentuk rangka inisiatif yang sedang dicadangkan. Mungkin akan diambil dalam perkiraan untuk Belanjawan 2021, nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila...

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: [Bangun]

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Soalan terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput soalan tambahan yang kedua...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kimanis, Kimanis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kimanis.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Sebelah hujung ini [Ketawa]

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini negara dikejutkan dengan satu berita bekas penyerang kebangsaan, Muhamad Khalid Jamlus, yang dilaporkan terpaksa menjual Anugerah Kasut Emas beliau yang dimenangnya 18 tahun yang lalu akibat faktor kewangan selepas tiga tahun tiada pekerjaan. Ini mungkin salah satu contoh yang pernah berlaku. Mungkin lebih ramai atlet yang menghadapi masalah-masalah seumpama ini.

Soalan saya, adakah terdapat sebarang usaha yang telah dilaksanakan oleh pusat atlet untuk mengenal pasti dan menjejaki bekas atlet yang pernah mengharumkan nama negara di persada dunia yang kini mempunyai masalah kewangan dan sukar untuk mendapatkan pekerjaan ataupun menyara keluarga masing-masing? Terima kasih.

■1120

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican: Soalan ini pun saya sudah jawab pada minggu yang lalu. Untuk mereka yang bergelar bekas atlet, Yayasan Kebajikan Bekas Atlet (YAKEB) telah berperanan dalam membantu mereka. Ini demikian juga yang berkaitan dengan secara spesifik pada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kimanis tadi, berkaitan dengan Khalid Jamlus. Beliau merupakan bekas penolong jurulatih kepada Persatuan Bola Sepak PDRM dan kontrak beliau tidak disambung ekoran pandemik COVID-19.

Namun, sebagaimana jawapan saya yang terdahulu bahawa situasi COVID-19 ini Yang Berhormat, situasi yang disebut berulang kali adalah *unprecedented* dan banyak

benda dan aspek yang bersifat *unforeseeable circumstances* berlaku. Namun, YAKEB mengambil peranan yang agak agresif dan agak proaktif.

Di peringkat awal ketika saya diberi tanggungjawab, Kementerian Belia dan Sukan telah pun melakukan suntikan dana kepada YAKEB untuk bantu bekas-bekas atlet ini, termasuklah beberapa orang atlet yang saya sebut pada jawapan yang lalu seperti Namat Abdullah dan yang terbaharunya Rabuan Pit, seorang atlet *sprinter* 100 meter yang telah mendapat pingat emas di Sukan Asia.

Untuk Khalid Jamlus, Timbalan saya telah berjumpa dengan beliau, YAKEB juga telah berjumpa beliau. Mutakhirnya MSN sendiri telah berjumpa untuk melihat aspek-aspek untuk meningkatkan kebolehpasaran beliau, terutamanya dalam bidang kejurulatihan bola sepak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, Serian.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembetulan sedikit. Nama saya Richard Riot. Soalan saya nombor sembilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, sekali lagi yang menjawabnya, tiga minit.

9. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apa status terkini Projek Pembinaan ILP Serian.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Institut ini dibangunkan di atas tanah seluas 56.76 ekar di *Bukar Sadong District*, Kampung Tangga, Serian, Sarawak. Institut ini dapat menampung seramai 600 orang pelajar pada satu-satu masa bagi mengikuti kursus yang ditawarkan kelak. Pembinaan institut ini merangkumi pembiayaan lima buah blok bengkel latihan, bangunan pentadbiran, bangunan asrama, bangunan kuarters, surau dan kemudahan sukan. Status kemajuan bagi projek ini 12.06 peratus, berbanding jadual 32.2 peratus, melibatkan kelewatan sebanyak 19.6 peratus.

Kelewatan ini yang berlaku disebabkan kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan bermula daripada 18 Mac hingga 2020. Aktiviti pembangunan hanya dapat dimulakan kembali pada 12 Mei 2020 dengan mematuhi SOP pembinaan yang ditetapkan. Selain daripada itu, terdapat juga halangan utiliti tiang elektrik di tengah tapak bina yang perlu dialihkan untuk aktiviti pembinaan dan arahan perubahan kerja yang dikeluarkan kepada pihak kontraktor akibat pertukaran skop kerja yang menyumbang kepada kelewatan projek.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menyusun semula program kerja bagi pelan pemulihan projek. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa (EOT), dengan izin, dan susulan permasalahan seperti yang dinyatakan di atas dan sedang diteliti oleh pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, soalan tambahan pertama.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kerajaan kerana meneruskan Projek Pembinaan ILP Serian. Yang Berhormat Menteri, Sarawak pun sudah mempunyai dua ILP dan sebuah ADTEC iaitu ADTEC Bintulu. Soalan saya, dengan siapnya pembinaan ILP Serian ini nanti, Sarawak akan mempunyai tiga buah ILP dan sebuah ADTEC. Adakah silibus yang bakal ditawarkan di ILP ini nanti benar-benar bersasaran membantu melahirkan lebih lagi pekerja yang mahir, sekali gus membantu negeri Sarawak mencapai status negara maju menjelang 2030? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Serian, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah kita dunia mengalami pandemik COVID-19, semua skop-skop pengajian dan pendidikan telah ditukar mengikut norma-norma baharu. Saya percaya dan setelah menyiapkan ILP Sarawak, kita akan memperkenalkan pendidikan-pendidikan yang lebih relevan mengikut norma baharu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya ingin teruskan soalan jawab lisan seterusnya, ingin menjemput Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir, Temerloh.

10. Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, status terkini penggunaan bahan getah dan plastik sebagai bahan tambahan untuk turapan jalan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan komited untuk membantu meningkatkan kepelbagaian penggunaan getah tempatan dalam produk-produk industri dan seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Sebagai contoh, kerajaan telah memperluaskan penggunaan getah tempatan dalam bentuk *cup lump* sebagai bahan tambahan untuk turapan jalan pada tahun 2019 dan 2020 di seluruh Malaysia dengan peruntukan sejumlah RM100 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada getah asli *cup lump*, JKR juga telah menggunakan getah asli dalam bentuk lain sebagai bahan tambahan dalam bahan turapan jalan iaitu getah asli *latex* dan *crumb rubber*.

Terkini getah asli *latex* dan *crumb rubber* telah dan sedang digunakan dengan lebih meluas di seluruh negara pada tahun ini melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE 2020) dengan peruntukan awal berjumlah RM140 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya melalui Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE), Jabatan Kerja Raya juga telah menjalankan kajian ke atas penggunaan sisa plastik sebagai bahan tambahan dalam turapan jalan di makmal.

Seterusnya, telah melaksanakan kajian di tapak di Temerloh, Pahang pada tahun 2017, disusuli dengan Kemaman, Terengganu dan di Tangkak, Johor selepas itu. Pemantauan ke atas prestasi turapan di tapak kajian di Temerloh pada awalnya menunjukkan turapan jalan plastik lebih baik dari turapan jalan konvensional, di mana turapan tersebut didapati masih berada dalam keadaan baik ataupun tidak retak selepas 12 bulan. Manakala turapan konvensional telah mula retak selepas enam bulan. Walau bagaimanapun, turapan plastik didapati telah mula retak selepas 15 bulan.

Plastik yang digunakan ialah *industrial waste* yang diperolehi dari pusat membeli belah dan sebagainya. Hakikatnya, bukan semua sisa plastik dapat digunakan sebagai bahan tambahan dalam turapan jalan, khususnya yang lebih tebal dan tidak mudah cair bila dipanaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mempersilakan Yang Berhormat Temerloh untuk soalan tambahan yang pertama.

Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh]: Tuan Yang di-Pertua, saya dibenarkan oleh Bentara untuk duduk. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melakukan kerja-kerja pengindahan dan penurapan semula jalan di sekitar ibu negara menggunakan, dengan izin, *rubberized bitumen* iaitu teknologi *cup lump modified asphalt* dengan penurapan semula di laluan keluar masuk ke bangunan Parlimen dan jalan-jalan sekitarnya telah dilaksanakan pada penghujung tahun 2019.

■1130

Mungkinkah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dengan kerjasama Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan boleh menganjurkan dan dicadangkan kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain yang berminat untuk mengadakan lawatan dan menerima taklimat lanjut tentang teknologi dan kaedah penurapan jalan sebegini? Terima kasih.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan itu. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa semakin mencemburui kita, saya jawab secara ringkas sahaja.

Cadangan daripada Yang Berhormat Temerloh tadi satu cadangan yang baik kerana teknologi yang digunakan itu teknologi yang terkini dan satu pendekatan yang sesuai untuk digunakan. Saya percaya kerjasama di antara DBKL dan juga KKR boleh

dibuat dan dilaksanakan dengan menjemput, seperti cadangan Yang Berhormat tadi, Ahli-ahli Parlimen untuk melihat sendiri keberkesanan teknologi yang digunakan oleh KKR dan DBKL ini. *Insyaa-Allah*, ia boleh dijalankan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat. Maaf ya.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENTUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PUERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan mentunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas.” **[16 Julai 2020]**

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum perbincangan bermula...

Tuan Yang di-Pertua: Saya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong, Jelutong. Atas isu Peraturan Mesyuarat, saya mohon merujuk kepada Peraturan 2 dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat menetapkan kerusi Ahli-ahli yang berbunyi seperti berikut, “*Pada hari yang pertama diadakan mesyuarat selepas Pilihanraya dan kemudian daripada itu sehingga kerusi bagi tiap-tiap ahli ditetapkan, ahli-ahli hendaklah duduk di mana-mana jua tempat yang diaturkan oleh Setiausaha.*”

Pada minggu yang lalu, kami daripada Pakatan Harapan diminta untuk duduk di sebelah kiri Tuan Yang di-Pertua. Ketika itu, kedudukan selesai tetapi memang tidak ada *mic* dan tidak ada komputer. Pada hari ini, kita telah dipindahkan untuk duduk di galeri orang awam yang dikhaskan untuk orang awam dan sungguh tidak selesai dalam keadaan begini. Kalau dulu tempat duduk selesai, sekarang bagi saya sendiri tak boleh duduk sebab saya tinggi. Sungguh sempit tempat tersebut. Pada minggu yang lalu juga, ada Yang Berhormat daripada Perikatan Nasional mengatakan- Yang Berhormat Kinabatangan kalau tak silap saya. Bila kita hendak datang ke bawah hendak ambil *mic*, kalau jatuh tersungkur lagi teruk.

So, adakah ini cara kita hendak mengekang perbincangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan? Ini adalah sungguh tidak adil. Kalau kita lihat di hadapan sini, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Perikatan Nasional tidak ada *social distancing*, mereka sungguh selesai. Saya akur bahawa kita perlu memastikan bahawa SOP kesihatan sentiasa dipatuhi tetapi janganlah gunakan kesempatan dan alasan itu untuk cuba mengekang dan menarik semua kemudahan yang ada pada kita. Ini adalah sungguh tidak adil, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya jawab?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Sebenarnya setelah ditetapkan tempat duduk minggu sudah itu, saya mempunyai beberapa *complaints* bahawa tempat itu tak berapa sesuai kerana terdapat tiang yang besar itu, ia *blind spot* dan tidak boleh nampak. Saya juga mendapat *complaint* bahawa agak susahlah daripada segi visual, kemudian kamera pun tak dapat *capture sometimes* itu. Pada sesetengah masa itu apabila Yang Berhormat berdiri, kamera tak dapat *capture*. Kemudian susah hendak datang ke depan untuk mendapatkan *microphone* itu.

Jadi, saya sendiri yang membuat perhatian, saya turun dan saya lihat. Saya ingatkan kalau kita ubah ke sini... [Merujuk kepada tempat duduk di Galeri Awam] Maka dari segi visualnya senang saya nampak dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun senang nampak saya.

Kemudian, apabila Ahli-ahli Yang Berhormat yang di situ hendak bangun untuk mencelah, maka boleh juga dilihat oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang sedang berucap itu. Padahal kalau di sini... [Merujuk kepada tempat duduk pegawai bertugas di sebelah kanan Dewan] Bila Ahli-ahli Yang Berhormat di sini berdiri untuk mencelah itu, tak dapat dilihat oleh Yang Berhormat yang sedang berucap.

So, saya dengan niat yang baik sebenarnya- bukan untuk mengekang perbahasan atau apa-apa- datang melawat ke sini... [Merujuk kepada tempat duduk di Galeri Awam] Saya fikir kalau duduk di sini lebih baik kerana dapat dilihat dan sebagainya. Tidak berapa gelap dan kita nampak *each other*, antara satu sama lain.

Kemudian, saya telah usahakan untuk meletakkan *mic* dengan seberapa banyak yang mungkin. Sebelum saya membuat keputusan tersebut, sebenarnya Setiausaha Dewan Rakyat pun telah menelefon *party Whip* dan meminta pandangan beliau. So, pandangan beliau sebenarnya beliau setuju untuk diberi percubaan selama minggu ini. Kalau didapati tidak sesuai, maka terpaksa kita pulangkan balik ke tempat yang asallah. Tidak ada niat untuk mengekang perbahasan. Itu saya boleh beri jaminan kepada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tambah sedikit. Seperti Yang Berhormat Sarikei yang baru sahaja sembuh daripada COVID-19, kena turun naik tangga ke atas dan duduk di akhir sekali. Itu adalah tidak baik untuk kesihatan dia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kena pertimbangkan semua ini. Kalau *backbencher* boleh duduk satu baris empat orang, kenapakah kita tak boleh masuk ke dalam? Ini kena dipertimbangkan juga, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak naik sini kena turun naik, turun naik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu sebabnya...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Ini tidak sesuai langsung. *The facility* tak sesuai langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab kita kata kita hendak mencuba. Saya pun sudah sebenarnya *engage* dengan *party Whip* pun, bukan saya buat secara unilateral. Sebab kita ada keadaan COVID-19 ini kan, semua kita terpaksa melalui perkara-perkara begini. Bukan ada niat tak baik kah apa. So, kalau kita dapati ia tidak sesuai, kita akan ubah semula ya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan sahaja. Kalau Tuan Yang di-Pertua ingin bertindak adil, kenapakah tidak Ahli-ahli Parlimen dari Perikatan Nasional juga diminta untuk mengubah kedudukan mereka supaya kita duduk secara saksama? Kenapakah hanya Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang sahaja yang diminta duduk di *public gallery*?

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tambah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapakah bertindak begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab di sebelah Perikatan Nasional...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tambah satu lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Di depan sini... [Merujuk kepada tempat duduk beberapa Ahli] Tidak ada *social distancing* juga. So, saya harap kita boleh aturkan supaya kita *either* ikut *social distancing*- di depan ini semua tak ada *social distancing*.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, naik kapal terbang pun tidak ada *social distancing*, kita duduk sama juga.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya kita sudah letak *social distancing* dengan kerusi yang di belakang dan yang di depan. Dia tidak duduk selari di situ.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ambil maklum tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, nanti...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ambil maklum tetapi saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *As a man of the law*, saya berharap Tuan Yang di-Pertua akan bertindak adil dan membuat perubahan dengan seberapa cepat yang mungkin kerana bila kita lihat menteri-menteri berbahas dan kita ingin membangkitkan sesuatu perkara, sebelum kita sampai ke *mic*, mungkin mereka akan pergi ke perkara yang lain. Jadi kalau kita ingin membangkitkan sesuatu perkara yang begitu penting pada masa itu, memang kemudahan yang disediakan sekarang di tempat duduk awam ini memang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kalau Ahli-ahli Yang Berhormat rasa di sini... [Merujuk kepada tempat duduk Pegawai Bertugas di sebelah kanan Dewan] Lebih sesuai, maka...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bolehkah kita pindah kembali ke sana?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan sekaranglah sebab hendak kena pasang *mic* dan sebagainya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ataupun pindah ke hadapan?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan hari ini. Saya akan usahakan supaya secepat mungkin boleh kembali ke situlah. Nanti saya pun perlu libat urus dengan *party Whip* dahululah kalau hendak dipulangkan ke sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi perkara yang bermain di minda saya adalah kalau Ahli-ahli Parlimen daripada Perikatan Nasional boleh dibenarkan duduk di tempat masing-masing tanpa *social distancing*, kenapakah kita pula diminta untuk duduk di sini?

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Dia sebenarnya ada *social distancing* sebab...

Seorang Ahli: ...Kita duduk dalam *social distancing* Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua: Kerusi itu kita kebelakangan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak ada, tidak ada.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Jarak, jarak mana...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya lihat memang tidak ada. Tidak ada di antara mereka.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Jarak...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, there is no social distancing, you know.*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Jarak, jarak... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Memang ada.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kita sebelum ini pun duduk di atas ini, *public gallery* Yang Berhormat Jelutong. *We were there before.*

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, tak apa. Mari kita teruskan...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *We were there before*, kita tak kompelin pun Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya terima, saya terima.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kita setuju juga, tak ada masalah. Tak apalah pulangkan mereka ke sana balik. *It's okey* tak ada masalah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Jangan jadi kita pelarian Tuan Yang di-Pertua, satu hari di sana, satu hari di sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya terima nasihat Tuan Yang di-Pertua tetapi saya mohon kalau boleh perkara ini diberi perhatian segera. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan beri perhatian semula... *[Disampuk]* Saya beri perhatian semula.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kita berunding dengan parti *whip*. Minggu lepas PN duduk di atas sana, kita tak bising pun. Dia pasal duduk- okey, sekarang ini kita berunding yang penting dengan parti *Whip*, kalau parti *Whip* kata okey *comfortable*, kita bincang. Kalau mereka bercakap ini bukan mewakili, parti *Whip* yang mewakili. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebab saya memang pun sudah berunding dengan parti *whip* sebenarnya. Ini hanya untuk percubaanlah tak apa, saya akan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir saya hendak babitkan,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak ada masa sudah ini.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini bukan sahaja melibatkan tempat duduk kami...

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Yang Berhormat Jelutong duduk!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi melibatkan rakyat dari kawasan kami yang melihat...

Tuan Yang di-Pertua: Faham, faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, mereka akan mendapat persepsi seolah-olah Dewan Rakyat tidak benarkan kita bersuara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Faham-faham. Akan tetapi tidak ada niat yang sedemikian. Niat saya baik sebenarnya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak cadangkan sedikit kalau kita ikut amalan *House of Commons* siapa yang datang dulu dia dapat kerusi. Kita tengok macam hari ini di kerusi blok Kabinet kita tahu bukan hari-hari sebab Kabinet dia ada urusan yang lain. Jadi mungkin hanya dua *row* sahaja dipenuhi oleh Menteri, jadi Kabinet kena atur siapa yang hendak datang supaya kerusi-kerusi di belakang boleh diisi oleh *backbenchers*. Ada kekosongan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya, Yang Berhormat masalahnya kita ada kamera dan kita ada *zoom in camera* itu dengan mikrofon yang khas untuk sesuatu tempat itu, itu masalahnya. Akan tetapi tak apa, tak apa, saya tak hendak lengahkan masa kerana Titah Diraja ini perlu dibahaskan.

Saya hendak semua orang, semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebanyak mungkin memperbahaskan usul Titah Diraja ini. Jadi mari kita mulakan perbahasan pada hari ini. Sebelum kita mulakan saya ingin menyatakan barisan pembahas-pembahas pada hari ini, kita akan mulakan dengan Yang Berhormat Lumut, dituruti dengan Yang Berhormat Setiu. Kemudian Yang Berhormat Johor baru, disusuli Yang Berhormat Pasir Salak, kemudian Yang Berhormat Bangi dan kemudian Yang Berhormat Baram. Okey, saya mempersilakan...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Malim. Tanjong Malim sebelah kiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak pasti saya ada *miss* apa-apa poin kah minggu lepas tetapi apabila saya membaca satu laporan media yang mengatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua menulis surat kepada mahkamah untuk minta tangguhkan prosiding Yang Berhormat Pekan untuk membolehkan Yang Berhormat Pekan datang ke Parlimen untuk berbahas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Bolehkah saya dapatkan penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua apakah keperluan untuk Tuan Yang di-Pertua tulis surat kepada mahkamah minta tangguhkan prosiding Yang Berhormat Pekan untuk dia datang berbahas. Padahal giliran Yang Berhormat Pekan boleh ditundakan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tunda apa? Takut apa dengan Yang Berhormat Pekan?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya tak takut, saya tanya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, cuma minta penjelasan apakah keperluan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Keperluannya ialah Yang Berhormat Pekan punya masa untuk perbahasan usul Titah Diraja itu ialah pukul 3.40 petang pada hari tersebut. Kemudian pada paginya saya difahamkan beliau meminta pertanggunghan kes untuk datang ke Parlimen tetapi dinafikan. Jadi kita ini ada doktrin pembahagian kuasa di mana kuasa-kuasa di antara mahkamah, eksekutif dan Parlimen itu sama.

Di UK, Parlimen *supreme*, Parlimen yang di atas, di sini semua ketiga-tiganya sama. Jadi saya berpendapat bahawa oleh sebab slot Yang Berhormat Pekan pada petang itu, maka saya ingin memohon pertimbangan Yang Arif Hakim agar menimbangkan permohonan untuk beliau dibenarkan untuk datang ke Parlimen. Itu sahaja. Saya tak perintah, saya tak apa-apa pun.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, faham Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah! Tak boleh layan benda semua ini. Tak payah layanlah.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sekejap...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tak kita...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Buang masa sahaja! *What is so important about that?*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Satu perkara yang serius sebab giliran Yang Berhormat Pekan dia boleh ditunda ataupun diawalkan yang tidak *clash* dengan prosiding mahkamah. Oleh sebab kami di sini pun...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagilah *Speaker discretion*.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ramai yang ada kes mahkamah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Why are you teaching the Speaker?*

Tuan Yang di-Pertua: Tak! Itu budi bicara saya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Bukan *teaching*, *I am trying to ask*.

Tuan Yang di-Pertua: Itu budi bicara saya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, adakah Tuan Yang di-Pertua, tak- adakah Tuan Yang di-Pertua hendak *set* satu *precedent* bahawa setiap orang yang ada kes mahkamah, Tuan Yang di-Pertua akan tulis surat kepada mahkamah untuk tangguhkan prosiding.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tak payah layan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum ini ada juga Ahli Parlimen yang diberi penangguhan kes selama amat lama untuk datang ke Parlimen... *[Disampuk]* Kita pun tahu siapa.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Akan tetapi saya hendak tanya apakah keperluan sebab giliran perbahasan dia boleh ditunda atau diawalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu budi bicara saya, saya slot kan dia pada petang itu, maka saya memohon pertimbangan Yang Arif Hakim. Bukan saya perintahkan beliau, saya memohon pertimbangan Yang Arif Hakim... [*Dewan riuh*]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terus kan, terus kan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Lumut untuk memberi perbahasan beliau. Silakan.

11.46 pg.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya juga ingin turut sama berbahas untuk mengucapkan junjungan kasih pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berkenan untuk bersama-sama dengan kita kira-kira dua bulan yang lalu bagi merasmikan Persidangan Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14. Mudah-mudahan perbahasan kita ini akan dapat melebarkan lagi pemahaman kita dan persetujuan kita atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua kedudukan kita di dalam Dewan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong tadi. Kalaulah mengikut undi kita pada hari pertama hari itu 109 vs 111, seorang berada di kerusi Speaker dan seorang tidak hadir. Artinya hampir sama di Dewan kita ini. Jadi tidakkah agak wajar kalau kita letakkan semua kalau semua daripada pihak 111 itu ada di bawah, 109 ini lebih kurang sama. Patutnya kita berada sama, tidak adalah yang berada di belakang, ya... [*Tepuk*]

Jadi saya rasa untuk berlaku adil kita pertimbangkan. Yang Berhormat Pasir Salak tak payahlah campur.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Isulah...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Ya, *to you it is all petty*, ya... [*Dewan riuh*] *Until you are up there*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua kita mengadakan, memulakan sidang pada bulan Mei yang lalu dalam keadaan kita menghadapi pandemik COVID-19. Ini perkara yang baru bagi rakyat Malaysia, pandemik ini. Kita biasa dengar wabak, kita biasa dengar epidemik, kita biasa dengar *outbreak*. Akan tetapi pandemik bagi kita orang awam adalah suatu *term* yang baru yang kiranya telah mendidik kita, kefahaman kita.

Kami semasa belajar di fakulti perubatan tahun 70-an dahulu, pandemik ini ada dalam kitab-kitab perubatan. Akan tetapi kita tak bertemunya ketika belajar. Epidemik *yes*, pada tahun 81 dan 82 kita menghadapi demam denggi yang berleluasa, kita tengok hospital kita menghadapi dan cara menjaganya dengan begitu baik. Kemudian kita ada epidemik HIV, AIDS dan itu juga mungkin boleh dianggap pandemik.

Akan tetapi COVID-19 ini sesuatu yang telah membuka mata kita dan ia memberikan kesan yang sangat mendalam kepada masyarakat negara kita dan juga masyarakat dunia dan kita boleh andaikan dan kita boleh rasa bahawa pandemik tersebut akan menukar cara hidup kita, budaya kita, *culture* kita, kebiasaan kita. Ini merupakan satu perkara yang saya anggap sebagai baik ataupun nikmat bagi kita yang Allah SWT turunkan, bagi menyedarkan kita.

■1150

Kita banyak menyebut tentang norma-norma yang baharu dalam kehidupan kita. Cara kita berhubung, cara kita berkawan. Dahulu, kalau kita bertemu kawan-kawan kita, salam tangan, berpeluk, bertemu pipi dan sebagainya. Pada hari ini dan semasa penyakit ini sedang berleluasa, kita elakkan. Kita tidak terasa bahawa kita terasa jauh dengan kawan-kawan kita, masih rapat. Jadi, apakah tidak boleh sebahagian daripada amalan-amalan baharu ini kita teruskan?

Banyak perubahan budaya hanya berlaku kerana berubahnya generasi, kerana sistem pendidikan yang ditanamkan dalam jiwa rakyatnya. Akan tetapi COVID-19 mengajar kita suatu perubahan budaya dengan kadar yang segera dan *acceptable* boleh diterima oleh rakyat. Jadi, saya harap ia akan menjadi satu budaya yang baharu. 'Social

distancing' bukan lagi satu perkataan yang buruk, yang tidak menghormati kawan, semua memahaminya.

Saya rasa ia tidak hanya terpakai semasa epidemik ataupun pandemik. Ia boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Oleh sebab penyakit yang bukan epidemik tetapi merupakan penyakit biasa seperti *flu*, selesema biasa, penyakit Tibi pun masih ada. Semuanya ini jangkitan-jangkitan melalui sistem pernafasan yang boleh kita elakkan melalui *social distancing*.

Jadi, saya harap pengalaman ini akan dapat mendidik kita banyak kerana tentulah banyak perkara lagi dalam semua aspek kehidupan kita seperti perniagaan, ekonomi ataupun pendidikan kita, semuanya boleh terkesan dan berubah ke arah yang lebih baik akibat daripada COVID-19 yang memberikan kita, yang mengajar kita, yang menyekolahkan kita tentang beberapa aspek perubahan dalam cara hidup kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat negara China yang mula menghadapinya wabak ini pada hujung bulan Disember, bulan Januari, bulan Februari dan bulan Mac sehingga lebih kurang pada bulan April mereka sudah *stabilize*. Hari ini, keseluruhan kes di China adalah lebih kurang 83,000 kes dengan 4,000 lebih kes kematian, *that's all*. Ada tambahan setiap hari sebanyak 18 kes, 22 kes tambahan sehari. Bagi sebuah negara yang mempunyai populasi seramai 1.4 bilion, sebanyak 22- tambahan kes ini ada sangatlah kecil. Kita di Malaysia pun masih bertambah semalam sebanyak 15 kes, bagi sebuah negara yang hanya ada 32 juta *population*.

Ertinya, sukses *story*-nya ada di China. Pada satu ketika kita rasa China ini macam sudah hendak kiamat dengan penambahan kes dan kematian yang berlaku di Wuhan dan kawasan sekitarnya, tetapi mereka dapat menanganinya dengan begitu cantik. Apakah rahsia mereka? Saya tanya bekas Menteri Kesihatan, agak-agaknya apa rahsia utama mereka. Beliau, Yang Berhormat Kuala Selangor menyatakan kemungkinan besar ia adalah kerana *total lockdown* yang mereka lakukan di China sehingga hari ini. Apabila berlaku beberapa kes bertambah sedikit di kawasan Beijing sekitar beberapa bulan yang lalu, mereka segera membuat *lockdown* bagi kawasan-kawasan yang tertentu.

Jadi, saya hendak bertanya kepada kerajaan, apa yang boleh kita pelajari daripada pengalaman di China ini. Kita juga menerima lawatan beberapa orang pakar daripada China beberapa bulan yang lalu. Apakah hasil perkongsian maklumat yang kita dapat daripada mereka? Apakah *feedback* baharu? Adakah mereka mempunyai rawatan cara baharu, ubat-ubat yang baharu atau dengan senyap-senyap mereka ada vaksin contohnya? Ini kita hendak tanya kepada Kementerian Kesihatan tentang perkara-perkara baharu yang mereka dapat belajar.

Berbanding dengan Amerika Syarikat contohnya, sudah 3.9 juta kes. Setiap hari pertambahan kes di USA, semalam sahaja sebanyak 62 ribu kes. Hari yang sebelumnya lagi tinggi. Ertinya, sehari kes di Amerika Syarikat sama macam satu tempoh keseluruhan epidemik di China, bayangkan. Apa pula pengajaran yang kita boleh dapat daripada Amerika Syarikat, Brazil dan juga India? Ini juga saya harap Kementerian Kesihatan melalui sistem penyelidikannya mengkaji di mana kekurangan-kekurangannya supaya kita dapat mengelak kekurangan tersebut. Di Amerika misalannya, Presidennya amat alergi dengan pelitup muka- *mask*. Saya tidak mengatakan itu punca merebakkannya ataupun mereka amat tidak menyenangi kalau hendak buat *lockdown*, paling tidak macam negara kita.

Jadi, saya harap pengalaman ini kita kongsi bersama kerana...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: ...Ini kerana pandemik ini akan berlaku, wabak akan berlaku lagi pada masa akan datang supaya kita lebih bersedia. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Lumut, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa Yang Berhormat Lumut sedia mengakui akan peri pentingnya untuk seluruhnya terutama pihak KKM dan juga kerajaan-kerajaan negeri untuk memahami dalam peperangan virus SARS-CoV-2 ini ataupun dalam penyakitnya pandemik COVID-19 itu, yang mustahaknya adalah untuk merangka dan menurunkan serta melaksanakan apa yang diistilahkan sebagai *the right strategy at the right time in the right dose*.

Andainya Yang Berhormat Lumut kalau kita awal-awal ketika PH mentadbir Putrajaya hari itu, di peringkat awal sebelum *the acceleration phase cluster tabligh*,

kluster CEO Khazanah, CEO RISDA itu diperlakukan bukan sahaja *lockdown*, tetapi apa yang distilahkan sebagai *the Movement Control Order* itu dilakukan lebih awal, maka lebih parah kesan impak ekonomi, kewangan dan juga kehidupan kepada rakyat. Apakah Yang Berhormat Lumut bersedia mengakui bahawa *the right strategy at the right time in the right dose* mantera yang penting supaya kita lakukan dengan maklumat atau *evidence-based strategy*? Terima kasih Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Tuan Yang di-Pertua, sebagai doktor yang dididik dalam bidang kesihatan awam, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor itu memang tepat. Jikalau saya Menteri Kesihatan itu hari- stop dekat situlah ya... [*Dewan ketawa*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita juga gembira hubungan antara Kementerian Kesihatan *specifically* Ketua Pengarahnya, setiap hari dengan memberikan penjelasan walaupun seolah-olah macam skema sedikit ya, tetapi ia telah memberi semangat kepada rakyat, kita dapat memahaminya. Kalau bolehlah saya minta Kementerian Kesihatan diambil cakna, bahasa orang Pantai Timur ya, atas isu-isu yang dibangkitkan oleh sesetengah pihak tentang cara-cara rawatan COVID-19, ada rawatan dia. Makan ini, makan itu, penggunaan ubat ini, ini semua perkara yang tidak ada kajian yang menyeluruh. Kita di dalam bidang perubatan ini percaya kepada *evidence*. Jadi kalau ada perkara-perkara tersebut jangan dibiarkan ia merebak sehingga mengelirukan rakyat. Jika ini berleluasa, mungkin kita akan mengalami masalah jangkitan yang lebih luas.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Lumut, sedikit Yang Berhormat Lumut. Boleh?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Lumut, Hang Tuah Jaya. Sedikit sahaja, satu minit.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Sila.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih. Yang Berhormat Lumut, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berkaitan tentang satu lagi aspek yang penting yang saya fikir tidak diberikan keutamaan oleh kerajaan iaitu kesan COVID-19 kepada kesihatan mental. Kita baca misalnya beberapa laporan daripada PBB daripada WHO, gangguan mental ini begitu meningkat akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Kita lihat daripada segi pelaburan ataupun tumpuan kerajaan dalam *addressing* dengan izin, isu kesihatan mental ini tidak dilihat begitu bersungguh-sungguh. Adakah Yang Berhormat merasakan penting dan bersetuju supaya kerajaan memberikan tumpuan dan menambahkan pelaburan untuk *address* masalah kesihatan mental akibat daripada pandemik COVID-19 ini? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memerlukan statistik kesan pandemik ini terhadap status mental rakyat Malaysia, baru kita boleh kata ia signifikan atau tidak.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: [*Bangun*]

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Jadi, sama ada pihak Kementerian Kesihatan atau mana-mana pihak penyelidik daripada universiti harus keluar dengan data-datanya supaya kita dapat menangani dan aspek mana yang menyebabkan masalah mental ini. Hilang pekerjaan ataupun terlalu lama duduk di rumah tidak boleh keluar pun boleh menimbulkan kesan mental, itu kena kita kaji. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, masa mencemburui, saya hadkan soalan-soalan setakat itu sahaja. Terima kasih.

Seterusnya, kita nampak cara hidup baharu kita, norma baharu kita dalam pengurusan kerajaan. Contohnya *working from home* Tuan Yang di-Pertua, paling tidak pun ia mengurangkan *traffic jam* di jalan raya. Kita yang terpaksa keluar ini merasakan *luxury*, kita dapat *cost saving* minyak kereta kita.

■1200

Apakah kesannya daripada segi *effectiveness* dan *efficiency* kakitangan kita bekerja dari rumah? Baik swasta mahupun kerajaan, saya tumpukan kepada kerajaan. Apakah sama efektif kalau mereka berada di pejabat? Kalau *effectiveness*-nya sama, saya rasa kita harus memikirkan secara serius perubahan dalam cara kita bekerja.

Saya tahu di Petronas pun, ada pegawai-pegawai, *engineer* mereka yang bekerja dari rumah dan saya tidak mendengar kompelin bahawa *effectiveness* dalam gerak kerja mereka merudum ataupun Petronas kerugian. Ertinya, di sana kita boleh mendapat cara yang baharu dalam melaksanakan kerja kita.

Saya harap MAMPU di pihak kerajaan melihat dan membuat sedikit kajian kesan daripada *working from home* ini. Kalau boleh diterjemahkan dalam gerak kerja kementerian ataupun pihak kerajaan keseluruhannya pada masa akan datang, ia banyak dapat menyelamatkan kehidupan kita daripada segi kos, daripada segi *mental stress* kerana kita kurang berada dengan keluarga. Kita tidak perlu hari-hari, tukar baju hari-hari. Ertinya, ini satu perubahan yang baharu- *make up*

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi perniagaan juga banyak berubah. Kerajaan Pakatan Harapan mempromosikan *cashless society*, *e-wallet* dan sebagainya. Kita menjangkakan penerimaannya akan berlaku dengan pengalaman-pengalaman, dengan pendidikan, dengan promosi, dengan *advertisement*. Apabila tiba COVID-19 Tuan Yang di-Pertua, *the education*, dengan izin, *come so easy*. Semua orang memahami bahawa kita banyak berinteraksi, membeli-belah, menghantar barang melalui *online services*. Jadi, ini satu perkara yang baharu harus kita terima dan perembangkan lagi.

Saya harap kementerian-kementerian yang terlibat dengan perniagaan MDEC contohnya, harus mengambil pendekatan untuk melahirkan usahawan-usahawan dengan cara segeranya yang terlibat dengan *e-commerce* ini yang menyediakan *payment options*. Kita ada MaGIC, kita ada SME Corp. Mereka boleh segera mengambil inisiatif untuk melatih dan membawa mana-mana anak muda kita yang berminat, graduan-graduan kita supaya terlibat dalam *e-commerce* ini dengan secara meluas. Mereka boleh kaya dengan cepat dan mereka boleh mengubah suasana landskap perniagaan di Malaysia dengan lebih baik. Ini antara perkara yang kita dapat belajar.

Begitu juga dengan pelajar-pelajar, anak-anak kita *learning from home*. Pelajar-pelajar universiti kita nampaknya mereka agak berjaya walaupun terkesan sedikit. Mungkin dengan penyusunan yang lebih baik, sistem pendidikan kita akan kita ubah. Kita bolehlah tunggu Amerika buat kah ataupun UK buat kah ataupun *Singapore*. Akan tetapi, apa salahnya kalau kita mendahului sedikit. Kita di Malaysia ini memulakan langkah ini dan menjadi contoh pada negara lain bahawa *learning from home* ini *is something very effective*, dengan izin, dan boleh dikembangkan lagi.

Contoh yang dekat, anak saya pergi atas dasar pertukaran pelajar ke Turki lima bulan pada bulan Februari. Duduk empat hari di kampus terus belajar melalui *online* di Turki. Tidak boleh bergerak dan masih lagi efektif, masih lagi boleh ada kelas, ada tuisyen, ada *exam*. Ertinya, benda ini sangat boleh. Lebih-lebih lagi pelajar-pelajar kita di sekolah. Lega, sesetengah keluarga kerana mereka belajar di sekolah dan mereka boleh menstrukturkan rumah mereka, susun kalau ada komputer di mana letaknya, *timing* untuk belajar. Ini memberikan satu disiplin yang baharu kepada anak-anak kita. Saya harap kita ambil pengajaran yang lebih baik ini untuk dilaksanakan dalam kehidupan. Ini peluang yang baik.

Dalam bidang perniagaan yang lain, dalam bidang ekonomi saya tahu memang kita terjejas teruk. Ini perlu diatasi dan kita harap apa yang telah dibelanjakan dan yang belum kita bincangkan di Dewan ini dapat segera dibentangkan supaya kita hendak melihat keberkesanan. Kita tidak mahu mana-mana pihak mengambil kesempatan daripada malapetaka ini untuk membuat keuntungan yang melampau *just* kerana kita hendakkan kontrak yang segera kerana masa tidak cukup, maka mereka mengambil peluang untuk menaikkan harga dan sebagainya. Ini mesti kita bertindak tegas supaya tidak ada penyelewengan dan salah guna kuasa di mana-mana pihak baik dalam kerajaan ataupun di dalam swasta.

Akhirnya, saya hendak sebut, pelancongan sangat terjejas. Malang sekali tempat saya Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pangkor baru diisytiharkan Pulau Bebas Cukai. Kita menanti dengan seronok, orang akan datang, kita akan mulakan perniagaan cara baru, tempat pelancongan yang baik, sistem pengangkutan yang baik, tempat-tempat penginapan. Datang COVID-19, kita mengalami masalah. Akan tetapi, tetapi kita tidak kecewa kerana kita tahu insiden ini akan berlaku dan kita akan pulih semula.

Cuma, saya hendak minta pihak berkuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan kementerian yang lain untuk melihat bagaimana kita hendak meletakkan Perak sebagai mutiara pelancongan yang baharu dengan melihat infrastrukturnya segera supaya dapat kita majukan, dapat kita manfaatkan kepada penduduk-penduduk di sana dan juga para pelancong dan menaikkan imej kita di seluruh negara.

Selain daripada itu, kita juga mengucapkan terima kasih kepada *frontliner* Tuan Yang di-Pertua. Ada lagu-lagu yang telah direka, disiarkan tetapi saya hendak menyebut bahawa Menteri Kesihatan dalam jawapannya pada hari Isnin yang lalu tentang kedudukan doktor-doktor kontrak ini dalam konteks latihan untuk kepakaran, mereka tidak ada peluang dalam sistem kontrak ini. Sistem kontrak doktor ini baharu Tuan Yang di-Pertua. Baru lima, enam tahun ini.

Jadi, mereka hanya diberikan kontrak selama tiga tahun, dua tahun dan dia tidak dapat menjalankan latihan yang khusus untuk kepakaran. Jadi, kita tidak berapa bersetuju. Mungkin langkah menyediakan jawatan kontrak ini langkah sementara tetapi dengan COVID-19, dengan sumbangan mereka, pengorbanan mereka, apa yang kita boleh bantu mereka menyediakan pekerjaan tetap kepada mereka khususnya doktor-doktor supaya mereka dapat bekerja dengan *security of tenure*, dengan izin, dapat melanjutkan pelajarannya, dapat biasiswa untuk melanjutkan kepakarannya.

Jadi, ini boleh kita laksanakan dengan kerjasama bukan hanya di pihak kementerian, dengan hospital-hospital swasta di Malaysia ini yang saya dimaklumkan bersedia untuk menjalankan program-program, latihan kepakaran ini. Kita hormatilah mereka yang di *frontliner* ini dengan memberikan mereka sedikit kelegaan dalam urusan ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Setiu untuk memulakan ucapan perbincangan beliau.

12.07 tgh.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Berselawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang pada Setiu untuk sama-sama berbahas menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mulakan teks perbincangan saya pada hari ini dengan serangkap pantun.

*Perikatan Nasional kerajaan baharu;
Keperluan rakyat kerajaan dahulukan;
Datuk Azhar Harun, Dato' Sri Azlina, Speaker dan Timbalan Speaker baru;
Tahniah diucapkan atas lantikan.*

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang semakin menular di seluruh dunia hari ini telah mencatat kes positif mencecah sejumlah 13 juta kes. Sehingga kini, pelbagai pusat penyelidikan seperti *United Kingdom* dan Jerman berusaha mencari vaksin bagi menghentikan wabak ini. Namun, masih belum dijumpai mana-mana vaksin yang mampu melawan virus ini.

Oleh itu, tahniah saya ucapkan kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kelapan, Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin kerana berjaya mengurangkan kes. Malah kes kematian juga berjaya dibendung. Langkah Perintah Kawalan Pergerakan yang diambil amat bertepatan malah disanjung hingga ke peringkat global dengan pengiktirafan sebagai antara lima terbaik di dunia dalam mengawal pandemik COVID-19 ini.

Malah bantuan yang disalurkan pada saat rakyat terhimpit sekali lagi membuktikan keprihatinan Kerajaan Perikatan Nasional dalam memenuhi keperluan rakyat. Suntikan bantuan yang diberikan amat tepat pada masanya. Bantuan PRIHATIN yang menelan kos sehingga berbilion-bilion Ringgit mampu menyelamatkan banyak nyawa, bantuan PENJANA yang turut menelan kos yang tinggi juga mampu memanfaatkan hampir seramai 2.4 juta orang pekerja. Sekali lagi, tahniah diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan warga asing tanpa kawalan ke negara ini sudah sekian lama menjadi barah yang membangkitkan kemarahan rakyat di negara ini. Kebanyakan warga asing yang berstatus pendatang asing tanpa izin (PATI) bukan sahaja masuk ke negara ini semata-mata untuk mencari pekerjaan bahkan terdapat dalam kalangan mereka yang menjadikan negara ini sebagai transit untuk melakukan pelbagai jenayah terancang.

■1210

Namun, hikmah di sebalik penularan pandemik COVID-19 di negara ini, memberi peluang kepada kerajaan pimpinan Perikatan Nasional untuk membersihkan golongan parti ini secara tegas bagi mengelakkan penularan pandemik COVID-19.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bangun]

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu rencana dari Berita Harian... [Disampuk]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat. Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit soalan. Ada soalan. Berkenaan dengan kemasukan warganegara asing. Bolehkah Yang Berhormat memberi ulasan tentang satu peristiwa di mana kita lihat Yang Berhormat Pekan dan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti sendiri mengadakan majlis *solidarity*. Dalam erti kata lain, menjemput semua warganegara asing terutamanya warganegara Myanmar untuk masuk ke negara ini secara terbuka. Bukankah itu salah satu faktor yang menyebabkan warganegara asing terutamanya warganegara Myanmar masuk beramai-ramai ke negara kita sehingga menyebabkan masalah yang kita hadapi sekarang.

Masih ingat lagi majlis yang diadakan di sebuah stadium secara terbuka yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan sendiri dan Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Cukuplah. Cukup. Sebab saya ada banyak yang hendak disebut hari ini... [Disampuk]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Itu saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkaitan untuk menjawab. Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu sebenarnya *solidarity* kerana penindasan terhadap Rohingya. Bukan hendak menjemput mereka masuk ke sini. *Solidarity* terhadap kezaliman Rohingya. Ini hendak perbetulkan tafsiran buruk oleh Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, masukkan ucapan Yang Berhormat Pontian sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu rencana daripada Berita Harian bertarikh 14 Mei 2020. Jumlah PATI yang ditangkap dan dihantar ke depot tahanan imigresen untuk disaring COVID-19 menjangkau jumlah hampir seramai empat juta orang. Jumlah ini bukanlah suatu nilai yang kecil, apatah lagi apabila golongan ini menjadikan negara ini sebagai *safe haven* untuk mendapatkan pekerjaan dan melakukan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sesekali menafikan manfaat buruh asing ini sama ada ia masuk secara sah atau sebaliknya. Malah mereka juga telah sekian lama menyumbang kepada pembangunan negara terutama dalam situasi tidak ramai rakyat tempatan berminat untuk bekerja dalam sektor 3D- "*Dirty*", "*Dangerous*" and "*Difficult*". Namun, di sebalik kebaikan tersebut saya yakin wujudnya banyak elemen negatif sekiranya kebanjiran PATI tidak dikawal untuk tempoh-tempoh mendatang. Justeru, saya mencadangkan pihak kerajaan menghadkan penggunaan tenaga buruh asing yang sedia ada di negara ini mengikut sektor tertentu sahaja. Hal ini demi memastikan lebih banyak kekosongan pekerjaan di negara ini dapat diisi oleh warga tempatan bagi menjana ekonomi keluarga, masyarakat dan negara pasca COVID-19 ini.

Di samping itu juga, kebanjiran warganegara asing yang menjalankan perniagaan secara terbuka meningkatkan persaingan dalam kalangan peniaga tempatan. Secara tidak langsung ia amat merugikan negara terutama daripada segi pungutan cukai dan aliran tunai yang banyak keluar dari negara.

Tuan Yang di-Pertua, menghampiri fasa pasca COVID-19, kadar pengangguran di negara ini dijangka mencecah sebanyak 6.0 peratus menjelang akhir tahun ini. Namun, untuk mengimbangi cabaran peningkatan kadar pengangguran ini, kerajaan pantas

bertindak dengan mengumumkan pelbagai inisiatif dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang bertujuan membantu majikan untuk mengekalkan pekerja sedia ada di samping memberi nilai tambah kepada golongan belia yang masih belum mempunyai pekerjaan ataupun golongan yang telah kehilangan pekerjaan disebabkan COVID-19.

Oleh yang demikian, saranan saya agar pasaran buruh asing dihadkan untuk sektor-sektor tertentu dan perlu sahaja amat selari dengan usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangguran di negara ini pasca COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu PATI juga amat sinonim dengan pemerdagangan manusia apabila terdapat segelintir warga tempatan yang layak digelar sebagai lanun ataupun penjenayah bersekongkol dengan warga asing untuk menjalankan proses kemasukan warga asing ke negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah dengan bayaran yang cukup lumayan. Kebanyakan PATI yang terdesak demi mendapatkan sumber ekonomi yang lebih baik, sanggup menghabiskan bukan setakat ratusan Ringgit bahkan mencecah ribuan Ringgit, belasan ribu Ringgit seorang untuk dibayar kepada lanun-lanun berkenaan.

Justeru, saya berharap Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia dengan kerjasama agensi penguat kuasa yang lain PDRM dan Maritim Malaysia berterusan menjalankan operasi penguatkuasaan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti dijadikan lorong tikus kemasukan PATI ke negara ini... *[Disampuk]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Setiu, minta sedikit Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Masalah Jabatan Imigresen juga perlu bekerjasama dengan pihak PBT dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI di kawasan masing-masing agar masalah PATI ini dapat ditangani dengan cara yang terbaik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Setiu, minta sedikit Yang Berhormat Setiu. Isu parti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Giliran Yang Berhormat ada lepas ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Satu minit.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Saya tidak beri laluan sebab banyak yang saya hendak sebut dalam ucapan saya ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, tahniah diucapkan atas usaha KPDNHEP yang telah menyediakan platform aduan sebagai medium untuk mendengar keluhan dan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat. Sejak perintah kawalan pergerakan bermula pada 18 Mac yang lalu, KPDNHEP telah menerima sejumlah 38,145 aduan merangkumi pelbagai masalah.

Antara masalah yang paling kerap yang diadukan adalah berkenaan penipuan pembelian atas talian. Tidak dinafikan pelbagai platform telah disediakan seperti e-dagang, laman web serta aplikasi WhatsApp. Namun begitu, persoalannya sejauh manakah aduan ini diambil tindakan? Hal ini kerana, saya mendapat aduan daripada rakyat bahawa aduan yang dibuat tidak mendapat maklum balas daripada pihak KPDNHEP. Oleh itu, saya berharap agar setiap aduan yang diberikan mendapat tindakan yang progresif dan positif daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya ingin ketengahkan berkenaan Program Subsidi Upah yang diumumkan oleh kerajaan bagi membantu PKS khususnya untuk menyelamatkan perniagaan dan pekerja mereka. Perkara ini selari dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan sektor PKS menyumbang lebih sebanyak dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di negara kita dan hampir sejumlah 40 peratus pada ekonomi. Oleh itu, amat penting kita pastikan sektor ini terus cekal dan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 6 April 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pakej prihatin tambahan bagi menambah baik Program Subsidi Upah bagi meningkatkan bantuan yang sedia ada. Namun, yang menjadi isu ada bantuan tersebut memperuntukkan syarat majikan yang berdaftar dengan PERKESO sebelum pada 1 hari bulan April 2020. Kebanyakan majikan yang berdaftar sebelum 1

hari bulan April 2020, syarikat-syarikat yang telah stabil iaitu usahawan-usahawan kecil dan besar, syarikat-syarikat sendiri berhad. Manakala, usahawan-usahawan kecil yang hanya mempunyai satu atau dua orang pekerja yang baharu mula berniaga masih belum sempat untuk mendaftar.

Oleh itu, saya mencadangkan agar syarat kelayakan dilonggarkan dengan memberi ruang bagi majikan-majikan yang berdaftar dengan PERKESO selepas 6 April untuk mendapatkan juga bantuan tersebut. Tempoh kelayakan yang hanya sehingga 1 April sewajarnya dilanjutkan lagi sehingga akhirnya PKPP iaitu pada 31 Ogos bagi memberi ruang kepada lebih banyak syarikat-syarikat kecil untuk mendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu solar. Baru-baru ini kementerian ada mengumumkan bidaan pusingan ketiga di bawah Projek Solar Berskala Besar (LSS@MenTARI) yang dibuka khusus kepada syarikat tempatan. Sebelum ini, pada bidaan pusingan pertama dan kedua kebanyakan peminatnya berjaya menggunakan skim pembiayaan teknologi hijau untuk membantu mendapatkan pinjaman untuk menampung permintaan yang bakal tiba daripada pelaksanaan LSS ini. Oleh itu, saya ingin bertanya adakah pada kali ini kerajaan bercadang meningkatkan lagi peruntukan skim ini? Jika ya, berapakah amaun cadangan peningkatan peruntukan yang dicadangkan dan adakah terma-terma skim masih sama?

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya, saya ingin membangkitkan isu berkait dengan kawasan Parlimen saya yakni Setiu. Pertama, isu liputan *internet* yang masih berada pada paras tahap yang rendah. Sebahagian besar kampung-kampung di kawasan Setiu hanya mendapat 2G dan 3G. Bukan 4G.

Kedua, berkait dengan jeti pelancongan ke Pulau Redang di mana Pulau Redang adalah antara destinasi pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong sama ada pelancong domestik ataupun antarabangsa dan mempunyai ribuan penduduk kampung.

■1220

Masalah yang timbul ialah jeti pelancong yang sempit yang menyebabkan kenderaan terpaksa bergerak secara mengundur. Perlu diperbesarkan jeti ini yang lengkap dengan kemudahan tandas dan surau, di samping meluaskan kawasan *parking* jeti. Ketiga, isu hakisan di tiga buah kawasan yang agak kritikal yang memerlukan peruntukan segera sebelum musim tengkujuh yang bakal menjelma. Satu, Kampung Bari Kecil yang sudah hampir menimpa kawasan perkuburan Islam.

Kedua, Kampung Tanjong Gelang dan Kampung Pengkalan Maras yang mengancam keselamatan penduduk kerana hakisan yang berlaku semakin hari semakin menghampiri kawasan kediaman dan premis perniagaan. Di samping menyukarkan para nelayan untuk menurunkan bot akibat dari tebing yang tinggi dan curam akibat hakisan.

Keempat, di Setiu belum ada sekolah menengah kebangsaan agama walaupun sudah ada lama tapak yang telah dicadangkan untuk pembinaan sekolah menengah agama ini di Kampung Rhu Sepuluh. Saya mengharapkan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan menyegerakan pembinaan sekolah menengah agama ini.

Kelima, tiada IPTA di Daerah Setiu menyebabkan pembangunan di Daerah Setiu agak perlahan. Berbanding dengan usianya yang telah menjangkau 35 tahun. Kawasan bandar yang tertutup dengan bukit menyebabkan kawasan bandar tidak kelihatan. Saya dimaklumkan, peruntukan sebanyak RM6.24 juta telah diangkat oleh agensi berkaitan untuk menaikkan taraf simpang tiga Bandar Permaisuri kepada bulatan untuk memperlihatkan kewujudan kawasan bandar yang sebenar, di samping menyelesaikan aliran trafik yang sentiasa sesak, terutama pada musim perayaan.

Keenam, kawasan Setiu juga selalu mengalami masalah gangguan air akibat daripada tekanan air yang rendah, di sebab kebocoran paip, paip yang usang yang tidak diganti dan masih ada banyak tempat yang masih belum ada kemudahan paip air utama. Saya mengharapkan agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil satu tindakan segera bagi menyelesaikan masalah ini. Sebahagian besar daripada penduduk Setiu adalah di kalangan B40 dan miskin tegar yang mana memerlukan bantuan rumah PPRT. Untuk tahun 2020, saya dimaklumkan Daerah Setiu hanya diperuntukkan lima buah rumah bina baru. Saya mengharapkan pihak kementerian dapat mempertimbangkan agar lebih banyak rumah PPRT di Daerah Setiu dalam Bajet 2021 yang akan datang.

Ketujuh, isu jalan kampung sering menjadi persoalan besar kepada penduduk kampung. Banyak permohonan yang sudah diangkat tetapi hanya sebilangan kecil yang diluluskan kerana didapati telah mencukupi kuota 30 bagi setiap kampung sejak ia

dilancarkan pada era 80-an yang lalu. Saya mencadangkan kuota ini dikaji balik dan pemasangan lampu jalan ini diagih mengikut keluasan kampung dan jumlah rumah bagi satu-satu kampung.

Kelapan, saya ingin mencadangkan agar permohonan lesen nelayan dibuka semula memandangkan masih ramai yang menangkap ikan tanpa lesen dan mereka tidak layak untuk memperoleh apa-apa bantuan daripada kerajaan. Lebih-lebih lagi apabila mereka ditimpa musibah seperti bot terbakar, bot rosak akibat pukulan ombak dan lain-lain. Kejadian ini baru sahaja berlaku kepada nelayan di Setiu, di mana enam orang nelayan yang tidak layak mendapat pampasan atau bantuan daripada LKIM kerana tidak mempunyai lesen.

Saya juga ingin bertanya tentang status terkini Projek KETARA 2 yang dicadangkan sebagai lanjutan daripada KETARA 1 yang sebahagian besar KETARA 2 ini terletak dalam Daerah Setiu. Projek KETARA 2 ini amat diperlukan untuk membolehkan kawasan penanaman padi agak luas di Setiu diurus dan diselenggarakan dengan lebih baik, lebih efektif dan sekali gus menambahkan hasil mereka. Pmotongan oleh BERNAS yang mencecah 35 peratus, berbanding dengan syarikat swasta yang lain yang hanya memotong 23 peratus hingga 24 peratus sahaja, banyak merugikan petani.

Tuan Yang di-Pertua, Daerah Setiu merupakan pintu masuk kepada pengguna jalan raya yang menggunakan LPT2 untuk ke Kota Bharu. Kesesakan sering berlaku, terutama pada musim perayaan. Saya mencadangkan projek LPT3 dapat disegerakan pembinaannya atau dibuat *carriageway* bermula dari Kampung Sungai Tong, di samping meluruskan selekoh-selekoh tajam di beberapa buah tempat yang sering mengundang kemalangan maut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkait dengan GCR- ganti cuti rehat. Di mana saya mencadangkan supaya kerajaan memberi dua pilihan kepada penjawat awam. Di mana ada penjawat awam yang memang mereka perlu kepada penebusan awal ini bagi membolehkan mereka menyelesaikan hutang, menanggung anak-anak yang masih bersekolah.

Jadi, saya cadangkan supaya dibuat pilihan sama ada mereka mahukan kepada penebusan awal ataupun mereka menerima GCR ini selepas persaraan mereka.

Setakat itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih... *[Membaca sepotong doa dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Setiu, boleh sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiu, boleh?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Masa saya tidak habis lagi. Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiu dan Dewan ini dan mohon pandangan daripada Yang Berhormat Setiu. Satu perkara yang berlaku walaupun kelihatan kecil tetapi besar maknanya. Mural lukisan dinding di Shah Alam yang ada potret Yang di-Pertuan Agong, KP Kesihatan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - Yang Berhormat Pagoh, Menteri Kanan- Yang Berhormat Bera, Menteri JAKIM- Yang Berhormat Marang telah diconteng dengan perkataan-perkataan yang amat tidak sesuai.

Saya kira Majlis Bandaraya Shah Alam perlu mengambil tindakan segera terhadap orang yang melakukan ini. Kita harap ada CCTV yang merakam perbuatan mereka tidak kira waktu bila. Tidak kira siapa mereka itu. Mereka patut diambil tindakan yang segera. Apakah pandangan Yang Berhormat Setiu? Ini berhubung kita menghargai *frontliners* COVID-19.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung balik, sepatutnya sudah tutup tadi. Jadi, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Pontian dan saya minta supaya pandangan Yang Berhormat Pontian dimasukkan dalam ucapan saya.

Jadi untuk akhirnya, saya akhiri dengan sepotong ayat Al-Quran daripada surah Al-Ahzab, Ayat 72... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Antara maksudnya, “*Sesungguhnya kami telah mengemukakan tanggungjawab amanah kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang untuk memikulnya, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya dan pada ketika itu manusia dengan persediaan yang ada padanya sanggup memikulnya. Ingatlah sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat pula perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.*”

Dengan itu, saya mengajak semua Ahli Dewan yang mulia ini untuk sentiasa menjalankan amanah sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya ingin mempersilakan sekarang, Yang Berhormat dari Johor Bahru untuk memulakan perbahasan beliau.

12.28 tgh.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai mewakili rakyat Johor Bahru serta sebagai jurucakap keadilan berkaitan beliau dan sukan. Saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 37 untuk tidak membenarkan sebarang celahan.

Apa yang hendak dibahaskan sedikit sebanyak mewakili pandangan orang muda. Oleh sebab apa yang berlaku pada hari pertama persidangan Parlimen kali ini, dengan izin, *the unparliamentary behaviour* iaitu sikap yang tidak mencerminkan ciri-ciri sebagai Ahli Parlimen menyebabkan golongan muda melahirkan rasa kecewa, hampa dan marah. Lihat sahaja komen-komen di laman media sosial seolah-olah betapa teruknya Parlimen Malaysia ini sehinggakan Ahli-ahli Parlimen yang rasional dan tekun juga terpalit bersama. Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Namun, sifat anak muda itu tidak mudah mengalah. Mungkin ada perkara yang belum dicapai, kita kena terus berusaha. Tidak mengapa hari ini kita tidak ada kuasa, yang penting kita kekal berpegang kepada prinsip dan perjuangan. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa, dengan izin, *the end doesn't justify the means* iaitu matlamat semata-mata, tidak semestinya menghalalkan cara.

Ini kerana apa yang anak muda mahu ataupun rakyat Malaysia secara umumnya, mereka mengharapkan agar kita memahami kehidupan mereka, jujur dengan kemampuan kita, ada sifat kebertanggungjawaban, tidak rasuah, tidak salah guna kuasa dan seterusnya bersungguh-sungguh mencari jalan sama ada melalui dasar ataupun pelaksanaan yang lebih adil dan telus.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, pertama, bila kita membicarakan soal anak muda, kita kena sedar bahawa jumlah beliau pada masa kini telah melangkaui 15 atau 16 juta orang ataupun lebih hampir separuh iaitu 47 peratus daripada populasi negara.

Dalam kekusutan politik hari ini, saya menyeru Parlimen yang mulia untuk kita mengemukakan, dengan izin, *new deal* ataupun tawaran baharu kepada anak muda dengan kembali kepada perkara-perkara asas yang bermakna dalam kehidupan mereka sama ada yang masih bujang ataupun yang berkeluarga iaitu soal ekonomi ataupun, dengan izin, *bread and butter issues*. Ini kerana apabila berlaku sesuatu krisis, hukum alam menyebabkan sesuatu keadaan itu akan kembali kepada sifat ataupun sikap semula jadi ataupun realiti sebenar.

Ternyata pandemik COVID-19 ini mendedahkan betapa teruknya dan betapa kroniknya sebenarnya kelangsungan sektor pekerjaan kita dan pendapatan rakyat Malaysia. Beliau tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan atau Orang Asal di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, mereka yang berusia 40 tahun yang paling terkesan teruk. Seperti yang dinyatakan yang kita tahu bahawa statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar pengangguran telah mencecah 5.3 peratus ataupun dengan anggaran seramai 860 ribu orang penganggur. Tertinggi sejak zaman 80-an.

Walau bagaimanapun, yang lebih merisaukan ialah nisbah pengangguran di kalangan beliau berbanding dengan kumpulan umur yang lain lebih tinggi. Kalau di Malaysia ini pun lebih tinggi berbanding dengan nisbah purata dunia. Purata untuk sesebuah negara, nisbah pengangguran beliau berbanding dengan mereka yang berusia 40 tahun ke atas sebanyak tiga kali ganda.

Akan tetapi di Malaysia ini, nisbah pengangguran belia berbanding dengan mereka yang berusia 40 tahun ke atas adalah enam kali-ganda. Enam kali-ganda, Tuan Yang di-Pertua. Ini turut dikongsi melalui dapatan daripada PERKESO yang menunjukkan bahawa data terkini, 61 peratus mereka yang hilang pekerjaan ketika COVID-19 ini adalah di kalangan belia.

Jadi, inilah cabaran anak muda dan mereka terpaksa tempuhi juga. Jadi, janganlah pandang rendah atau menyalahkan orang muda semata-mata. Kita kena cari jalan untuk wujudkan peluang pekerjaan, padanan kerja yang lebih tepat dan pada masa yang sama paling penting, biarlah gaji atau pendapatan itu setimpal.

Malangnya, dalam keadaan anak muda mahupun rakyat Malaysia bergelut untuk meneruskan kehidupan, Kerajaan Perikatan Nasional dilihat lebih cekap mengagihkan jawatan GLC. Tidak kurang daripada 50 orang Ahli Parlimen dan pimpinan politik parti mereka yang dilantik mengetuai GLC dan agensi.

Saya telah kemukakan- tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada. Saya telah kemukakan soalan kepada Yang Amat Berhormat untuk butiran terperinci. Sebab, kalaulah purata RM40 ribu hingga RM50 ribu sebulan yang kita kena tampung mereka, itu tidak termasuk dengan imbuhan-imbuhan yang lain, kos hendak menjaga mereka RM25 juta setahun, Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak lagi termasuk Kabinet yang saiznya membengkak. Hasilnya kita tidak nampak sampai sekarang.

Jadi, apakah yang menjadi isu ialah adakah Kerajaan PN ini ambil peduli nasib orang muda? Malangnya, kalau kita lihat pimpinan muda daripada sebelah sana pun sudah pandai tulis surat guna *letterhead* parti mohon melobi jawatan GLC. Jadi, sebab itulah jangan kita lupa takrifan seksyen 3, Akta SPRM menyebut suapan itu termasuklah memberi jawatan demi meraih sokongan. Jadi, anak muda sebenarnya mengharapkan biarlah berlaku adil dan jujur.

Ternyata Kerajaan PN hari ini tidak serius dalam soal isytihar harta secara terbuka. Hanya 62 peratus Ahli Parlimen PN yang isytihar berbanding dengan 42 orang MP yang masih gagal selesai untuk kira kekayaan mereka. Mungkin banyak sangat. Jadi, saya cabar Perdana Menteri untuk pastikan kesemua Ahli Parlimen PN isytihar harta sebelum berakhirnya sidang Parlimen kali ini. Usaha ini jangan terhenti setakat itu sahaja.

Saya ingin menyarankan kepada Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Johor Bahru, Setiu minta laluan, boleh?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tidak bagi.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Sikit saja.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Apa yang saya ingin sarankan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk kita ketengahkan undang-undang yang menilai kehidupan di luar kemampuan atau, dengan izin, *living beyond means*. Mereka yang hidup dengan penuh kemewah-mewahan, perlu membuktikan dari mana datang kekayaan tersebut dan sekiranya gagal memberi penjelasan yang sewajarnya, maka boleh didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal norma baharu ini, pendekatan kepada anak muda dalam urusan pekerjaan dan juga pendapatan ini perlu juga mengambil kira daripada segi kelangsungan kehidupan mereka. Jadi, ada juga perkara yang baik saya hendak puji sedikit iaitu selain kita hendak memperkasakan keperluan ekosistem untuk *start-up* dan sebagainya, saya hargai pendekatan untuk kita menggalakkan mereka yang bekerja dalam ekonomi gig untuk mendapat perlindungan PERKESO. Cuma, saya harap polisi ini dapat diperluaskan supaya ada galakan juga untuk mereka ini mendapat perlindungan di hari mendatang melalui KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkaitan cabaran ekonomi yang mendatang dalam masa terdekat ini. Kadar pengangguran kita tahu akan terus meningkat dan boleh mencecah hampir 1.5 juta- kalau tidak dijaga betul, dua juta orang menjelang hujung tahun ini. Adakah ini mustahil? Apa yang saya hendak tanya pihak kerajaan ialah berapa ramai pekerja yang dipaksa mengambil cuti tanpa gaji untuk Program Pengekalan Pekerjaan. Berapa ramaikah, yang sebenarnya masih ada kerja buat sementara waktu ini kerana bergantung kepada subsidi upah? Ini kerana sebelum hujung tahun ini, program-program bantuan ini akan tamat.

Moratorium pula akan berakhir hujung bulan September. Ramai yang masih terkeliru sehingga hari ini iaitu sepanjang moratorium ini sama ada faedah terakru ataupun *compound interest* dikenakan sepanjang tempoh enam bulan. Walaupun Menteri Kewangan sebelum ini memberi jaminan tiada, kemudian ada, lepas itu tiada pula faedah.

Jadi sekarang ini, kita hendak tanya sebab saya ada terima aduan daripada seorang usahawan muda yang membuat pinjaman perniagaan kecil SME sebelum berlakunya moratorium. Beliau pinjam RM240 ribu. Janji tiada faedah terakru, dia pun ambillah moratorium. Cuma sekarang, minggu lepas, beliau sudah terima surat dari bank mengatakan *charge interest* sepanjang tempoh enam bulan tersebut RM20 ribu. Jadi, sebelum moratorium beliau terpaksa bayar RM5,800. Bermula bulan Oktober nanti, bayaran dinaikkan kepada RM6,255 ataupun hampir RM500 sebulan. Ini akan membunuh bisnes peniaga kecil.

Jadi, tolonglah. Beri perhatian kepada peniaga kecil, penjaja, pemandu teksi, IKS dan mereka yang bekerja sendiri. Pagi tadi saya sudah bangkitkan dalam soal jawab dengan Menteri supaya Geran Khas Prihatin ini kita buka semula.

Jadi, macam mana pula skim yang lain yang disebut skim mikro kredit yang diusahakan oleh kerajaan? Ini lagi teruk. Sepatutnya boleh dimohon sehingga hujung tahun ini tetapi telah ditutup permohonan sejak 22 Mei kerana tidak cukup dana. Yang ada peruntukan RM500 juta sekarang pun, baru RM300 juta yang diproses.

Ada pengusaha kecil yang datang ke Parlimen ke pejabat saya di Johor Bahru mengaku sekarang ini terpaksa ambil pinjaman daripada along kerana dua hingga tiga bulan tunggu proses ini tidak selesai-selesai. Jadi, untuk kes ini, saya telah tulis surat kepada Menteri Kewangan, saya mohon Menteri untuk semak perkara ini.

Bagi saya, pandangan saya, setakat ini bantuan yang diumumkan oleh kerajaan terlalu kecil, menyusahkan dan lambat. Kerajaan sepatutnya membentangkan dasar langkah untuk menyelamatkan ekonomi COVID-19 ini sekarang, bukannya hendak ditangguh-tangguhkan lagi. Jadi, ambillah kritikan ini sebagai membina. Sahabat saya Yang Berhormat Kota Tinggi, dengar tekun perkara ini tetapi apa respons daripada parti-parti kerajaan?

■1240

Yang menimbulkan ketidaktentuan sekarang, mereka hendak desak pilihan raya mengejut. Ini apa? Orang muda tengah sengsara di luar sana. Kamu sibuk hendak berebut kuasa. Kamu sudah berkuasa, sudah kaut GLC. Apakah lagi hendak direbutkan?

Seorang Ahli: Betul itu.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tolonglah rasa simpati dengan nasib rakyat. Janganlah diheret rakyat dengan percaturan politik kamu. Tolonglah rasa sedikit keinsafan untuk bantu anak-anak muda kita di luar sana. Tolonglah henti sentimen kebencian dan perkauman ini. Biarlah kita dalam Dewan ini ada integriti dan juga hala tuju.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Kita juga kena perhalusi daripada segi pelan jangka panjang. Pandemik COVID-19 ini juga telah menduga sistem pendidikan tinggi kita. Ini peringatan kepada kedua-dua belah pihak. Akan tetapi juga peluang untuk kita lakukan sesuatu anjakan luar biasa. Kita kena akui. Selepas 61 tahun, Barisan Nasional, PH satu tahun 10 bulan. Infrastruktur kita masih jauh ketinggalan dan banyak perkara yang perlu diperbaiki termasuklah capaian *internet*. Jadi, harap ada komitmen yang jelas daripada kerajaan terhadap pelan gentian optik atau pun *fiber* dan kesalinghubungan negara NFCP dan pastikan buatlah secara tender terbuka dan telus.

Selain soal kemudahan fizikal, ini peluang pendidikan tinggi kita meningkatkan keupayaan pengajian melalui secara talian. Secara prinsipnya, saya percaya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ataupun masyarakat itu kena pastikan akses kepada pendidikan yang berkualiti yang mudah, murah dan juga saksama kepada semua. Ini termasuk daripada segi kos pendidikan. Dalam peningkatan pengangguran yang saya jelaskan pada awal tadi, selain golongan muda ini lebih terdedah kepada pembuangan kerja. Sebab apa? Mereka ini baharu. *Networking* itu tidak kuat ataupun mudah sahaja dibuang begitu sahaja.

Akan tetapi, yang merisaukan sekarang ini, ada satu lagi trend iaitu anak muda ini terpaksa mencari kerja lebih awal daripada tempoh yang sepatutnya. Kerana apa? Kerana tidak mampu untuk menampung ataupun meneruskan pengajian.

Jadi kita boleh amati dengan amalan-amalan di negara lain. Malah, universiti-universiti terkemuka di dunia ini pun telah menawarkan kursus-kursus atas talian secara percuma.

Jadi, saya mohon kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk meneliti, sebagai contoh aplikasi edX sebagai rujukan sebab bagi kursus-kursus yang berbayar itu hanya perlu dibayar apabila memerlukan sijil. Satu lagi perkara dalam soal *internet* ini. Kesungguhan anak muda untuk menjayakan Parlimen Digital seharusnya dipandang hormat dan sewajarnya pihak Kementerian Belia dan Sukan dan juga KPT untuk mengambil kira pandangan-pandangan mereka. Malah, dalam isu perebutan kerusi ataupun keadaan yang tidak kondusif ini sepatutnya kita sudah tengok opsyen-opsyen yang lain. Sama ada melalui secara talian, Parlimen secara hibrid.

Pada masa yang sama, saya mohon juga sahabat-sahabat saya menteri KPT, Kementerian Pengajian Tinggi untuk memberi jaminan kebebasan berpolitik kepada mahasiswa ini kita pertahankan selaras dengan pemansuhan AUKU oleh Pakatan Harapan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga beberapa isu kawasan yang mempunyai impak nasional yang memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan. Pertama, persoalan mengenai pembukaan sempadan Johor Bahru-Singapura. Biarlah perkara tersebut menguntungkan rakyat tempatan. Sementara kita pastikan agar apabila dibuka nanti tidak menyebabkan jangkitan itu mula merebak ke kawasan negara kita. Pastikan usaha ini juga benar-benar dapat memulihkan ekonomi tempatan dan juga memastikan bahawa nasib warga negara kita yang berulang alik setiap hari itu kita jaga. Ini kerana yang berulang alik di antara Johor Bahru dan Singapura ini bukan hanya penghuni Johor Bahru. Serata Malaysia datang untuk bekerja di sana.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, laporan jawatankuasa khas mengenai kebakaran di Hospital Sultanah Aminah yang sudah terbakar dua, tiga kali ini perlu dibentangkan ke Parlimen supaya menjadi rekod umum serta gugurkan siasatan terhadap wartawan portal kesihatan Boo Su-Lyn ini serta-merta. Malah, saya ingin bertanyakan kepada pihak JKR mahupun kepada pihak KPKT mengenai status pensijilan keselamatan ataupun perakuan bomba terhadap bangunan-bangunan awam. Saya dengar banyak sebenarnya yang bermasalah.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta kerajaan untuk meluluskan permohonan sebanyak RM10 juta. Tidak banyak. Akan tetapi, sangat penting untuk menampung kos belanja operasi Terminal Bas, Larkin Sentral. Selain menempatkan Terminal Bas, Larkin Sentral juga menempatkan pasar awam dan mereka juga terpaksa menanggung kos operasi sepanjang PKP tempoh hari dan sehingga hari ini keadaan masih belum pulih sepenuhnya.

Perkara yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, projek-projek perumahan yang masih tidak sempurna di Bandaraya Johor Bahru ini seperti Prima Tebrau, Pangsapuri Desa Hajah Hasnah, Pangsapuri Desa Melayu dan Pangsapuri Desa Jaya perlu disiapkan. Mana yang sudah siap, akan tetapi tidak sempurna perlu dibaiki dan kemudian diserahkan kepada penduduk dalam keadaan yang baik.

Sebagai rumusan, Tuan Yang di-Pertua, pengalaman COVID-19 ini bukan sekadar menguji soal kesihatan dan keselamatan negara. Akan tetapi juga kemampuan ekonomi negara untuk menampung kehidupan kita semua. Walaupun anak muda sebenarnya sangat kecewa, sangat hampa dengan percaturan politik untuk kepentingan peribadi, khianat demi jawatan, masalah rasuah yang terus berpanjangan, sentimen perkauman dan sebagainya. Negara kita sebenarnya masih ada harapan sekiranya anak-anak muda ini kita angkat martabat mereka dan memastikan keadaan itu dapat dipulihkan supaya yang saya hendak tekankan sekali lagi kita sewajarnya menilai, merangka tawaran baharu kepada anak muda yang berteraskan gaji dan pendapatan yang setimpal.

Inilah peluang yang terbaik dalam keadaan ekonomi *has been disturbed*, dengan izin. Sekarang inilah peluang kalau kita hendak kerangka balik sistem pekerjaan itu yang lebih adil, gaji yang lebih setimpal kepada anak-anak muda. Jangan salahkan mereka semata-mata. Tidak hendak ambil kerja sana sini. Bagi saya, biarlah setimpal kepada mereka. Mereka itu rakyat kita juga.

Kedua, bila program-program pakej yang diumumkan kerajaan sebelum ini perlulah adil dan telus dan pastikan mencukupi kerana sehingga hari ini banyak pihak-pihak yang masih amat bersusah payah untuk meneruskan kehidupan. Terakhir, dalam langkah jangka panjang ini, tolak soal politik ke tepi, cukup-cukup lah cakap soal hendak pilihan raya mengejut dan sebagainya.

Kamu sudah jadi kerajaan, buatlah kerja sebagai kerajaan. Sudah jadi Menteri, buatlah kerja sebagai Menteri, yang anak muda hendak biarlah pendidikan berkualiti selepas ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekian saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat dari Pasir Salak untuk membahaskan Titah Diraja. Silakan.

12.48 tgh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin membetulkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi. Iaitu yang mengatakan bahawa semua pengerusi GLC ini bergaji RM40 ribu hingga RM50 ribu sebulan. Menyebabkan sehinggakan kerajaan terpaksa menanggung RM20 juta hingga RM30 juta sebulan atau setahun. Ini satu fitnah dan tuduhan. Tohmahan yang berat, yang jahat.... *[Disampuk]* Saya pengerusi Prasarana. Tahu saya siapa? *[Ketawa]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Saya hendak tanya gaji Yang Berhormat berapa?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya punya gaji, saya bagi tahu sekarang. Duduk. Tidak ada hal. *We are very transparent*, RM8 ribu sahaja.

■1250

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: UDA, UDA RM8,000.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: UDA?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* RM8,000.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ni UDA ada belakang ni, RM8,000 juga.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: B, TNB?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: TNB.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: MISC?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengar, duduklah.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tadi tak bagi mencelah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi Yang Berhormat Johor Bahru kata semua pengerusi. Saya sebut sekarang dua tak betul dan mungkin ramai lagi yang tak betul itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ada kereta, ofis lagi. Yang Berhormat Pasir Salak, betul tak? Kereta, ofis, *meeting allowances*...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Dulu pun Pakatan Harapan buatlah, bukan Pakatan Harapan tak buat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah, cukuplah tu. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih di atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuanku yang telah pun menyampaikan Titah Diraja yang amat bermakna kepada kita.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pagoh, sebagai Perdana Menteri. Kita melihat dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini, beliau sebagai seorang Perdana Menteri yang telah dapat menangani wabak COVID-19 dengan berjayanya dan juga mengemukakan *recovery plan* untuk ekonomi negara kita ini.

Saya percaya *insya-Allah* pencapaian telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini amat dihargai oleh rakyat seluruhnya, *insya-Allah* kita akan bangkit semula selepas wabak COVID-19 ini berakhir nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini terlebih dahulu untuk mengucapkan tahniah kepada akhbar *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia* yang telah bermula *publication*-nya pada hari ini. Kita berdoa kepada Allah SWT, akhbar *Utusan Malaysia* ini akan terus bangkit dan maju setanding dengan juga akhbar-akhbar yang lain, memainkan peranan untuk membentuk sebuah negara dan rakyat Malaysia yang maju dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Tuanku dalam titahnya tempoh hari, negara kita ini sebuah negara yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan dan juga demokrasi berparlimen yang mana rakyat Malaysia setiap orang daripada kita hendaklah memahami akan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen ini supaya kita dapat memainkan peranan sebagai rakyat dan juga sebagai Ahli-ahli Dewan ini, sebagaimana dengan sepatutnya. Kita menerima ketua negara kita sebagai Raja dan juga kita mengambil mengamalkan demokrasi berparlimen di dalam ini untuk berbahas bagi kepentingan rakyat jelata pada keseluruhannya.

Ramai daripada kita di sini ataupun setiap orang daripada kita berhajat untuk menyumbang kepada rakyat dan negara kita sebaik mungkin. Akan tetapi oleh sebab kadang-kadang *politicking* yang berlaku di kalangan kita, sesama kita, di antara parti dengan parti menyebabkan kadang-kadang kita terpesong daripada matlamat utama iaitu memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada rakyat jelata pada keseluruhannya.

Dengan sebab itu, saya ingin menyarankan Tuan Yang di-Pertua, supaya sejarah dipelajari oleh rakyat kita keseluruhannya, tidak kira yang dewasa apatah lagi kepada orang-orang muda yang mungkin tak mengetahui sejarah bangsa dan negara. Kita kena menerima hakikat bahawa negara ini adalah Tanah Melayu, Tanah Melayu. Tanah Melayu. Mungkin ada yang tidak mahu menerima bahawa ini, negara *Everybody must accept the fact that, this is our* ini Tanah Melayu asalnya. Ini perlu.

Suka tidak suka, rakyat Malaysia ataupun orang yang datang dari luar berada di dalam negara kita ini kena terima bahawa ini adalah Tanah Melayu dan Melayu merupakan rakyat, penduduk asal negara kita ini. Saya harap pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan, pembangkang menerima hakikat ini dan tidak mengabaikan iaitu bangsa Melayu, orang Melayu merupakan peribumi negara kita ini yang mempunyai hak-haknya. Hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan tertentu yang mesti dipertahankan oleh kerajaan dan oleh kita.

Bagi mereka yang bukan Melayu, mereka juga merupakan rakyat negara kita ini. Kita juga mesti menerima hakikat dan juga menerima hak-hak mereka sebagai rakyat di negara kita ini. Akan tetapi ada perbezaan antara hak-hak peribumi dan juga hak-hak yang bukan peribumi. Yakni, suka tidak suka kena terima. Kalau kita merupakan rakyat Malaysia, jangan lagi dipersoalkan hak-hak keistimewaan orang Melayu umpamanya. Berhubung kait dengan kedudukan agamanya, budayanya, hak-hak dalam pendidikannya, juga ekonominya. Ini merupakan hak-hak yang termaktub di dalam Perlembagaan yang menjadi perjuangan bagi kita pemimpin-pemimpin kerajaan juga pembangkang untuk mempertahankannya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kepada yang bukan Melayu, mereka juga mempunyai hak mereka yang mesti dipertahankan oleh setiap orang daripada kita, tidak kira Melayu atau bukan Melayu. Hak beragama, hak mengamalkan budaya mereka, hak untuk mendapatkan pendidikan, hak untuk menjalankan kehidupan, mendapatkan peluang-peluang untuk berniaga, bekerja dan sebagainya. Ini hak-hak yang tidak boleh dipersoalkan, malah wajib diberikan kepada rakyat Malaysia bukan Melayu juga. Akan tetapi...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Pasir Salak, izinkan mencelah, bertanya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan perbahasan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Pasir Salak berkaitan dengan hak orang Melayu. Ya, kita akui dan kita akur dan itulah hakikatnya. Dengan hak tersebut juga datangnya tanggungjawab.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pasir Salak, bersetujukah kalau kita mengatakan dengan hak yang besar itu, datang juga tanggungjawab yang besar untuk menjadi contoh kepada orang lain untuk tidak berlaku zalim, tidak mengambil rasuah, tidak kleptokrasi dan juga tidak melakukan salah laku demi menjadikan bukan hanya kita sebagai orang yang mempunyai hak, tetapi juga orang yang menjadi contoh dan teladan kepada bangsa yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, orang yang mengambil haknya, kenapakah pula dia dianggap zalim? Kecuali dia mengambil hak orang lain, itu yang dikatakan zalim. Jadi jangan timbul persoalan apabila orang Melayu mempertahankan hak dan keistimewaannya, maka orang Melayu itu berlaku zalim pada bangsa lain. Itu tidak betul. Saya sudah sebutkan tadi, kita akan pertahankan hak orang lain juga. Tidak ada masalah. Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Soalan saya untuk kita menjadi contoh, kita tidak berlaku zalim, tidak mencuri, tidak menyamun, adakah kita setuju?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini, kes-kes seperti itu berlaku di mana sahaja. Di kalangan orang Melayu pun ada, di kalangan orang bukan Melayu pun ada, di kalangan orang putih pun ada, di kalangan Afrika pun ada. Itu bukan menjadi apa nama itu, perkara yang boleh kita hendak menimbulkan masalah di kalangan orang Melayu.

Ya Tuan Yang di-Pertua, bagi membela nasib orang-orang Melayu yang masih ketinggalan di bandar dan di luar bandar, dasar kemakmuran bersama yang dibawa oleh kerajaan dasar yang amat baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dasar yang amat baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Waktu sekarang menunjukkan jam pukul 1 tengah hari. Mesyuarat akan berhenti rehat dan akan disambung semula jam 2.30 petang. Yang Berhormat Pasir Salak akan sambung berbahas pada 2.30 petang dengan baki lapan minit 54 saat. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, baik.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, kita sekarang menyambung perbahasan usul menjunjung kasih Titah Diraja. Saya persilakan Yang Berhormat Pasir Salak untuk menyambung perbahasaan beliau. Masa yang tinggal lapan minit 54 saat.

2.33 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan Dasar Kemakmuran Bersama yang kita sokong iaitu dasar untuk memakmurkan negara dan untuk semua pihak, semua lapisan akan menikmatinya.

Di sini saya ingin mengingatkan bahawa bila dikatakan kemakmuran bersama itu bukan maknanya sama rata. *It is not equal, equitable- yes. Equal is not equitable.* Jadi maknanya rakyat atau golongan yang *deserving cases* seharusnya diberikan perhatian dan tekanan oleh kerajaan. Itu saya hendak berkongsi fahaman tentang kemakmuran bersama.

Jadi, untuk membela masyarakat luar bandar, saya menyeru kepada kerajaan untuk meneruskan pembangunan kawasan luar bandar, pembangunan koridor-koridor wilayah diteruskan.

Sekarang kita tidak dengar lagi sudah berkenaan dengan koridor, pembangunan program di beberapa buah koridor yang telah pun dimulakan beberapa tahun yang lalu. Kita tidak tahu. *What is the status?* Apakah status kemajuannya? Berapa ramaikah rakyat mendapat manfaat daripadanya?

Kita tahu bahawa pembangunan koridor ini merupakan *catalyst* atau pemangkin kepada pembangunan ekonomi di luar bandar, di Pantai Timur, Pantai Barat, di Selatan, Sabah dan Sarawak. So, saya menyeru kepada pihak kerajaan memberikan fokus kepada pembangunan koridor-koridor tersebut.

Selain daripada itu untuk memajukan kawasan luar bandar ini, projek-projek seperti ECRL, HSR- *high-speed rail*, RTS dan lain-lainnya hendaklah diteruskan kerana projek-projek ini merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, memberikan peluang pekerjaan, memberikan peluang perniagaan dan macam-macam lagi manfaat yang boleh dinikmati oleh rakyat di luar bandar.

Semasa kerajaan sebelum ini iaitu Kerajaan Pakatan Harapan, projek digantung, projek diberhentikan dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi terencat. Jadi, saya harap Kerajaan Perikatan Nasional kali ini tidak melakukan kesilapan seperti itu. Itu satu kesilapan walaupun digantung untuk tujuan untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan tetapi kita dapati bahawa kemudiannya disambung semula setelah digantung buat sekian lama. Jadi saya menyeru sekali lagi supaya projek-projek pengangkutan awam yang saya sebutkan tadi dapat diteruskan.

Selain daripada itu juga, saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya meneruskan pembangunan projek-projek Bandar Malaysia, Projek TRX (*TR Exchange*) dan pembangunan-pembangunan yang lain walaupun pada mulanya Kerajaan Pakatan Harapan mendapati projek-projek ini membazir dan tidak menguntungkan tetapi kemudiannya Menteri Kewangan sendiri, Menteri Kewangan yang sebelum ini sendiri telah mengakui bahawa projek di TRX itu dan juga Bandar Malaysia itu merupakan projek-projek yang amat besar ertinya kepada pembangunan Malaysia yang mana memberikan *multiplier effect*...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Multiplier effect*, kesan berganda kepada ekonomi negara.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Pasir Salak, belakang, belakang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita sekarang sedang memajukan negara kita untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Di sini kita perlu menyediakan tenaga kerja yang terdiri daripada anak bangsa Malaysia yang dapat menangani cabaran masa hadapan.

Di sini kemajuan teknologi dan juga *innovation* perlu dibuat kerana kita sekarang ini jauh ketinggalan dengan dibandingkan negara-negara maju. Boleh dikatakan di antara 50 ke-100 tahun ketinggalannya daripada segi teknologi dan juga *innovation*. Sedih kita menyebutkan di sini bahawa tidak ada benda apa pun yang dihasilkan, kita rakyat Malaysia ini yang boleh dianggap sebagai satu *innovation* ataupun reka cipta seperti mana yang dibuat oleh negara-negara lain.

Kita bergantung kepada negara lain dalam semua perkara sama ada daripada segi peralatan untuk keperluan harian ataupun untuk pertahanan, umpamanya. Tidak ada satu benda- *even* senjata pun kita terpaksa bergantung dengan pihak luar. Jadi sudah sampai masanya teknologi, *innovation*, *invention* merupakan agenda kerajaan yang mesti disokong oleh rakyat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, bebaskan negara kita daripada bergantung kepada negara luar. Pada masa ini kita masih lagi dijajah dari sudut ekonomi walaupun tidak daripada segi ketenteraan tetapi daripada segi ekonomi, kita tidak boleh menafikan kita masih lagi dijajah oleh negara-negara besar seperti Amerika, Jepun, Korea dan juga negara-negara barat kerana kita bergantung ekonomi kita, kehidupan kita daripada pihak mereka.

Jadi oleh sebab itu, kemerdekaan politik yang telah kita capai mesti diteruskan dengan kemerdekaan, *independence* daripada segi ekonomi, *economic independence, financial independence is so important if you want to be a developed country*, negara yang maju dan berpendapatan tinggi dan juga mempunyai maruah yang tinggi di kalangan bangsa-bangsa di dunia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa pihak kerajaan untuk memperbesarkan agenda pembelajaran kepada anak bangsa kita untuk menguasai teknologi, sains dan matematik kerana golongan-golongan inilah yang akan mencipta, mencipta ciptaan-ciptaan baru bagi negara kita.

■1440

Sekarang kita banyak *engineers* dalam negara kita, *but what is the status of our engineers? What are they doing?* Dibandingkan dengan jurutera, *engineer* bangsa-bangsa lain di negara-negara yang maju. Jadi, ini kita kena perhebatkan agenda memperkasakan ilmu dan pengetahuan daripada segi teknologi, daripada segi sains dan matematik kepada anak bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, biasiswa sebanyak-banyaknya harus diberikan kepada anak bangsa kita. Jangan kedekut untuk memberikan biasiswa dan juga bantuan-bantuan yang lain kepada anak bangsa kita untuk belajar ke luar negara, kita kena belajar daripada bangsa Jepun. Jepun apabila perlu bangkit semula setelah kalah perang, mereka menghantar anak bangsa mereka ke Amerika.

Begitu ramai sekali, untuk mempelajari segala bidang- ilmu dan pengetahuan dan juga teknologi daripada negara Jepun dan kembali ke negara Jepun, mereka mengalih bahasa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Jepun ilmu-ilmu pengetahuan yang mereka diperoleh daripada belajar di Amerika Syarikat itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, saya berharap anak bangsa kita juga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ada soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Dihantar dengan begitu ramai sekali. *Expose them to the world, show them the world, that they also can*, boleh seperti anak bangsa lain, Jepun, Korea, Amerika dan semuanya tidak hebat mana, melainkan mereka mendapat sokongan daripada rakyat dan kerajaan untuk menjadi bangsa yang hebat dan berjaya. Jadi, jangan kita kedekut atau kata tidak ada cukup wang, tidak ada itu, tidak ada ini. *If we can spend billions of dollars* dalam perkara-perkara yang lain. Ilmu dan pengetahuan serta teknologi yang diperoleh ini adalah *investment* yang paling penting untuk kita melihat masa depan mereka mencapai kejayaan yang cemerlang.

Jadi dengan sebab itu, saya menggalakkan kerajaan dan juga pihak swasta untuk bersama-sama menyumbang kepada pembangunan teknologi dan inovasi dalam negara kita ini. Oleh sebab masa sudah *raised*, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya ingin umumkan barisan pembahas-pembahas yang berikutnya sehingga pukul 4 petang. Selepas ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Bangi, disusuli oleh Yang Berhormat Baram, kemudiannya Yang Berhormat Subang dan selepas itu, Yang Berhormat Padang Terap. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bangi.

2.42 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk berbahas. Dengan tidak membuang masa, saya terus kepada isu-isu pokok untuk penjelasan dan juga jawapan daripada Menteri yang berkenaan.

Menteri yang pertama ialah Yang Berhormat Menteri MITI, Yang Berhormat Gombak yang juga berada di sini. Isu yang pertama yang saya hendak kemukakan ialah berkenaan dengan *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)*.

Di mana KPI yang terpenting untuk Malaysia sebagai *host economy*, dengan izin, adalah untuk mendapatkan konsensus bagi *post for Bogor Goals* yang akan digunakan sebagai rujukan matlamat APEC untuk sekurang-kurangnya 10 tahun.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penampang mengenai cara ataupun kaedah Mesyuarat APEC yang akan dilakukan. Akan tetapi pada saya, satu cabaran yang lebih besar yang mungkin boleh dikatakan terbesar ialah untuk mendapatkan konsensus di kalangan ekonomi APEC.

Di mana sekarang kita sedar ada satu perang dingin baharu- *new cold war*, yang sedang berlaku di antara China dan juga Amerika Syarikat. Ini satu sebab mengapa satu deklarasi bersama- *joint declaration* tidak dapat dikeluarkan pada tahun 2018 apabila Papua New Guinea menjadi hos ekonomi. Perang dingin ini telah bertambah serius sejak tahun 2018. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah strategi yang sedang dan akan diambil oleh pihak MITI bersama dengan ahli APEC yang lain untuk mengelakkan kedua-dua ekonomi besar ini daripada menghalang satu *consensus post for Bogor Goals* untuk dicapai?

Adakah pencapaian ini akan terjejas jikalau kemungkinan besar Presiden Trump enggan menyertai Persidangan APEC oleh sebab beliau kalah di pilihan raya Presiden yang akan dijalankan di Amerika Syarikat pada awal bulan November, sebelum persidangan APEC.

Soalan kedua saya kepada Yang Berhormat Menteri MITI ialah pendirian Kerajaan PN terhadap Perjanjian Perdagangan Bebas- *Free Trade Agreement*. Saya sedar bahawa pihak MITI sedang berusaha bersama dengan negara lain untuk memuktamadkan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). Memandangkan wabak COVID-19 ini telah menghentikan *face-to-face meeting*, dengan izin, apakah kemungkinan bahawa APEC boleh dimuktamadkan sebelum akhir tahun ini? Adakah negara India akan bersetuju dengan syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh 15 buah negara yang lain dalam perbincangan RCEP sampai tahap ini?

Pada masa yang sama, adakah Kerajaan PN telah membuat keputusan tentang ratifikasi CPTPP? Adakah Kerajaan PN berhasrat untuk memulakan perbincangan dengan pihak *European Union* (EU) tentang *EU-Malaysia FTA*? Dewan yang mulia ini boleh ambil maklum bahawa negara jiran kita iaitu Vietnam telah menandatangani FTA dengan EU pada awal tahun ini dan Indonesia telah melaksanakan sembilan pusingan rundingan dengan EU untuk melaksanakan satu FTA. Saya juga ingin tahu perkembangan terkini tentang perbincangan FTA dengan *European Free Trade Association* (EFTA).

Soalan ketiga dan terakhir saya kepada Yang Berhormat Menteri MITI ialah berkenaan dengan Industri 4.0 (Industry4WRD). Dalam jawapan bertulis yang diberikan oleh pihak MITI kepada saya, saya dimaklumkan bahawa sasaran untuk Penilaian Persediaan- *Readiness Assessment*, untuk tahun 2020 sebanyak 450 perusahaan kecil sederhana (PKS).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, waktu Kerajaan PH memerintah, sebanyak 508 buah syarikat PKS telah melalui *Readiness Assessment*. Akan tetapi setakat Jun 2020, saya dimaklumkan bahawa hanya 112 permohonan telah diluluskan untuk menjalani Program RA.

Sasaran untuk tahun ini 450 permohonan. Saya rasa keputusan ini tidak begitu memuaskan tetapi saya rasa sebabnya ialah akibat MCO yang telah bermula pada 18 Mac 2020. Jadi, soalan saya ialah apakah rancangan pihak MITI untuk memastikan bahawa sasaran untuk tahun 2020 boleh dicapai?

Pada masa yang sama, bilakah *Readiness Assessment* untuk *manufacturing related services*, dengan izin, akan dilancarkan? Mengikut jawapan yang saya terima daripada pihak MITI sebelum ini, jawapan bertulis menyatakan bahawa pertengahan bulan Julai 2020, MRS ini akan diumumkan tetapi buat masa sekarang tiada apa-apa pengumuman lagi.

Soalan yang seterusnya, saya tuju kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia iaitu Yang Berhormat Tapah. Kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, saya ambil maklum bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa kuota baharu untuk pekerja asing pada tahun 2020 telah dibekukan. Saya juga diberitahu bahawa majikan yang masih ada kuota untuk pekerja asing boleh *transfer* ataupun memberikan kuota mereka kepada majikan yang lain.

Jadi, saya ada dua soalan untuk Yang Berhormat Menteri. Soalan pertama saya ialah apakah proses yang sedang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa kuota pekerja asing yang diagihkan ataupun di *transfer* kepada majikan yang lain dibuat dengan cara yang telus dan tidak disalah gunakan oleh majikan yang tidak bertanggungjawab? Saya rasa *transfer policy* ini adalah baik oleh sebab ia boleh membantu majikan di industri yang mengalami kesusutan akibat daripada wabak COVID dan ia juga boleh membantu majikan yang mengalami pertumbuhan seperti pembuat sarung tangan. Akan tetapi ia mesti diimplementasikan dengan cara yang telus dan juga efisien.

Soalan kedua saya kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia mengenai pas pekerjaan- *employment pass*, untuk ekspatriat. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa insentif untuk menggalakkan pelaburan asing ke Malaysia. Ini juga salah satu tanggungjawab pihak MITI dan juga MIDA. Akan tetapi pelaburan asing ini biasanya memerlukan pekerja ekspatriat untuk beroperasi bersama dengan pekerja tempatan.

Jadi, adakah polisi pembekuan pekerja asing untuk tahun 2020 ini melibatkan pekerja ekspatriat juga? Adakah *employment pass* Kategori I iaitu untuk mereka yang bergaji lebih daripada RM10 ribu sebulan ke atas dan juga Kategori II iaitu mereka yang bergaji RM5,000 sampai ke tahap RM9,999 juga telah dibekukan oleh pihak kementerian?

Soalan seterusnya, ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk EPU iaitu Yang Berhormat Jeli. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Jeli atas keputusan beliau untuk menaikkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), ataupun *Poverty Line Income* (PLI) dari RM980 sebulan ke RM2,208 sebulan.

■1450

Ini satu langkah yang baik dan memang berbeza dengan pendirian Yang Berhormat Gombak yang berada di Dewan yang mulia ini semasa beliau bertugas sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Pada masa itu, beliau juga telah mengeluarkan *statement* untuk menafikan pencarian pakar *World Bank* bahawa kadar kemiskinan di Malaysia bukan hanya 0.4 peratus seperti yang dilaporkan sebelum ini.

Saya ada tiga cadangan untuk menambah baik metodologi PGK ini dan juga perhitungan kemiskinan. Saya harap cadangan ini boleh diambil kira dalam *survey* pendapatan isi rumah ataupun *household income survey* yang akan datang.

Cadangan pertama saya ialah supaya angka kategori bumiputera ini dipisahkan kepada Melayu bumiputera, bumiputera Sarawak dan juga bumiputera Sabah supaya kadar kemiskinan di antara ketiga-tiga kumpulan ini boleh difahami dengan lebih mendalam. Saya rasa rakan-rakan saya dari Sabah dan Sarawak pun boleh sokong cadangan ini.

Ini kerana kadar kemiskinan di kalangan bumiputera Sabah dan Sarawak jauh lebih tinggi daripada yang dialami oleh kaum Melayu di Semenanjung Malaysia. Dengan angka yang lebih tepat, kerajaan juga boleh dapat memperbaiki polisi-polisi supaya isu kemiskinan di kalangan rakyat bumiputera Sabah dan Sarawak boleh ditangani dengan lebih efektif.

Cadangan kedua saya ialah untuk memperbaiki angka PGK ataupun *Poverty Line Income* mengikut negeri supaya ia memberi satu gambaran keadaan sebenarnya dengan lebih tepat. Saya hendak ambil peluang ini untuk memberi contoh berikut. Mengikut *Household Income Survey 2019*, PLI untuk Selangor RM2,022 iaitu lebih rendah berbanding dengan PLI untuk seluruh negara iaitu RM2,208. PLI untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur RM2,216 iaitu RM8 lebih berbanding dengan PLI seluruh negara.

Saya rasa Yang Berhormat yang selalu datang ke Kuala Lumpur dan juga Selangor pasti boleh sedar dan juga sokong bahawa *cost of living* di kawasan Lembah Klang ini jauh lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain di Malaysia.

Saya hendak memberi satu lagi contoh. PLI untuk negeri Terengganu RM2,507. Saya rasa ini terlalu tinggi. Mungkin Yang Berhormat Setiu pun boleh sokong cadangan ini. Apabila PLI untuk sesebuah negeri terlalu tinggi, ia tidak memberi satu gambaran yang tepat mengenai kadar kemiskinan yang sebenarnya.

Ada juga satu pencarian yang saya rasa begitu aneh iaitu untuk Sabah, PLI RM2,537 tetapi untuk Sarawak RM2,131. Ada perbezaan lebih daripada RM400 di antara Sabah dan Sarawak. Ini begitu pelik memandangkan bahawa kos kehidupan saya rasa di Sabah dan Sarawak lebih kurang sama daripada segi kos pengangkutan dan sebagainya. Mungkin kos pengangkutan di Sarawak jauh lebih dari Sabah kerana jarak itu lebih. Jadi, begitu aneh bahawa jurang ini jurang yang begitu besar.

Jadi, saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya- cadangan kedua saya ialah supaya PLI untuk negeri-negeri ini boleh diberi *adjustment* ataupun beri kajian yang lebih mendalam.

Cadangan ketiga saya ialah supaya *individual level data*, dengan izin, untuk *household income survey* diterbitkan sebagai satu data set secara umum. Butiran peribadi seperti nama dan juga alamat orang yang di-survey boleh dikeluarkan daripada data set tetapi data set terperinci ini boleh diterbitkan secara umum. Ini akan membolehkan pensyarah dan juga ahli akademik di universiti tempatan untuk membuat kajian yang lebih mendalam tentang isu kemiskinan. Ia juga membolehkan ahli akademik kita menerbitkan artikel mereka dalam jurnal bertaraf ISI. Ini akan membantu menaikkan kedudukan atau ranking universiti tempatan dalam *regional* dan juga *international ranking*, dengan izin.

Soalan yang seterusnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan iaitu Yang Berhormat Kepala Batas. Soalan ini singkat sahaja. Saya pasti Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada atlet handalan negara dalam program *Road to Tokyo* yang masih belum mencapai tahap kelayakan untuk menyertai Sukan Olimpik 2021. Antara sebabnya ialah banyak pertandingan antarabangsa telah dibatalkan akibat wabak COVID-19.

Saya beri satu contoh. Seorang atlet handalan kita yang bernama Jackie Wong atlet baling tukul atau *hammer throw*. Beliau juga pemegang rekod kebangsaan dalam acara ini. Beliau berasal dari Sibiu. *In the interest of full transparency*, beliau juga anak Yang Berhormat Sarikei. Yang Berhormat Sarikei ada tak?

Jadi, beliau memerlukan lebih kurang 120 lebih markah untuk meletakkan diri dalam ranking 32 orang pembaling tukul besi yang terbaik di dunia dan seterusnya untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik di Tokyo. Salah satu cara untuk mendapatkan markah kelayakan ini adalah untuk menyertai pertandingan tidak kira pertandingan antarabangsa ataupun pertandingan tempatan.

Jadi, soalan saya sama ada pihak kementerian ada rancangan untuk bekerjasama dengan persatuan sukan tertentu seperti Kesatuan Olahraga Malaysia untuk menjalankan pertandingan tempatan untuk membantu atlet seperti Jackie Wong untuk mencapai matlamat mereka untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik Tokyo pada tahun 2021?

Saya bangkitkan isu ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk kepentingan seorang sahaja tetapi untuk menunjukkan ini sebagai satu contoh. Saya harap usaha ini boleh dilakukan untuk membantu kesemua 181 orang atlet di bawah program *Road to Tokyo*.

Soalan seterusnya saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi iaitu Yang Berhormat Parit Sulong. Soalan saya berkenaan dengan isu Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing ataupun *Limkokwing University of Creative Technology* (LUCT). Dalam jawapan bertulis yang diberikan kepada saya pada 15 Julai, pihak kementerian menyatakan bahawa LUCT telah memohon maaf atas isu yang ditularkan di laman media sosial. Ini berkenaan dengan *billboard 'King of Africa'* yang menunjukkan pengasas universiti ini iaitu Tan Sri Lim Kok Wing sebagai 'Raja Afrika'. Saya rasa *billboard* ini sudah diturunkan.

Saya hendak tanya, sama ada pihak kementerian sedar bahawa ada banyak lagi tuduhan yang telah dibuat di media sosial terhadap universiti tersebut? Ini termasuk tuduhan bahawa pelajar kulit hitam tidak digalakkan untuk menjadi wakil universiti di pameran pemasaran pengajian tinggi ataupun *marketing fairs for higher education*, dengan izin.

Ada juga tuduhan serius yang telah didedahkan bersama klip audio di mana ahli bukan akademik di LUCT dipaksa untuk membuat aplikasi untuk menjadi pensyarah tidak kira sama ada mereka layak atau ada niat untuk mendapatkan kelayakan ini. Semua butiran yang saya telah nyatakan boleh didapati di dalam laman web *limkokwingisrasict.com*.

Saya tidak dapat mengesahkan kesahihan dokumen ataupun klip audio yang didedahkan tetapi saya menyeru kepada pihak kementerian termasuk pihak *Malaysian Qualification Agency* (MQA) untuk melakukan penyiasatan yang komprehensif. Ini supaya nama baik negara dan juga IPTS yang lain tidak dicemari oleh tuduhan seperti ini.

Soalan seterusnya ditujukan kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pagoh. Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat adalah berkenaan peletakan jawatan mantan CEO PNB iaitu Encik Jalil Rasheed. Dalam jawapan bertulis yang saya terima pada 16 Julai 2020, alasan bahawa kelayakan akademik Encik Jalil Rasheed adalah daripada *University of London* dan bukan *London School of Economics* (LSE) telah diberikan sebagai satu sebab kenapa beliau letak jawatan.

Bagi saya, ini isu teknikal. Isu ini saya rasa boleh dipertikaikan, boleh dibincangkan dan pada hakikatnya bukan sepatutnya menjadi asas kenapa beliau mungkin dipaksa untuk letak jawatan. Mungkin peletakan jawatan beliau akan menimbulkan banyak spekulasi terhadap alasan sebenarnya beliau dipaksa letak jawatan yang mungkin membangkitkan isu mengenai transparansi dan sebagainya.

Jadi, soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Perdana Menteri berhasrat untuk melakukan siasatan tentang latar belakang akademik untuk semua CEO dan juga pengerusi GLC dan juga GLIC ini termasuk Ahli Parlimen sebelah sana, Perikatan Nasional yang baru-baru ini dilantik kepada jawatan mereka?

■1500

Adakah Perdana Menteri berhasrat untuk mungkin kepada mereka yang ada ijazah daripada universiti yang boleh dikatakan *degree mill* seperti sebelum ini. Yang Berhormat Baling saya rasa ini maklumat yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini. Beliau telah- bila beliau menjadi Pengerusi Tabung Haji, memang dicatatkan bahawa beliau ada satu MBA dari *University of Preston*. *University of Preston* ini sebuah universiti yang terkenal sebagai *degree mill*.

Jadi saya rasa ada juga banyak lagi contoh-contoh seperti ini. Adakah Perdana Menteri berhasrat atau ada niat untuk melakukan siasatan sebegini dan jikalau ada ahli Parlimen yang ada *degree* ataupun ijazah dari *degree mill* ataupun meletakkan diri sebagai seorang yang *graduate* daripada universiti-universiti tertentu tetapi didapati bahawa mereka memang tidak *graduate* daripada universiti tertentu. Adakah mereka akan dipaksa untuk letak jawatan juga?

Soalan yang terakhir saya ialah soalan yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air. Baru-baru ini banjir kilat yang teruk telah berlaku di kawasan saya di kawasan Bangi dan Kajang di mana hujan telah menyebabkan air dari Sungai Langat melimpah keluar dan masuk ke rumah di taman-taman yang sebelah Sungai Langat ini. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak JPS dengan kerjasama kerajaan negeri selepas ini untuk memastikan bahawa isu ini boleh ditangani dengan bertanggungjawab.

Kita tidak mahu main politik di sini oleh sebab ia melibatkan penduduk-penduduk di kawasan saya. Saya harap isu ini boleh ditangani dengan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Apa yang boleh dibuat untuk mengurangkan impak jikalau banjir seperti ini berlaku pada masa hadapan.

Itu saja setakat perbahasan saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bangi, seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Baram untuk membahaskan usul ini.

3.02 ptg.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, PKP ataupun Perintah Kawalan Pergerakan telah pun kita laksanakan sejak 18 Mac yang lepas.

Dalam masa tiga bulan ini, kita di negara kita *just stay at home and be safe*. Ini slogan yang kita selalu dengar. PKP bagi saya dia memang ada kesan yang bagus sehingga pada hari ini kita adalah antara empat ataupun negara kita negara yang keempat yang dapat mengawal penularan wabak COVID-19 ini.

Ini kebaikan dia dan sekarang kita ada dalam peringkat PKPP, pemulihan, kita dalam pemulihan. Kita harap ini akan berterusan. Kita berdoa agar PKPP ini dapat melonjakkan lagi nama negara kita sebagai negara yang dapat mengawal COVID-19 ini.

Namun bagi kawasan-kawasan luar bandar dan khususnya di Sarawak dan juga di tempat saya sendiri, wabak COVID-19 ini ataupun PKP ini dia ada kesan yang kurang baik. Ini adalah kerana kita di kawasan pedalaman, kita tidak ada apa orang kata kemudahan-kemudahan asas yang lengkap.

Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua. Semasa PKP dilaksanakan, Kerajaan PN telah meluluskan bantuan kewangan dinamakan sebagai PRIHATIN kepada rakyat. Kita di kawasan pedalaman, apabila kita mendengar bahawa ada bantuan kewangan ini sedang- dan kita ini memang duduk dekat rumah, tidak buat apa-apa. Kita mahu terima duit ini untuk belanja kita. Akan tetapi apabila mereka hendak pergi ke bandar di mana perbankan ada, mereka menghadapi banyak masalah dan rintangan.

Satu, jalan dia tidak bagus. Ada setengah-setengah rakyat di Baram yang terpaksa berpusu-pusu dalam tin sardin orang kata, dalam *four-wheel drive*, jalan untuk berjam-jam dan datang dekat bandar Miri sebab di situ saja ada kemudahan perbankan ini. Dengan berbuat demikian bantuan yang diberi ini dia memang dalam lingkungan RM1 ribu ataupun RM2 ribu, kos yang mereka perlu tanggung ini tersangat tinggi. Ini satu contoh berkenaan dengan kekurangan kemudahan perbankan di kawasan pedalaman.

Kedua yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan pesakit-pesakit yang kronik ini di kawasan pedalaman. Mereka sudah balik ke kampung, balik ke rumah panjang dan bila dia orang memang ada temu janji dengan pakar-pakar. Jadi apabila mereka hendak datang untuk temu janji, untuk mendapatkan rawatan pakar ini, mereka terpaksa juga, ini orang yang tua. Mereka ini juga melalui jalan yang tidak selamat dan berjam-jam juga dan juga ada sekatan-sekatan merentas desa ini. Oleh sebab kita di kawasan Baram, kita sebenarnya ada tiga buah daerah, daerah Marudi, Beluru dan Telang Usan. Jadi sekatan-sekatan ini semua kita perlu lalui ini. Ini berkenaan dengan kesihatan.

Ketiga, saya ingat contoh yang ini ialah berkenaan dengan pendidikan. Ini memang banyak diperkatakan. Apabila sekolah ditutup oleh sebab PKP, kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan mengesyorkan supaya pendidikan dijalankan melalui *virtual learning* yang menggunakan internet ini. Mereka murid-murid kita yang di asrama sudah balik ke kampung, dekat rumah panjang bersama-sama dengan kedua-dua ibu bapa di pedalaman. Apabila dibuatkan *virtual learning* ini, kita di kawasan pedalaman ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada capaian internet. Bukan saja capaian internet saja tidak ada, yang kita hendak pakai telefon itu pun tidak ada ini di pedalaman ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah rata-rata keadaan yang dihadapi oleh masyarakat di luar bandar semasa PKP COVID-19 ini. Jelas bagi saya apa yang telah diperjuangkan, apa yang telah berkali-kali disebut dalam Dewan ini oleh kita, lebih lagi oleh GPS, kita mengatakan bahawa di negeri Sarawak dan mungkin juga di negeri Sabah, kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, kemudahan internet, hospital, ini memang pada peringkat yang memerlukan seperti saya kata dulu juga, *intervention* daripada pihak kerajaan dengan segera.

■1510

Masa COVID-19 ini juga keadaan menjadi lebih genting dan juga masa pra COVID-19 pun ia juga genting. Jadi, oleh sebab keadaan ini dan oleh sebab kita seperti yang kita sebut dalam Dewan ini memang kita tidak dapat menafikan bahawa kemudahan asas di kawasan pedalaman, khususnya di kawasan Baram amat memerlukan *intervention from the government*, dengan izin. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi merayu kepada pihak kerajaan dan merayu kepada kementerian-kementerian agar segera dan mengambil perhatian yang serius berkenaan dengan keadaan-keadaan kemudahan yang ada di pedalaman.

Saya mohon supaya jalan raya, oleh sebab ia jauh, keadaan jalan yang tidak begitu selamat perlu diperbaiki. Ini khusus bagi kawasan Baram, saya minta supaya jalan dari Pekan Lapok ke Long Ayak ini. Kawasan Long Ayak ini dibuatkan dengan segera ini sebab ini akan dihubungkan dekat yang saya boleh kata pusat pertumbuhan, *within growth centre*. Jadi ini akan memudahkan pergerakan rakyat dari kawasan pedalaman *the growth centre* ini.

Kedua, jalan ini saya percaya semua kita dalam Dewan ini pernah mendengar dahulu semasa Barisan Nasional disebutkan menaikkan taraf jalan balak dahulu. Pada masa itu, di kawasan Baram diluluskan dengan satu yang digelar sebagai fasa kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri KKLW. Fasa keempat ini dahulu.

Saya mahu mohon supaya pihak kementerian bantu supaya simpang-simpang jalan daripada jalan balak yang sedia ada hari ini dapat diperbaiki dan kalau dapat diperbaiki ikut taraf JKR supaya ia jadi apa orang kata R1 *modified* ini supaya dia akan menjadi jalan yang diselenggarakan oleh MARRIS apabila jalan ini siap.

Di samping itu, berkenaan dengan liputan internet ini saya rasa tidak payah kita ulang. Yang Berhormat Hulu Rejang pun hari itu sudah sebut kawasan kita ini memang perlukan internet ini. Kalau tak- kalau esok, kita harap ia tidak macam itulah Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada lagi PKP, kita berdoa ia jangan buat ia tidak sampai peringkat itu kalau itu keadaannya. Kita sendiri dapat bayangkan *what will happen to the school and to the student* di kawasan pedalaman. Jadi, itu berkenaan dengan internet.

Di samping itu, internet ada, kita perlu berinternet, kita juga perlu telefon ketika ini. Sekarang ada lagi, masih banyak lagi kawasan-kawasan di kawasan saya, bukan cakap internet, kemudahan telefon ini pun belum diwujudkan ini. Mohon supaya ini disegerakan sebab sekarang ini kita *we are talking about digitalization* ini. So, kalau kemudahan-kemudahan ini tidak ada, saya rasa *we cannot blame the community*.

Ketiga, yang saya hendak cadangkan kepada Kementerian Kesihatan- terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang kerana telah datang ke Long Lama dan untuk melihat keadaan Klinik Kesihatan Long Lama yang sekarang ini saya rasa mereka sedang beroperasi dari dewan masyarakat sebab Klinik Kesihatan Long Lama ini sudah dilanda- ada tanah runtuh dekat kawasan ini. Kita minta apabila perkhidmatan di Klinik Kesihatan Long Lama ini nanti disambung atau diteruskan esok atau lusa, Klinik Kesihatan Long Lama ini kita harap jadi hospital. Ini untuk memudahkan pesakit-pesakit dari kawasan pedalaman untuk menyenangkan pergerakan mereka ke hospital di Long Lama ini.

Pokoknya Tuan Yang di-Pertua ialah kita perlu pembangunan di kawasan pedalaman. Memang saya faham, saya ingat semua kita dalam GPS faham bahawa ini memerlukan peruntukan yang besar. Akan tetapi GPS ataupun kita di Sarawak kita ingat kita ini adalah sama taraf dengan kita di Semenanjung sebab ini termaktub dalam *agreement 63, MA63* ini.

Juga tersebut dan tercatat dalam *Federal Constitution* yang mengatakan bahawa Kerajaan Pusat perlu memberi peruntukan untuk menaikkan taraf rakyat di kawasan Sarawak dan Sabah ini. Kita tahu dalam keadaan ekonomi yang kita ada sekarang ini, dia memang susah sedikit tetapi oleh sebab inilah keadaan sebab kita ada Kerajaan PN ada *said vision* ini, "Kesejahteraan Bersama" ini. So saya percaya, inilah peluang lagi untuk kita memberi peruntukan ke Sarawak.

Sarawak sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, menyasarkan supaya negeri kita Sarawak ini akan menjadi maju dalam tahun 2030. Mengikut yang saya faham daripada SPU di Negeri Sarawak, kita memerlukan pertumbuhan sekurang-kurangnya lapan peratus setiap tahun supaya kita akan mencapai tahap maju ini. Justeru, tidak ada sebab yang kita dapat faham kenapa peruntukan ini tidak dapat disampaikan kepada kawasan ataupun di Sarawak ini.

Di samping itu, kita juga dengar MA63 ada Jawatankuasa Teknikal yang sudah mengurus berkenaan dengan MA63 ini. Kita tidak tahu apa yang- tetapi saya yang difahamkan memang ada sahabat-sahabat tertentu dan kita mahu saya minta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencepatkan yang bagus ini, yang baik ini untuk kepentingan dan untuk kebaikan kita di Sarawak.

Kita amat memerlukan supaya SST dibayar, *that is on top* di samping *five percent royalty*. Bayarlah ini sebab kita di Sarawak amat memerlukan ini untuk memajukan kawasan-kawasan di pedalaman. Bak kata kita tadi, kita sudah beberapa tahun merdeka tetapi *we are* sedih untuk kita kata bahawa jurang pembangunan antara wilayah ini masih menjadi cabaran besar kepada kita.

Saya percaya dengan kerajaan yang ada, kita merayu agar peruntukan dan keadaan di kawasan pedalaman seperti Baram diberi perhatian yang serius demi kesejahteraan rakyat jelata. Dengan itu saya rasa itu sahaja, terima kasih. Saya sokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

■1520

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Baram. Saya seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Subang untuk membahaskan usul ini.

3.20 ptg.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan masa kepada saya untuk membahaskan Titah Diraja yang disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong tentang keadaan ekonomi dan juga politik. Saya menerima pandangan dan pesanan Yang di-Pertuan Agong dengan baik dan saya percaya kita perlu membahaskan perkara-perkara yang terpenting termasuklah empat perkara iaitu:

- (i) COVID-19;
- (ii) dasar-dasar untuk memerangi rasuah dan penyelewengan;
- (iii) ekonomi negara yang menghadapi cabaran-cabaran; dan
- (iv) reformasi Parlimen.

Baik, perkara pertama isu COVID-19. Saya minta kerajaan khususnya Menteri Kewangan untuk memberikan data-data kewangan yang sebenarnya tentang COVID-19 ini. Bukan *fantasy numbers* tetapi data yang sebenar, khususnya berapakah jumlah wang COVID-19 yang telah diguna pakai oleh kerajaan sejak tempoh MCO dilaksanakan iaitu mulai 18 Mac hingga yang terkini iaitu 30 Jun 2020. Apakah *breakdown* keperincian kegunaan wang tersebut? Berapakah yang telah digunakan untuk *wage subsidy*, subsidi upah sampai ke akhir bulan Jun? Berapakah yang telah digunakan untuk Kementerian Kesihatan bagi *frontliners* untuk mencegah COVID-19?

Semua data ini kita perlu. Adakah jumlah besar ini akan mencapai dana sebanyak RM295 bilion yang diuar-uarkan oleh kerajaan kepada media dan juga rakyat? Jumlah RM295 bilion merupakan lebih kurang 18 peratus *GDP* negara. Nombor ini memang susah hendak percaya, Tuan Yang di-Pertua. Negara-negara terkaya di dunia cuma membuat bajet kurang daripada 10 peratus *GDP* untuk mengatasi COVID-19 dan yang terkaya ini, mereka mempunyai kelebihan untuk *print money*, membuat *quantitative easing*. Padahal Malaysia, kita memang tidak ada *quantitative easing*, kita cuma boleh mengeluarkan *government securities* sahaja.

Bagi saya lebih penting kerajaan berterus terang. Kerajaan baharu ini memanglah saya tidak hendak cakap banyak tentang politik tetapi memang mempunyai satu *trust deficit*. Dengan cara pelantikan Yang di-Pertua *yourself* baru-baru ini bukan sahaja kerajaan ini cuma ada *razor-thin majority* tetapi komitmen kepada *proper procedure* adalah tersangat rendah. Sebagai bandingan pentadbiran Yang Berhormat Pekan dulu ya, daripada segi prosedur Parlimen nampaknya lebih profesional daripada pentadbiran sekarang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *without full financial transparency, we the members of Parliament here, we have no choice but to second guess and speculate. The market too has to speculate what is the true state of the government fiscal position.* Semua penganalisis bank yang saya sempat berbincang melalui Zoom dan juga telefon, berpendapat bahawa kerajaan ini tidak ada dana yang cukup untuk melakukan perbelanjaan tambahan secara *direct injection, cash direct injection* melebihi RM50 bilion untuk COVID-19 dan apalagi *the illogical grand total number* kerajaan- sebanyak RM295 bilion. Sebanyak RM50 bilion pun susah hendak dapat, mana dapat RM295 bilion.

Oleh yang demikian, saya hendak tanya Menteri Kewangan, sama ada dia setuju atau tidak angka RM295 bilion ini adalah satu-satunya *creative accounting*. Berdasarkan pengiraan saya, perbelanjaan *direct injection* COVID-19- khas untuk COVID-19 ya, sampai ke akhir bulan Jun tidak melebihi RM15 bilion sahaja. Kemungkinan besar hanya cuma mencapai RM12 bilion sahaja. Saya minta Menteri Kewangan memberi data apakah jumlah sebenarnya perbelanjaan *direct cash injection*.

Namun demikian, saya faham kerajaan berpegang bahawa dia mampu menyuntik *direct injection* sebanyak RM45 bilion. *They stated this, RM45 bilion injection* ke ekonomi ini. Saya hendak tahu, beritahulah Dewan yang mulia ini dari manakah dana RM45 bilion ini akan muncul. *From where?* Dana kementerian-kementerian mana yang kena potong? Saya faham *tourism*-lah memang kena potong dan berapakah potongan tersebut. Berapa banyakkah yang dipinjam dan dari siapa, wang siapa, PETRONAS? Bank Negara? Bank Negara kena keluarkan dividen lebih untuk tahun ini. Khazanah? EPF? Adakah kita akan mengeluarkan bon sebanyak RM100 bilion untuk tahun ini? Kebiasaannya kita mengeluarkan bon RM50 bilion setahun.

Apakah impak pengeluaran bon berlebihan kepada *sovereign rating* Malaysia? Tidakkah kita mungkin jatuh ke status *B plus*. Kalau jatuh ke *B plus*, berapakah kenaikan *overall cost of borrowings for the government?*

Oleh sebab itulah semasa permulaan MCO, kami di pembangkang selalu meminta kerajaan untuk mengadakan persidangan Parlimen dengan secepat mungkin supaya perkara-perkara fiskal yang dikatakan berbilion-bilion ini boleh didebat dan dibincangkan dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua pada kebiasaannya ucapan-ucapan saya ini bukan untuk mengkritik kerajaan sahaja, bukan semata-mata untuk itu. Saya memang cuba memberi nasihat dan pendapat yang konstruktif. Saya ramai kawan di sebelah sana, saya tahu. Semasa MCO dilaksanakan, saya tidak kompelin apa-apa pun. Saya patuhi peraturan MCO *to the letter*, sampai tidak pergi ke kawasan walaupun 30 minit dari rumah saya. Tutup pejabat saya, semua *officers* saya duduk di rumah tetapi kami berjaya membuat program *contactless welfare aid* iaitu hantar *shopping vouchers* melalui Pos Laju sebanyak RM73 ribu kepada 205 orang keluarga termiskin di Subang.

Kami juga bagi dana sebanyak RM77 ribu kepada penjawat awam, *frontliners*, kesihatan, polis dan bomba. Ini semua dilakukan walaupun kerajaan sekarang telah memotong dana komuniti saya sebanyak 97 peratus. Kawan baik saya, Yang Berhormat Kuala Kangsar, *she will look into the matter and hope we will get a good answer why the opposition is deprived of community aid*. Dalam hal kewangan pejabat saya, saya menerbitkan akaun saya dua kali setahun. Setiap enam bulan saya *publish*, boleh baca siapa hendak tanya soalan, tanya, *how we spend our money*. Oleh itu saya berpendapat kerajaan perlulah juga mengamalkan konsep *full transparency* dan akauntabiliti.

Kebanyakan kerajaan negara-negara di dunia dan *for the record* cuma ada 195 *countries* sahaja, bukan 500 ya- telah membentangkan cadangan COVID-19 mereka ke Parlimen untuk meminta kebenaran dan sokongan Ahli-ahli Parlimen. Akan tetapi ini tidak dilakukan oleh kerajaan ini. Kalaulah Parlimen bersidang pada bulan Mac seperti yang telah ditetapkan pada jadual asal, saya percaya kami pada pembangkang tidak akan menolak apa-apa cadangan yang baik dan *accountable* demi mengatasi COVID-19. Dengan izin, *for not convening Parliament earlier, the government behaved like a nervous child afraid of his own shadow*.

Oleh demikian, saya minta Menteri Kewangan memberi data dan keterangan kewangan yang jelas dan penuh, jangan *inflate numbers*, jangan *mislead the rakyat after all you are supposed to be a banker*, dengan izin. *A technocrat, not a politician*. Oleh demikian, sila laporkan yang terbaik kepada Dewan yang mulia ini. Yang di-Pertuan Agong telah memesan kita *to be accountable* dan saya harap Menteri juga akan menyokong pesanan baik Yang di-Pertuan Agong.

Perkara kedua, dasar-dasar memerangi rasuah dan penyelewengan. Saya meneliti bahawa Yang Amat Berhormat Pagoh mengatakan bahawa kerajaan beliau akan melawan rasuah sekuat-kuatnya dan meminta semua Ahli Parlimen membuat pengisytiharan aset kepada SPRM. Soalan saya adalah senang. Bila kita isytihar kepada SPRM, adakah data ini akan diterbitkan kepada rakyat? *Can the Prime Minister please clarify will you be publishing this data?*

Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan aset semestinya dibuat secara terbuka kepada rakyat. Masa pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, kami telah membuat *asset declaration* kepada rakyat, namun demikian pada masa itu ada juga kekurangan. Borang dan akuan deklarasi tidak diterbitkan, tidak ada audit. Harta pasangan suami dan isteri tidak didedahkan dan yang paling pelik ialah harta anak-anak di atas 21 tahun tidak perlu diisytiharkan. Saya ingin tahu adakah Yang Amat Berhormat Pagoh bersetuju untuk membuat pendedahan penuh kepada rakyat dan memperbaiki pengisytiharan aset menjadi lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan aset adalah satu *crucial step* untuk membanteras gejala rasuah di Malaysia. Dengan izin, *we need a lot more equally crucial steps to be taken*. Semasa Yang Amat Berhormat Pagoh bersama Pakatan Harapan, manifesto anti rasuah kami adalah jelas. Adakah beliau akan berterusan dengan Manifesto Pakatan Harapan untuk membanteras rasuah ataupun beliau ada idea-idea yang lebih baik, sila kongsi dengan Parlimen.

■1530

Sekiranya Yang Amat Berhormat Pagoh ada cadangan melawan rasuah dengan baik, yang lunas dan yang betul, walaupun kita bermusuh di medan politik ini, saya rasa semua Ahli di Dewan yang mulia ini akan sokong. *We will put aside our differences*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat dan hormati tindakan Yang Amat Berhormat Pagoh semasa krisis 1MDB pada tahun 2015. Beliau sanggup meninggalkan pentadbiran Yang Berhormat Pekan untuk melawan isu kleptokrasi.

Saya juga pernah bekerja rapat dengan penasihat-penasihat dasar ataupun teknokrat daripada *team* beliau. Teknokrat seperti Datuk Dr. Marzuki Mohamad yang saya sayangi dan hormati dan kawan baik saya Dato' Dr. Rais Hussin, mereka banyak memberikan pandangan dan menggubal dasar yang baik demi membanteras rasuah.

Oleh sebab politik pada akhir bulan Februari ini, kesemua pemain teknokrat terpaksa bertukar *team*. Akan tetapi, saya masih berharap Yang Amat Berhormat Pagoh tidak akan menukar dasar-dasar antirasuah *team* dia, yang diterima oleh beliau sendiri semasa bersama dengan Pakatan Harapan. Nasihat saya pada Yang Amat Berhormat Pagoh ya, nasihat baiklah. Sekiranya beliau tidak meneruskan reformasi pembanteras rasuah yang baik, yang dimulakan oleh kami dan sebaliknya terus menawarkan jawatan-jawatan GLC sebagai habuan politik, *legacy* antirasuah beliau pada zaman 1MDB akan terus terhilang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga, kemelesetan ekonomi. Berkenaan hal ehwal ekonomi, memang saya telah menyentuh tentang isu fiskal kerajaan. Akan tetapi, ada empat poin lagi saya hendak *pick up* dan yang penting ialah isu pengangguran, isu perdagangan antarabangsa, isu penghasilan barangan dan perkhidmatan dan isu perbankan.

Kawan baik saya iaitu Yang Berhormat Jeli, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), baru-baru ini mengatakan bahawa ekonomi kita akan menikmati satu *V-shaped recovery* pada tahun 2021. Dengan izin, *while I understand, you are a politician and maybe there's a General Election around the corner, you still have an overriding duty to share economic data with the Parliamentarians.*

Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) untuk mendedahkan, apakah asasnya untuk menyokong senario *V-shaped recovery*? Tidak cukup dia kata, *World Bank* kata, ia semestinya berlaku. Adakah kadar pengangguran kita turun atau naik? Dengan izin, *what are the latest numbers to support a V-shaped recovery?* Dengan izin ya, *for you to assert the economy will rebound V-shape, you must have current indicative data to support your views.* Akan tetapi, di manakah *indicative data* ini? *Data DOSM*, cuma sampai bulan April saja. Saya hendak tanya, bulan Mei dan Jun, adakah kita melihat pengangguran meningkat ataupun menurun?

Pagi tadi kita dengar Yang Berhormat Menteri kata pengangguran meningkat pada bulan Mei ke 5.3 peratus daripada 5 peratus. Saya hendak tanyalah, berapakah syarikat telah bungkus sejak MCO? Dengan izin, *surely as an experienced and responsible Minister, you must be keeping a close eye on the very latest data. So, please share.* Apabila saya sekilas membaca *classified section* di *The Star*, saya cuma melihat penambahan lebih kurang lima ke-lapan buah iklan pekerjaan baharu setiap hari. *Only five to eight new advertisements for new jobs. Maybe the kerajaan kena tunggu datanya.* Bagi saya, *you can check the newspaper daily.* You boleh lihat pengangguran ini isu besar.

Isu kedua, untuk meningkatkan ekonomi kita, kita perlukan eksport perdagangan antarabangsa untuk meningkat juga. Apakah data terkini eksport kita sampai ke bulan Jun? Ini kita tanya MITI. Berapa peratus jumlah eksport kita menurun sejak MCO? Dalam konteks *international trade*, apakah pandangan *outlook* terkini tentang *trade war* di antara Amerika Syarikat dengan China? Ini juga pandangan daripada Yang Berhormat Bangi. Sekiranya *international trade* memang menurun jadi di manakah kita akan mendapat *V-shaped recovery* ini? Saya minta Yang Berhormat Menteri MITI untuk memberikan, dengan izin, *a full set of the latest data on imports and exports* dan juga satu *executive summary of our position regarding RCEP, CPTPP and trade war* di antara Amerika Syarikat dan China.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi soalan pada Yang Berhormat Menteri MITI iaitu isu tentang APEC. Saya minta Yang Berhormat Menteri MITI memberikan satu *government position* mengenai APEC. Adakah sidang ini akan diteruskan memandangkan wabak COVID-19? Saya dengar beberapa hari yang lalu, minggu lalu, kerajaan ada tiga opsyen iaitu:

- (i) membuat persidangan secara *virtual*;
- (ii) secara *hybrid*; ataupun
- (iii) *postpone* ke tahun lain.

Apakah anggaran bajet terkini kepada ketiga-tiga opsyen ini dan apakah jumlah yang telah dibelanjakan sehingga kini? Saya minta satu *breakdown of all expenditure items* bagi ketiga-tiga opsyen. Saya juga ingin bertanya, adakah pembelian kereta-kereta

mewah untuk APEC telah dibatalkan? Saya mintalah kos terperinci kereta mewah, sekuriti, logistik, penginapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ke isu ketiga iaitu *supply and demand*. *Basic economics*, tetapi kita fokus kepada *domestic consumption* dan *domestic trade*. Sekiranya perdagangan antarabangsa kita menjunam, *which is something I suspect is really happening*, maka *industrial production* kita juga akan mencerminkan *the international trade demand*. Dengan izin, *a fall in demand will result in the corresponding fall in production*.

Ini bermakna pendapatan *foreign currency* kita juga akan jatuh, *production* kita akan menurun, pekerja kita juga kemungkinan besar kurang produktif dan sebahagian pekerja bakal akan hilang pekerjaan. Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) untuk memberikan data terbaru sampai bulan Jun, apakah peningkatan *domestic consumption*? Jika ada, adakah ia boleh *offset the fall of international trade*? Oleh yang demikian, saya meminta *demand and production* data yang terkini sampai Jun termasuk *Purchasing Manager's Index*, *Consumer Confidence Index* dan juga *Consumer Price Index*.

Baik. Isu terakhir. Saya hendak tanya tentang status *banking*. Saya tahu kebanyakan bank mempunyai *healthy deposit* yang besar. Saya perhatikan daripada *DOSM*, *M1 real money supply* iaitu *cash* dan deposit meningkat kepada 0.9 peratus bagi bulan Januari ke April. Apakah data M1 terbaru sampai ke bulan Jun? Kita tahu di Amerika Syarikat banyak *quantitative easing* dan duit-duit yang dicetak ini sampai ke *our shores as well*. Adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan moratorium pinjaman bank ke Januari tahun depan? Saya tahu bahawa syarikat-syarikat memerlukan satu *lifeline*.

Di kawasan saya iaitu Subang, khasnya DUN Subang Jaya dan DUN Kinrara, banyak kedai dan *outlets* telah tutup. Di kawasan SS15 yang dikenali sebagai *the bubble tea capital of Malaysia* telah melihat banyak *business bubble tea* 'bungkus', bankrap. Saya memang simpati dan faham sangat dengan nada *business community*. *I come from the business community myself*. Keluarga saya berniaga melebihi 60 tahun. Dengan izin, *the business community is really suffering. What the business community needs is help and empathy from the government. They don't need creative accounting or fake economic data to create perception of growth*.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah seorang *former banker*, saya hendak dengar daripada beliau, apa *impact* kepada bank-bank sekiranya moratorium pinjaman dilanjutkan. Dengan izin, *is he going to side with the banks or with the business community on this matter? Simple question*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar aduan daripada syarikat yang telah cuba meminjam *loan* di bawah pakej PRIHATIN. Pinjaman telah diluluskan, tetapi apabila sampai ke bank, bank memberitahu syarikat bahawa kerajaan belum deposit lagi wang untuk pinjaman PRIHATIN. *That was about two weeks ago*, dengan izin. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sama ada situasi ini telah diperbaiki? Tuan Yang di-Pertua, itulah empat isu yang berkaitan dengan ekonomi dan saya minta jawapan terbaik daripada Yang Berhormat Menteri-menteri ya. Jika kita ada satu *good and reliable data*, barulah kita boleh mula memperbaiki situasi ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, *this brings me nicely to the last topic of my speech of parliamentary reforms*. Saya minta Yang Amat Berhormat Pagoh untuk menyatakan pendirian kerajaan beliau tentang rang undang-undang *Parliamentary Services Act*. Saya percaya pihak pejabat *Speaker* yang lalu, yang mantan, telah *pun* menyediakan draf yang cukup baik dan sempurna. *For about 18 months, I worked together with him*, untuk dibentangkan kepada Parlimen. Adakah kerajaan Yang Amat Berhormat Pagoh komited untuk membentangkan draf *Parliamentary Services Act* tersebut? Adakah Yang Amat Berhormat Pagoh komited kepada pembaharuan reformasi Parlimen? Dengan izin, *to make Parliament financially and administratively independent*.

Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *you are very new to this post and I wish you the best of luck. You will need it because soon you will realize your hands are financially and administratively tied*. Parlimen Malaysia adalah sebenarnya *subservient* kepada *executive powers* dan Parlimen Malaysia adalah sememangnya *underfunded*.

Kesemua *select committees* memang tidak cukup wang untuk berfungsi dengan baik. Cuma, PAC yang ada sokongan kewangan dan sekretariat yang penuh. Semasa saya *Chairman* kepada *International Relations and Trade Select Committee*, *there's no secretariat*. Ada *pool of workers*. I kena pinjam sini dan pinjam sana. *There's no fixed budget*. Selagi Parlimen tidak mempunyai kuasa tersendiri mengenai perkara kewangan

dan pentadbiran, Parlimen akan terus menjadi satu jenis '*rubber stamp*' executive dan kepentingan dan kebajikan Ahli-ahli Dewan ini akan terumbang-ambing mengikut ombak politik.

■1540

Sistem umbang-ambing ini- *I know many of my UMNO friends here feel the same*- tidak boleh pakai. Cuma katak-katak yang seronok melompat-lompat dalam sistem umbang-ambing.

Dengan itu, masa sudah habis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sokong pandangan Yang di-Pertuan Agong dan pesanan beliau tentang isu pentadbiran, isu COVID-19 dan isu melawan rasuah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya rasa kalau kita kurangkan sikit bahasa Inggeris itu lebih baik di dalam Dewan ini.

Seterusnya saya ingin memanggil Yang Berhormat Padang Terap untuk menyampaikan perbincangan Yang Berhormat.

3.40 ptg.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta mengambil bahagian di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan Mei yang lalu. Saya menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas tahun 2020.

Di kesempatan ini, saya ambil untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang ke-10 dan juga Dato' Sri Azalina Othman Said, Ahli Parlimen Pengerang yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tahniah saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini, seperti mana yang telah kita dengar Titah Tuanku sewaktu Tuanku bertitah di Dewan ini, ada beberapa perkara yang telah Tuanku titahkan untuk perhatian Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Pertamanya yang berkait dengan COVID-19. COVID-19 telah diambil tanggungjawab sepenuhnya oleh Kerajaan Perikatan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin. Langkah-langkah segera yang beliau telah ambilkan bersama dengan Kabinet dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia telah membawa kepada kejayaan bagaimana kita telah berjaya untuk menangani wabak pandemik COVID-19. Saya kira daripada 18 Mac 2020 apabila diisytiharkan *lockdown* untuk seluruh negara sehinggalah hari ini, ada langkah-langkah itu yang sangat berjaya.

Kejayaan yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam urusan yang berkait dengan COVID-19 ini merupakan manifestasi daripada kesungguhan daripada anggota pentadbiran dan juga petugas-petugas di *frontliner* yang telah bertugas bersungguh-sungguh dan bertungkus-lumus. Kita mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan syabas kepada seluruh *frontliner* yang ada daripada doktor sehinggalah kepada petugas di hospital, polis, tentera dan lain-lain agensi.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada kejayaan yang dilihat itu- sebab yang paling penting dalam urusan kerajaan ini urusan yang berkait dengan bagaimana hendak membantu rakyat. Sebab, setiap kerajaan yang wujud dalam sebuah negara yang demokrasi ini, prioriti dan keutamaannya adalah untuk melihat bagaimana ia boleh membantu ataupun menjadikan kerajaan itu sebagai moderator, menjadikan kerajaan itu sebagai sebuah tempat di mana rakyat mengharapkan bahawa kerajaan ini boleh diharapkan untuk membantu rakyat.

Saya yakin bahawa apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin sebagai Perdana Menteri dari Pagoh telah meyakinkan rakyat bahawa kerajaan bersungguh-sungguh untuk melihat bahawa wabak pandemik COVID-19 ini dapat ditangani dengan baiknya. Jadi, sekali lagi kita ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sebut dalam ucapan pada petang ini adalah yang berkaitan dengan pendidikan. Dalam tempoh lebih daripada 100 hari anak-anak tidak ke sekolah kerana Majlis Keselamatan Negara telah mengarahkan supaya sekolah ditutup, universiti ditutup dan tadika ditutup, pada minggu ini barulah sekolah dibuka sepenuhnya. Kita ada lebih kurang lima juta orang pelajar di sekolah kebangsaan dan di sekolah menengah di seluruh negara. Kita ada lebih kurang 10 ribu buah sekolah di seluruh negara yang ditutup. Bermula pada minggu lepas, sekolah menengah telah dibuka dan hari Rabu ini sepenuhnya sekolah kebangsaan akan dibuka.

Jadi, kanak-kanak berada lebih daripada 100 hari di rumah dan ada sesetengah tempat guru dapat berhubung dengan pelajar dengan menggunakan *online* kerana di sesetengah tempat yang guru dapat berkumpul melalui digital dan *internet* melalui sistem atas talian tidak ada masalah. Ini kerana seperti mana Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa dalam negara kita ini ada empat kluster pendidikan. Pertama, dipanggil pelajar di bandar. Keduanya, pelajar di separa bandar.

Ketiga, pelajar di luar bandar. Dan yang paling teruk tidak dapat berhubung pelajar-pelajar di pedalaman. Pedalaman ini bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi pedalaman ini ada juga di tanah atau kawasan di Semenanjung yang dikenali sebagai kawasan pedalaman.

Salah satu daripada usaha yang berterusan dibuat adalah untuk mempertingkatkan kebolehcapaian *internet* yang bukan sahaja diusahakan daripada Kerajaan Barisan Nasional dulu untuk mempertingkatkan capaian *internet* tetapi zaman Pakatan Harapan juga ada usaha itu dibuat dalam 22 bulan. Tidak sempatlah dia hendak buat sebab mungkin tender pun tidak sempat hendak keluar.

Akan tetapi, sekarang ini kerajaan yang ada ini Kerajaan Perikatan Nasional ini saya amat yakin bahawa mereka sedang berusaha untuk mempertingkatkan. Saya minta dalam jawapan Yang Berhormat Menteri nanti, Menteri Komunikasi dan Multimedia dan juga Menteri Pendidikan boleh menyediakan jawapan sejauh manakah capaiannya dan apakah usaha untuk memberi satu capaian yang tertinggi dalam pencapaian *internet* khususnya di luar bandar dan juga di kawasan-kawasan pedalaman untuk membolehkan sewaktu COVID-19 dalam masa lebih 100 hari ini anak-anak di rumah itu dapat bersambung dengan para guru mereka.

Saya pasti bahawa ada kawasan yang tidak dapat anak-anak di kampung, anak-anak di pedalaman itu berhubung kerana masalah yang berkaitan dengan tidak sampai capaian *internet*.

Jadi, ini salah satu daripada, pada sayalah, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat penting. Begitu juga teknologi digital dan juga *e-learning* yang perlu dikemaskinikan di peringkat Kementerian Pendidikan. Ini sudah semestinya dibantu oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Bukan setakat itu sahaja tetapi stesen-stesen televisyen termasuklah TV kerajaan dan juga swasta mestilah turut memainkan peranan bagi membantu dalam sistem pendidikan untuk membolehkan pendidikan telah mencapai satu tahap digital yang lebih tinggi. Jadi, kita juga berharap bahawa Telekom Malaysia dan juga lain-lain sektor yang dalam bidang teknologi digital ini dapat membantu Kementerian Pendidikan.

Berkait dengan Kementerian Pendidikan bersempena dengan hal yang berkaitan dengan COVID-19 ini, Tuan Yang di-Pertua, kita juga minta supaya Kementerian Pendidikan boleh mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan kuasa kepada jabatan-jabatan pendidikan negeri.

■1550

Sewaktu dahulu saya pernah berada di kerusi itu, kita pernah bermesyuarat bagaimana untuk memberi sedikit kuasa autonomi kepada jabatan-jabatan pendidikan di peringkat negeri dan kita tidak mahu semua di-*centralized*-kan di Putrajaya. Kalau boleh berilah kuasa autonomi kepada jabatan-jabatan pendidikan di peringkat negeri bagi mereka membuat keputusan hal-hal yang berkaitan yang memudahkan mereka dalam urusan yang berkaitan dengan pentadbiran, urusan yang berkaitan dengan tenaga kerja dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan keputusan segera yang perlu dibuat.

Perkara yang berkaitan dengan COVID-19 juga Tuan Yang di-Pertua perkara yang berkaitan dengan apa yang berlaku apa yang Yang Berhormat Subang sebut tadi iaitu jumlah pengangguran yang ada dalam negara. Kita sedar sama ada bersetuju atau tidak bahawa COVID-19 yang telah melanda di seluruh dunia, ada kesan kepada semua industri yang ada dalam negara. Saya melihat kepada *report* Bank Negara menunjukkan

ia memberi dua kumpulan. Satu dipanggil *potential winners* dan satu lagi dipanggil *potential losers*.

So, *potential loser* yang berkait dengan industri pelancongan, yang berkait dengan *aviation*, yang berkait dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perhotelan. Ini dipanggil *potential loser*. Satu lagi sebelah sini disebut sebagai *potential winner*, yang ada kaitan dengan kesihatan, yang ada kaitan dengan *agriculture*, yang ada kaitan dengan *retail*. Sebelah sini dipanggil *potential winner*. Jadi sudah tentulah ramai daripada pekerja-pekerja kita yang akan berada di luar daripada sistem sebab mereka tidak dipanggil untuk bertugas.

Jadi saya kira, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat rakan saya dari Subang tadi bahawa sudah tentulah rekod daripada MITI dan juga daripada Yang Berhormat Menteri Ekonomi boleh memberi penjelasan tentang kedudukan sehingga hari ini, daripada Mac, April, Mei, Jun. Empat bulan, dalam empat bulan ini jumlah pengangguran. Saya pasti ia banyak.

Kita minta supaya kalau boleh di Kementerian Ekonomi dapat memaklumkan kepada kita bahawa dalam bulan Julai, Ogos dan September ini berapakah jumlah *reskilling* ataupun *upskilling* yang boleh dibuat untuk membolehkan- kita minta supaya kita boleh bagi *reskilling* dan *upskilling* kepada pekerja-pekerja yang telah terlepas, terkeluar daripada sistem dalam industri. Bagi balik mereka peluang, bagi balik. Panggil balik mereka, bagi mereka tempat, bagi mereka kursus. Empat minggu, enam minggu dan selepas itu kalau ada peluang mereka boleh balik dalam industri.

Kita galakkan supaya *reskilling* dan *upskilling* ini boleh dibuat bukan sahaja oleh kerajaan tetapi oleh sektor swasta. Kerajaan boleh membiayai *reskilling* dan *upskilling* ini melalui Kementerian Sumber Manusia sebab Kementerian Sumber Manusia ada bajet yang boleh diberi kepada *players* ataupun industri yang hendak masuk dalam *reskilling* dan *upskilling*. Ini saya ingat sangat penting sebab...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh mohon mencelah sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan daripada Yang Berhormat Padang Terap berkenaan *reskilling* ini.

Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Padang Terap berkenaan dengan *wage subsidy* yang diberikan kepada pekerja. Walaupun satu langkah yang baik, bukankah lebih baik kalau *wage subsidy* itu dikaitkan dengan *upskilling* dengan insentif untuk latihan dan *upskill* dan sebagainya daripada beri *wage subsidy* semata-mata. Sekian.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira bahawa subsidi yang diberi itu barangkali ada juga kebenarannya kerana pada waktu itu mungkin sebahagian daripada mereka tidak punya keupayaan daripada segi perbelanjaan dan apa pun saya kira pandangan Yang Berhormat itu ada kebenarannya yang berkait dengan *reskilling* dan *upskilling*.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut tentang *upskilling* dan *reskilling*, tak semestinya dibuat oleh kementerian. Ia boleh dibuat oleh agensi ataupun agensi kerajaan. Banyak agensi kerajaan yang boleh memainkan peranan. Daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian, Kementerian Tenaga, MITI sendiri dan Kementerian Belia dan Sukan dan banyak. Mungkin boleh jadi satu *council*, boleh ditubuhkan di peringkat kerajaan, di peringkat Kabinet untuk Kementerian Pengajian Tinggi melihat bagaimana *upskilling* ataupun *reskilling* ini boleh dibuat. Mungkin kita dapat melihat lebih daripada 10 ribu orang barangkali boleh terlibat dalam *reskilling*.

Perkara yang berikut yang saya hendak sebut, selain daripada kita sebut mengenai dengan pekerja-pekerja yang telah menjadi penganggur atau pekerja yang terlepas dalam bidang mereka tetapi paling penting Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi COVID-19 seumpama ini, rakyat di luar sama ada di bandar atau di luar bandar paling penting mereka ada makanan di atas meja. Mereka mempunyai makanan di atas meja. Maksud saya sama ada mereka miskin, sama ada mereka sederhana ataupun mereka berada di *Middle Class*, yang penting ada makanan.

Apa yang diusahakan oleh kerajaan, saya nampak membolehkan setiap rakyat yang ada di dalam negara ini mempunyai makanan di atas meja... [Tepuk] Kalaupun tidak ada di atas meja, rumah itu tak ada meja. Diletak di atas... [Disampuk] Atas tikarlah. Akan tetapi maknanya ada makanan, yang paling penting ada makanan sebab kalau itu kita tidak boleh buat, kita akan gagal sebab contohnya di luar bandar. Apa yang berlaku

kepada nelayan, apa yang berlaku kepada petani di sawah dan begitu juga penoreh getah. Bolehlah usaha tetapi penoreh getah tak boleh jual getahnya pada waktu COVID-19 itu sebab tak ada pengangkutan yang berjalan, industri pun tutup.

Jadi dia kena kumpul sampai satu tempoh, sampai satu masa jumlah hari yang banyak barulah dia boleh jual hasilnya. Begitu juga nelayan yang pergi ke laut. Jadi kalau kita tengok kumpulan ini, kumpulan ini kerajaan telah membelanjakan satu peruntukan di bawah bantuan PRIHATIN dan ini membolehkan perbelanjaan berjalan.

Jadi saya kira bahawa kalau itu tidak dibuat dan kita akan ada masalah kepada rakyat kita. Begitu juga dalam bandar. Miskin bandar adalah lebih teruk lagi daripada miskin luar bandar. Miskin di bandar. Sebab miskin di bandar ini akan menjadi masalah dan kita lihat ada usaha yang bersungguh untuk melihat seluruh rakyat kita berada pada tahap yang boleh dimakan dan dipakai dan ada kejayaan untuk dilihat secara keseluruhannya dalam dasar-dasar yang dibuat sewaktu COVID-19 ini.

Saya di sini hendak ambil peluang untuk sebut juga sedikit mengenai dengan-ada belah pagi tadi sebut mengenai dengan GLC...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit ya. Yang Berhormat sebutkan, tentang bantuan khas kepada nelayan, pesawah, penoreh getah dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada kerajaan supaya bantuan khas kepada pesawah ini diberi balik? Dahulu semasa BN memerintah, kita dapat tiga bulan. Semasa PH memerintah, tiada. Jadi sekarang ini apakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kerajaan supaya bagi semula bantuan khas kepada petani memandangkan pengeluaran mereka yang agak berkurangan mutakhir ini?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Akhirnya saya hendak sebut mengenai dengan— pagi tadi ada sebut mengenai dengan elaun GLC. Ada juga disebut mengenai dengan TNB. Saya tak ada dalam ini pagi tadi tetapi saya hendak sebut kepada Tuan Yang di-Pertua ada juga yang kata elaun Pengerusi TNB ini RM1 juta. Saya menafikanlah bahawa elaun Pengerusi TNB ini RM1 juta. Kalau RM1 juta, tak payah kerja lain sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak sebut bahawa dalam Parlimen kita ini, kita negara yang *multiracial*, negara yang menghormati dari dahulu lagi kita ini *multiracial*.

■1600

So, saya berharap bahawa rakan-rakan walaupun kita jadi kerajaan, kita jadi pembangkang, tetapi kita *respect*-lah bahawa kita berada dalam sebuah negara yang *multiracial*. Kita boleh memainkan peranan sebagai kerajaan dan sebagai pembangkang dengan tertib dan baik. Sudah pasti kita berada dalam keadaan COVID-19 di akhir ini dan kita yakin kalau kita dapat membantu dan kita punyai potensi yang besar untuk kita menang dengan COVID-19 ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit, sikit Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Akhir ini Yang Berhormat Padang Terap...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, miskin bandar Yang Berhormat Padang Terap sebut tadi, tetapi mereka ingin berniaga, dapat lesen sukar dan kemudian tempat perniagaan terhad. Apa kata kalau pandangan Yang Berhormat Padang Terap, mudahkan bagi lesen, banyakkkan tempat niaga dan benarkan berniaga depan rumah, tepi jalan sebagai satu usaha untuk membantu miskin bandar.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, masukkan sebahagian daripada ucapan saya dan saya menyokong Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Pontian. Terima kasih. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ucapan Yang Berhormat ini cukup hebat dan teragung ya. Jadi, apakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya ujian COVID-19 ini dibuat lagi sekali kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga tetamu yang saya tengok agak hubungan interaksi sosial itu agak tidak dikawal? Kita kena *check* sekali lagi sebab di kalangan kita ini supaya kita ini bersih untuk berbahas di Dewan yang mulia ini.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Eloklah kalau COVID-19 ini dibuat sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kita barangkali dalam minggu depan, kita buat *test* COVID-19 semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya perhatikan cadangan tersebut. Ya, saya ingin pesan sekali lagi bahawa SOP yang disediakan untuk PKPP itu perlu kita perhatikan dan perlu kita patuhilah setiap masa.

Seterusnya saya ingin umumkan senarai pembahas-pembahas yang selanjutnya pada petang ini. Selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Labuan, disusuli oleh Yang Berhormat Machang, kemudiannya Yang Berhormat Jelutong, selepas itu Yang Berhormat Sibuti dan akhir sekali pada hari ini, Yang Berhormat Kuala Selangor. Sekarang saya menjemput mempersilakan Yang Berhormat Labuan untuk membahaskan usul ini. Silakan.

4.02 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *Test, test. Macam nyanyi karaoke. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya turut membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk tahun 2020 ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tahun di mana kita akan menyaksikan KDNK menguncup dahsyat seperti yang diramal oleh INSAP dan IMF kesan daripada pandemik COVID-19 daripada kadar pertumbuhan 4.5 peratus ke negatif 1.7 peratus. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia kerana dapat membendung penularan COVID-19 lebih baik daripada banyak negara lain setakat ini. Akan tetapi kita tidak boleh terlalu selesa sebab pandemik ini masih memberi ancaman dan kesan paling teruk kepada ekonomi negara dan kehidupan rakyat masih belum sampai lagi.

Ini bererti selain kita mesti terus melaksanakan langkah segera jangka pendek dalam memastikan seluruh lapisan rakyat selamat daripada ancaman kesihatan dan bantuan segera disampaikan kepada yang memerlukan, kita juga perlu melihat jauh dan mengambil tindakan jangka panjang untuk memulihkan ekonomi negara. Kita perlu mula melihat semula dan mengubah dasar-dasar termasuk mengadakan akta baharu mengikut keperluan. Ekosistem ekonomi mesti disesuaikan dengan norma baharu ekonomi.

Sekarang, di seluruh negara dan dunia banyak perniagaan sama ada syarikat gergasi atau industri kecil dan sederhana dan mikro dalam berbagai-bagai industri terutamanya sektor penerbangan dan pelancongan, hiburan, peruncitan, hotel dan restoran, sektor pembuatan juga, malah termasuk sektor minyak dan gas dan banyak lagi, syarikat-syarikat ditutup atau dikecilkan yang mana pembuangan pekerja yang begitu ramai, ratusan ribu, lebih setengah juta dalam negara ini sahaja. Ini akan menyebabkan kadar kemiskinan meningkat dan masalah sosial akan bertambah.

Oleh itu, kita memerlukan Pakej Rangsangan Ekonomi yang berterusan untuk pemulihan dan ini bererti kita mesti ada dana yang besar. Pinjaman negara sudah hampir mencecah siling 55 peratus daripada KDNK. Nampaknya, negara kita berhadapan dengan cabaran yang cukup besar. Ini bermakna kerja memilih keutamaan perbelanjaan negara/kerajaan menjadi lebih sukar dan kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Borneo ataupun Malaysia Timur tidak mahu mendengar ini semua dijadikan alasan untuk terus melambatkan pembangunan infrastruktur dan menidakkan peruntukan yang cukup dan adil. Jurang pembangunan antara Malaysia Timur di Borneo dengan Malaysia Barat atau Semenanjung terlalu besar.

Padahal Sabah dan Sarawak mempunyai sumber asli yang banyak terutama minyak dan gas, tetapi infrastruktur asas pun masih sangat jauh dari cukup untuk kami boleh menarik pelaburan dan ekonominya boleh berkembang sihat.

Di seluruh Semenanjung, semua negeri sudah dihubungi dengan rangkaian lebuhraya. Malah banyak alternatif, tinggal hendak pilih guna lebuhraya yang mana satu kalau hendak pergi dari satu tempat- ke sebuah tempat. Sekarang sudah mula buat *high-speed rail* dan ECRL dan macam-macam lagi dengan jumlah ratusan bilion Ringgit. Kita

di Malaysia Timur sekarang tahun 2020, baru mula buat *Pan Borneo Highway*. Itu pun *highway* yang banyak simpang kecil di kiri kanan ke rumah-rumah di sepanjang perjalanan. Tak tahulah layak dipanggil *highway* atau tidak. *Pan Borneo Highway* ini pun setakat ini dari Sabah ke Sarawak sahaja, tidak menghubungi Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, tahu tak apa tujuan Labuan diserahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan 36 tahun yang lepas tanpa bayaran atau pampasan? Tujuannya adalah untuk pulau itu dibangunkan dengan cepat supaya ia menguntungkan negeri Sabah daripada segi ekonomi dan pembangunan. Tujuannya adalah supaya rakyat Malaysia terutamanya dari Labuan dan Sabah dapat banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.

Tujuannya adalah untuk Labuan menjadi pulau yang indah dengan prasarana yang baik, kemudahan sukan yang cukup, fasiliti kesihatan dan pengangkutan awam yang bertaraf antarabangsa, seluruh pulau diperindah menjadi pulau taman bebas dari setinggan dan menjadi tarikan pelancongan, menjadikan Labuan sebuah bandar pelabuhan penting di Borneo...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Labuan boleh?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *One more sentence*. Kawasan berdekatan di Sabah terutamanya kawasan Menumbok, Kuala Penyu juga patut sekali pesat dibangunkan, dimajukan oleh Kerajaan Persekutuan dan jambatan Labuan-Menumbok diadakan. Sekarang sepatutnya dibuat sebagai sebahagian daripada *Pan Borneo Highway*, tetapi selepas 36 tahun, apakah sudah jadi? Silakan Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Labuan. Saya hendak tanya, sekiranya berliku satu gerakan untuk membuat memorandum orang-orang Labuan, katanya dia mahu balik ke pangkuan negeri Sabahkah, hendak keluar dari Wilayah Persekutuankah, adakah Yang Berhormat Labuan bersetuju dan menyokong langkah-langkah itu? Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Sebenarnya bukan memorandum yang kita perlu, bagi sayalah Yang Berhormat Kimanis. Sebenarnya yang kita perlu adalah untuk kita dengar daripada Kerajaan Persekutuan, sanggupkah melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ataupun komitmen yang perlu dibuat apabila setuju mengambil Labuan dan dibangunkan seperti yang saya katakan tadi.

■1610

Jikalau tidak setuju, *it's obvious...*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Bukan memorandum YB.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Pulangkan hak-hak dan wang-wang yang perlu diterima oleh Kerajaan Negeri Sabah. Negeri Sabah mempunyai keupayaan dengan kewangan yang cukup besar. Labuan tidak ada masalah, Sabah boleh bangunkan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Alhamdulillah*. Saya betulkan, bukan memorandum, referendum, pungutan suara.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Saya tahu.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Sepatutnya kita ambil referendum di Sabah. Kita mahu Sabah undi sama ada dia mahu balik Labuan ataupun tidak. Kita Labuan kita mahu siapa yang boleh bagi duit banyak, di sanalah kita mahu pergi. Ini kerana, kalau Labuan maju, semua pun dapat manfaatnya terutamanya rakyat Sabah. Itulah tujuannya Labuan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Saya tanya tadi, selepas 36 tahun apa sudah jadi?

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Harris bin Mohd Salleh, Ketua Menteri Sabah ketika Labuan diserahkan, dan beberapa orang mantan Ketua Menteri selepas dia serta ramai lagi pemimpin-pemimpin Sabah yang lain sudah banyak kali membuat kenyataan kekecewaan mereka mengenai pencapaian Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan Labuan ini. Bukan sahaja gagal membuat atau membawa pembangunan baharu yang cukup tetapi juga sebenarnya gagal menjaga yang sedia ada. Kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, sahabat saya, sila datang dan lihat keadaan Kompleks Sukan Labuan dan jangan lupa untuk lihat sendiri keadaan kolam renang yang sudah enam tahun rosak tidak boleh digunakan, gelanggang tenis, *basketball*, padang bola dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya cuba memohon untuk memberi soalan kepada Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air sebab ada krisis bekalan air di Labuan. Lebih satu minggu, seramai sejumlah 85 peratus rakyat di Labuan terputus bekalan air. Dalam keadaan tertekan dengan ancaman COVID-19 yang memerlukan mereka sentiasa menjaga kebersihan, mereka terpaksa mandi-mandi burung sahaja. Ramai terpaksa guna air mineral, beli di *supermarket* untuk tujuan tersebut. *"YB sudah tiga hari tidak mandi, mahu masak susah, makan di luar tidak mampu, penghantaran bantuan air belum sampai lagi lah Yang Berhormat. Mengapakah masalah air ini masih tidak selesai dari dahulu lagi?"*. Ini lah bunyi teks-teks pesanan yang saya banyak terima dalam minggu itu Tuan Yang di-Pertua.

Gangguan bekalan air yang *major* seperti ini berlaku setiap beberapa tahun sekali. Akan tetapi, gangguan daripada kebocoran ataupun pecah paip yang lebih kecil mengganggu bekalan air di Labuan sentiasa berlaku sepanjang tahun, Kenapakah? Ini kerana, peruntukan yang diberikan ke Jabatan Bekalan Air Labuan untuk penyelenggaraan dan penggantian paip yang sudah terlalu lama itu terlalu kecil dan jauh dari cukup. Pada dua tahun lepas, saya diberi tahu penggantian paip-paip lama seluruh Labuan memerlukan peruntukan sebanyak RM1 bilion tetapi kita cuma diperuntukkan sebanyak RM100 juta sahaja. Itu pun saya nampak laporan akhbar menyatakan cuma sejumlah RM67 juta baru ini. Mungkin sudah dipotong lagi lah itu.

Jikalau di kawasan tanah seberang di Menumbok dan Kuala Penyu Sabah lagi teruklah keadaannya, selalu tidak ada air. Labuan ini sepatutnya pulau bertaraf antarabangsa. Pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa, hab logistik minyak dan gas antarabangsa. Salah pengeluar utama metanol dunia, banyak hasil kewangan atau sumbangan ekonomi dari Labuan untuk negara. Akan tetapi, berapa sangat yang dikembalikan ke Labuan?

Cerita di Sabah lagi dahsyat Tuan Yang di-Pertua, kalau bab ketidakadilan dari segi pemberian peruntukan- malah hak negeri yang sudah dipersetujui dan dimeterai dalam Perjanjian Malaysia (MA63) dan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara pun tidak ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara fizikal, kurang peruntukan pembangunan dan penyelenggaraan, sebenarnya kami di Malaysia Timur juga sangat kecewa daripada segi layanan dalam pentadbiran apabila pusat tidak mendengar atau mempedulikan pandangan dan aspirasi tempatan. Tidak memberikan kepercayaan kepada pegawai tempatan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Yang Berhormat Labuan boleh minta laluan. Sepanggar.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Silakan Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan, adakah Yang Berhormat Labuan setuju jika selama ini Petronas sering menyatakan jika diberikan sejumlah 20 *percent* royalti kepada negeri Sabah itu, Petronas boleh rugi. Apa kata, mungkin kita boleh cadangkan di sini agar sebanyak 80 peratus diserahkan kepada negeri Sabah dan sejumlah 20 peratus kita akan berikan kepada Kerajaan Persekutuan tetapi biarkan negeri Sabah yang eksplorasi hak petroleum yang ada di negeri Sabah, apakah Yang Berhormat Labuan setuju?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Saya sangat setuju, sebanyak 80 peratus dimiliki oleh pemilik minyak negeri-negeri dan sejumlah 20 peratus dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Jikalau selama ini Petronas membuat keuntungan sebanyak RM90 bilion setiap tahun selama 30 tahun- saya nampak video itu. Jadi, tidak akan menjadi masalah kepada Petronas pun sebab yang kita bagi keuntungan yang sepatutnya diambil oleh yang berhak yang mana dalam perjanjian *Malaysia Agreement 1963*, Sabah dan Sarawak status ia lain dari negeri-negeri di Semenanjung. Jadi, ini semua kita kena lihat dan saya yakin ia akan dilihat oleh kerajaan baharu kita.

Banyak kes di mana pegawai dari kerajaan pusat- saya sambung yang tadi, ini penting, tidak memberi kepercayaan kepada pegawai tempatan. Banyak kes di mana pegawai dari pusat sama ada mereka sedar atau tidak membuat keputusan tanpa menghiraukan cadangan dan pandangan pegawai tempatan yang sebenarnya lebih faham dengan keadaan setempat.

Saya bagi satu contoh di Labuan, Surau Nurul Islam di dalam bandar Labuan dekat dengan terminal feri yang dibuat oleh kerajaan, pembiayaan oleh Kerajaan dan *ditop up* dengan sumbangan wakaf beberapa ratus ribu ringgit daripada peniaga-peniaga dan warga Labuan. Surau ini aktif solat jemaah lima kali sehari, sebab jemaah senang

datang dalam bandar ia juga sentiasa diguna oleh *travelers* dari Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam sebab dekat dengan terminal feri.

Permohonan untuk pembesaran oleh JAWI Labuan telah diluluskan sebanyak RM5.5 juta pada tahun 2015 di mana *design* arkitek sudah pun disiapkan oleh JKR Labuan. Apabila ada lawatan pegawai tertinggi dari pusat dan pembentangan pembangunan dibuat oleh JKR, tiba-tiba direktif terus dibuat supaya ia dibatalkan dan dicadangkan masjid terapung berdekatan dengan pasar Labuan yang berada di hujung bandar menggantikan surau ini. Saya tidak ada dalam majlis pembentangan tersebut, cuma mendengar keluhan pegawai-pegawai yang kecewa dengan direktif tersebut sebab peruntukan sudah diluluskan dan tinggal untuk mulakan pembinaan.

Masjid terapung yang dicadangkan oleh pegawai pusat tersebut kalau hendak dilaksanakan kosnya terlalu tinggi dan perlu buat tebus guna laut. Sekiranya dana yang banyak itu memang adapun, kita mempunyai keutamaan lain yang kita lebih tahu, masih banyak masjid dan surau di Labuan yang sudah sekian lama memohon dan menunggu giliran untuk peruntukan disalurkan untuk pembinaan semula sebab keadaan sudah sangat uzur. Sekarang, projek yang sudah lulus tidak jadi dilaksanakan disebabkan direktif tersebut dan cadangan baharu dia itu entah ke mana. Pemimpin-pemimpin dan rakyat Labuan sangat kecewa dengan hal ini. Pegawai tersebut sudah pencen dan hal ini tidak lagi menjadi kisah kepada dia pun, kesannya kami yang rasa.

Tuan Yang di-Pertua, lagi isu lain yang juga ada kaitan dengan Kerajaan Pusat dan kepimpinan tertinggi kerajaan yang mana perlu peka, adil dan faham dengan aspirasi tempatan. Dalam banyak aspek, kami dari Malaysia Timur ini memang masih jauh ketinggalan daripada rakan-rakan kita di Semenanjung termasuk dalam sektor perkhidmatan awam.

■1620

Dari sejak Merdeka memang ketua-ketua jabatan kerajaan selalunya pegawai-pegawai dari Semenanjung, sebab ia perlu diisi oleh mereka yang layak dan berpengalaman. Sudah lama kami mengharapkan anak-anak tempatan mula mengisi jawatan-jawatan penting, terutamanya ketua jabatan apabila sudah ada anak tempatan layak untuk mengisinya. Ini juga aspirasi pemimpin-pemimpin dari Malaysia Timur dari dahulu lagi sewaktu mereka mewakili penduduk, bersetuju bersama membentuk Malaysia dalam tahun 1963 dan ia patut disokong oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ada berita baik. Kami di Labuan sekarang ini sangat gembira dengan harapan yang tinggi apabila ada anak jati Labuan dari Kampung Patau Patau 1, Cikgu Yusof bin Haji Muhamad, Timbalan Pengarah Kanan calon terbaik untuk menjadi Pengarah Pendidikan Negeri Labuan yang sudah kosong dan jawatan tersebut dipangku oleh beliau pada masa ini. Beliau mempunyai kelayakan dan *track record* yang tidak boleh dipersoalkan lagi. Berpengalaman sebagai pengetua di tiga buah sekolah selama 16 tahun dan sudah menyandang gred 54 lebih lima tahun. Peluang ini jarang terjadi, lebih-lebih lagi di jabatan pendidikan yang kami lihat sangat besar ertinya untuk diterajui.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: ...Oleh anak tempatan. Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Tunggu, tunggu. Ini penting. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, mohon pastikan tidak ada permainan '*pilih kasih*' atau kronisme yang akan menjadi penganiayaan kepada beliau dan kami rakyat Labuan. Kami menunggu pelantikan tersebut dan tidak sabar untuk mengadakan kenduri kesyukuran sebab buat pertama kalinya anak Labuan akan menerajui Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan, *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Labuan, sikit.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Saya ini ada lagi satu mesej penting.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Sikit sahaja. Satu pertanyaan sahaja. Adakah Yang Berhormat Labuan bersetuju dengan pelantikan Datuk P. Kamalanathan sebagai *Chairman Labuan Port Authority*?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, kena tanya kebenaran Yang Berhormat Labuan bagi atau tidak.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Dia bagi, dia bagi.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Okey, soalnya saya sudah terima tetapi saya akan jawab di luar.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Isunya 18 saat Yang Berhormat Labuan, gulung.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menutup ucapan perbincangan saya, satu lagi perkara yang sangat penting untuk saya sebut di sini. Perkara ini baru sahaja disebut oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg dan disambut baik dan disokong oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal supaya jumlah kerusi Parlimen dari Malaysia Timur berjumlah tidak kurang dari satu pertiga daripada keseluruhan jumlah Kerusi seperti yang berlaku sebelum Singapura dikeluarkan dari Malaysia.

Jumlah dua pertiga dari Semenanjung dan satu pertiga dari Sabah, Sarawak dan Singapura pada ketika itu. Ini permintaan yang sangat munasabah dan adil, dua pertiga Semenanjung dan satu pertiga Malaysia Timur. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Saya hendak tutup Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakan Kabinet yang memang pun selalu mengatakan dan malah berjanji di pilihan raya Kimanis baru-baru ini untuk menjayakan dan memulangkan hak-hak Sabah dan Sarawak, Malaysia Timur termasuk Labuan.

Jadi, saya berharap pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan akan dapat dijayakan. Kami akan sokong untuk sama-sama memastikan hak Sabah dan Sarawak dipulangkan. Dengan ini kita akan dapat mencapai potensi negara Malaysia. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah*, Labuan menjunjung kasih. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Machang.

4.24 ptg.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruangan dan kesempatan yang diberikan untuk saya turut sama dalam perbincangan Menjunjung Kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertamanya, saya hendak ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini, saya akan membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan keluh-kesah rakyat. Antaranya masalah yang melanda industri pelancongan dan juga perhotelan. Kadar pengangguran yang kian meruncing juga jurang taraf pendidikan luar bandar yang semakin melebar berbanding dengan kawasan bandar dan beberapa isu serta kepentingan rakyat dari negeri saya, negeri Kelantan yang perlu saya ketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih di dalam tempoh pemulihan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Semua terkesan, tidak terkecuali mana-mana negara. Apa yang menjadi keimbangan saya impak ekonomi *post* COVID-19, dengan izin, ataupun pasca COVID-19.

Bagaimana kerajaan merangka langkah-langkah atau pelan tindakan yang akan diambil untuk membolehkan rakyat mengharungi perit getir selepas- *insya-Allah*, ia berakhir nanti. Kita tidak sesekali boleh mengelak daripada berhadapan dengan masalah ekonomi, masalah pengangguran dan besar kemungkinan penyakit barah sosial bakal akan bertunas.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bangkitkan di sini adalah sektor yang paling terkesan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia industri pelancongan dan perhotelan yang diibaratkan seperti bernafas di dalam lumpur. Tatkala pintu-pintu ekonomi mula dibuka selepas arahan PKP ditamatkan dan kita sekarang ini beralih ke

fasa PKPP, tetapi sektor ini masih lagi berada dalam suasana seolah-olah dalam fasa PKP.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan telah menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2019. Ini mengikut data oleh *Tourism Malaysia*. Yang Berhormat Menteri pada 27 Jun 2020 dalam satu kenyataannya telah menjelaskan bahawa industri pelancongan dan budaya dianggarkan menanggung kerugian mencecah RM45 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2020. Tuan Yang di-Pertua, kelompangan pendapatan sebanyak RM45 bilion ini pastinya akan menjejaskan syarikat-syarikat yang terlibat di dalam kedua-dua industri ini.

Setakat 14 Mei 2020, terdapat sebanyak 670 buah hotel yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Di sini saya hendak sebut beberapa buah hotel yang telah ditutup akibat daripada ketidakmampuan untuk menanggung kos operasi yang jauh lebih tinggi daripada pendapatan. Antaranya adalah seperti Hotel Mercure di Penang, Hotel Travelodge di Ipoh, Hotel Ramada Plaza di Melaka yang bertaraf Lima Bintang- Syuen Hotel di Ipoh di mana ia salah sebuah hotel yang tertua di Perak dan banyak lagi kalau hendak disebutkan di sini hotel-hotel yang terlibat dalam masalah akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah antara jenama-jenama hotel yang terpaksa ditutup akibat kekurangan pendapatan pada musim pandemik COVID-19 tetapi kumpulan yang paling terjejas, dan cenderung untuk menutup pintunya secara kekal kumpulan hotel bajet. Selain itu, satu lagi kumpulan yang terkesan agensi pelancongan. Melalui semakan saya, terdapat 4,973 buah agensi pelancongan yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATTA) mengeluarkan kenyataan pada 28 Mac 2020, telah berkata dianggarkan sebanyak 40 peratus sehingga 60 peratus syarikat pelancongan akan '*gulung tikar*' akibat COVID-19. Dengan itu, apabila hotel-hotel dan syarikat-syarikat pelancongan yang terjejas ini akan menghentikan operasinya.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung, pekerja-pekerjanya akan ditamatkan perkhidmatan dan mereka ini tergolong ke dalam golongan penganggur. Mereka yang diberhentikan kerja ini sememangnya mempunyai tanggungan. Kalaupun ada di antara mereka yang masih bujang, mereka mungkin perlu membantu keluarga, membantu ibu bapa dan adik-beradik yang masih ataupun sedang belajar. Secara langsung, rantaian keperitan kehidupan ini akan menular dan menyebabkan ia akan terkesan di dalam tempoh jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam landskap politik yang tidak menentu pada hari ini, sudah tentulah ia akan menjadi sedikit sebanyak kesulitan kepada pihak kerajaan untuk menangani perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Ini kerana di dalam sebuah negara yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan, kestabilan politik kunci kepada semua premis yang ada di pentadbiran negara. Kepayahan kehidupan yang dijangka mendatang ini akan terus menyebabkan rakyat berada dalam keadaan resah dan gelisah.

Namun, melalui Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan PENJANA yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rakyat bolehlah menarik sedikit nafas lega biarpun ia hanyalah bersifat sementara. Kita sewajarnya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengambil satu langkah yang tuntas dalam usaha untuk membantu rakyat serta melihat kepentingan negara secara holistik. Apa pun, ia mestilah diterima secara positif oleh semua pihak demi kepentingan rakyat dengan mengetepikan kerakusan nafsu politik oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kesusahan rakyat kerisauan kita. Sebagai wakil yang dihantar oleh rakyat untuk berada di Dewan yang mulia ini, sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak pembangkang, kerisauan rakyat kebimbangan kita. Masalah rakyat merupakan satu tanggungjawab yang besar kepada kita. Kita menjangkakan kadar pertumbuhan ekonomi negara akan berlaku dengan begitu lembap. Antara perkara yang akan mendatangi rakyat terlebih awal soal pengangguran.

Mengikut angka yang diwartakan oleh Jabatan Perangkaan Negara, kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada sebanyak lima peratus pada April 2020 berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu. Susulan pertambahan individu menganggur akan meningkat secara ketaranya daripada 523,300 orang kepada 778,800 orang. Jika dibandingkan di dalam tempoh yang sama pada tahun lalu, dicatatkan

peningkatan sebanyak 48.8 peratus ataupun bersamaan dengan 255,500 orang mengikut Ketua Perangkaan Negara.

Kadar pengangguran ini juga Tuan Yang di-Pertua, merupakan yang tertinggi direkodkan sejak tahun 1989. Walaupun pihak kerajaan telah membantu dan memperkenalkan Program Subsidi Upah, tetapi ia hanyalah bersifat sementara. Apabila tempoh bantuan ini tamat, kos operasi akan melebihi jumlah pendapatan sesebuah syarikat walaupun pada waktu itu sudah ada pertunjuk ekonomi negara menuju ke arah pemulihan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Machang, Pontian.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sekejap, saya terlalu banyak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh sekejap? Sedikit. Apa pandangan Yang Berhormat Machang, jika pekerja asing yang begitu banyak di negara kita mungkin jumlahnya sejuta lebih itu kita buang separuh, hentikan mereka dan hantar mereka pulang.

Jadi, dengan- katalah kalau pekerja asing ada sebanyak sejuta, kita keluarkan separuh pekerja asing, bererti setengah juta itu dapat menyelesaikan masalah pengangguran di negara kita. Kemudian, kita naikkan gaji minimum daripada RM1,200 sekarang ke angka yang lebih tinggi sebab sekarang paras garis kemiskinan pun sudah meningkat. Dengan itu, kita boleh mengatasi kemiskinan dan juga pengangguran. Apakah pandangan Yang Berhormat Machang?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya amat bersetuju. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya tidak perlu sebut walaupun ada dalam ucapan saya. Ini kerana telah disebut oleh Yang Berhormat Pontian. Jadi, masukkan dalam ucapan saya dan saya berharap akan mendapat jawapan yang ini daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ia belum memadai untuk memastikan *sustainability* dengan izin, sesebuah syarikat untuk mengekalkan jumlah pekerja sebagaimana ia sebelum dilanda COVID-19. Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) banyak menjejaskan syarikat-syarikat *non-essential business*, dengan izin, akibat tidak dapat beroperasi ketika PKP dijalankan.

Akibatnya, syarikat akan cenderung untuk mengurangkan saiz pekerja untuk meringankan beban kos operasi. Secara langsung sekali lagi, ramai akan hilang pekerjaan dan ini akan menyumbang kepada kenaikan kadar pengangguran negara. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan pemberhentian pekerja adalah amat tinggi. Maka, di sini ada dua persoalan yang ingin saya utarakan kepada pihak kerajaan. Adakah kerajaan sudah mengenal pasti pada masa kini, manakah sektor yang akan berlaku kemungkinan besar terhadap pemberhentian pekerja sebagaimana yang saya maksudkan tadi?

Apakah perancangan jangka masa panjang dan jangka masa pendek seterusnya yang telah dirangka ataupun sedang dirangka bagi memastikan masalah kehilangan pekerjaan ini dapat diminimumkan? Kita tidak boleh memaksa atau mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat ataupun pihak-pihak yang berkepentingan. Ini kerana mengikut kata pepatah Tuan Yang di-Pertua, "berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikulnya".

Berbicara tentang soal kesempitan hidup rakyat juga, saya ingin menyentuh golongan yang merupakan aset terpenting kepada negara iaitu golongan muda. Yakni yang saya hendak bangkitkan di sini adalah golongan pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke IPT terutamanya IPTA. Saya tidak tahu sejauh mana benar apa yang saya hendak utarakan ini.

Akan tetapi, daripada keluh kesah yang dapat saya rasa ialah apabila mereka ini menerima tawaran kemasukan ke IPTA. Jumlah yuran yang dikenakan kepada mereka dan mesti dijelaskan pada hari pendaftaran merupakan suatu beban buat mereka.

Barangkali, tidak dinafikan ada sesetengah universiti yang tidak memberi penekanan terhadap penjelasan yuran ini secara keseluruhan pada hari pertama pendaftaran. Namun, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, satu garis panduan perlu ditetapkan untuk pelajar-pelajar yang datangnya daripada golongan keluarga B40 agar di hari pertama pendaftaran, mereka hanya dikenakan bayaran seminimum mungkin bagi membolehkan mereka mengikuti sesi pembelajaran dan bakinya boleh dilangsaikan melalui pinjaman PTPTN atau pinjaman daripada sumber-sumber lain.

Tuan Yang di-Pertua, golongan ini seharusnya diberi keutamaan demi membolehkan mereka melanjutkan pengajian supaya mereka akan dapat berupaya mengubah nasib diri sendiri dan nasib keluarga mereka. Kita tidak mahu ada di kalangan mereka yang terpaksa melupakan niat serta cita-cita untuk ke menara gading lantaran kesempitan hidup yang dialami oleh keluarga mereka. Amat malang bagi kita sekiranya golongan yang tercicir ini sebutir permata yang barangkali akan memberi makna yang amat besar manfaatnya kepada negara.

Menurut angka yang diwartakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Statistik Pendidikan Tinggi 2019, sejumlah 307,818 orang pelajar akan menamatkan pengajian di pelbagai peringkat seperti ijazah, diploma, bidang-bidang kemahiran dan pelbagai lagi daripada IPTA mahupun IPTS serta pusat-pusat latihan serta kemahiran pada setiap tahun. Graduan ini akan menyumbang kepada kenaikan tenaga-tenaga buruh negara. Persoalannya, berapakah peluang pekerjaan yang sedia ada dan bakal dicipta untuk golongan ini ceburi dalam memastikan kadar pengangguran negara dapat dikawal?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang modal insan pelapis negara, ada beberapa perihal yang saya ingin tekankan. Jurang pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar dan masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah luar bandar ini membimbangkan kita.

■1640

Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar masih kekurangan tenaga pengajar sedangkan terdapat lambakan guru di sesetengah sekolah di kawasan bandar. Tambahan lagi, kedaifan prasarana sekolah di luar bandar juga amat-amat memilukan. Bilamana disebut sekolah daif, pastinya ia sekolah yang datangnya dari kawasan luar bandar.

Begitu juga dengan keupayaan PIBG. Di sekolah bandar, PIBG mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk menjalankan pelbagai aktiviti tambahan yang berkaitan dengan program sama ada kecemerlangan pelajar dan juga kokurikulum. Manakala PIBG di sekolah-sekolah yang berada di kawasan pedalaman, sumber kewangannya amatlah terhad. Berada dalam suasana yang gersang sekali gus sebarang aktiviti kecemerlangan sama ada kecemerlangan akademik dan juga kokurikulum amat-amat terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah yang dihadapi oleh sekolah luar bandar ialah guru yang dilatih untuk mengajar dalam mata pelajaran tertentu tetapi terpaksa mengajar mata pelajaran lain ekoran daripada kekurangan guru. Mereka terpaksa memenuhi kehendak proses pengajaran dan juga pembelajaran akibat jumlah guru yang tidak mencukupi.

Anak-anak luar bandar juga merupakan insan yang berkebolehan. Mereka juga cerdik dan mereka juga pandai malah ramai yang lebih cemerlang jika dibandingkan dengan anak-anak yang membesar di kawasan bandar. Akan tetapi, jika masalah ini tidak dapat diuruskan dengan baik, maka mereka akan tercicir dan terus tercicir daripada segi pencapaiannya.

Adalah tersangat tidak adil sekiranya tahun berganti tahun, Menteri silih berganti tetapi perkara yang seharusnya dan sepatutnya menjadi keutamaan ini masih juga tidak selesai. Bukan niat saya untuk mempolitikkan hal ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi hakikatnya soal sumber modal insan negara, soal kepentingan rakyat dan keperluan rakyat serta kebimbangan rakyat termasuk saya sendiri tentang masa depan anak-anak kita untuk masa yang mendatang.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Saya...

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Saya hendak mencelah boleh?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Banyak lagi. Kalau cukup masa, nanti saya bagi.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Ini sikit saja. Okey, okey.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tidak apa lah. Nanti lepas ini.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Berkaitan PIBG. Zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu, PIBG ini diberikan peruntukan untuk menguruskan PIBG. Ini kerana saya memegang tiga orang pengerusi PIBG di Parlimen Sabak Bernam dan kebanyakan PIBG ini ia kurang peruntukan. Kalau boleh mungkin dalam Kerajaan Perikatan Nasional ini memberikan sedikit peruntukan untuk PIBG.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Demi menjimatkan masa, masukkan dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini, saya ingin menyokong perbahasan Yang Berhormat Pekan tempoh hari berkenaan had statutori nisbah hutang negara kepada KDNK. Had yang telah ditetapkan adalah sebanyak 55 peratus. Kini nisbah hutang negara kepada KDNK telah mencecah 54.4 peratus dan Kerajaan PN cuma ada ruang sebanyak 0.6 peratus daripada KDNK.

Apa yang saya fikirkan sebenarnya terlalu kecil bagi kerajaan untuk melawan impak ekonomi ekoran kesan pandemik COVID-19 dengan tanpa menjual aset-aset strategik kerana harganya tersangat rendah buat masa kini.

Kerajaan perlu juga, pada pandangan saya, mencadangkan usul segera untuk meminda Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 serta Akta Pendanaan Kerajaan 1983 untuk menaikkan had statutori nisbah hutang kepada KDNK ke tahap yang difikirkan mencukupi bagi membolehkan ekonomi Malaysia pulih ke tahap yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pakej rangsangan ekonomi yang seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta kalau boleh dalam sekitar dua minit saya hendak sebut berkenaan negeri Kelantan di kawasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Saya kena berlaku adil.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Dua minit saja. Saya kira dua minit itu adillah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Dua minit itu...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, keputusannya keputusan saya.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jadi, Yang Berhormat saya bagi seminit sahaja. Silakan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Okey, terima kasih. Sikit sahaja beralih soal kepentingan negeri Kelantan. Saya hendak sebut beberapa perkara yang saya hendak tanya pihak kerajaan dan pihak kementerian.

Pertama sekali ialah berkenaan dengan projek *Central Spine Road* yang menghubungkan Kota Bharu ke Gua Musang. Bilakah jangkaan projek ini dapat disiapkan mengikut fasa-fasa yang ditetapkan?

Kedua, rancangan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu. Ini kerana ia merupakan salah sebuah lapangan terbang yang paling sibuk di dalam negara kita.

Juga yang ketiga, rancangan tebatan banjir di sepanjang Sungai Kelantan dan Sungai Golok, Rantau Panjang. Keempat, bangunan guna sama yang akan menempatkan jabatan-jabatan kerajaan di sebuah tempat di Tunjung, Kota Bharu dan seterusnya keperluan membina hospital khususnya untuk ibu dan kanak-kanak di negeri Kelantan.

Berkenaan dengan kawasan saya- 30 saat, Tuan Yang di-Pertua. Antaranya ialah saya hendak tanya pihak kementerian terhadap dua projek yang masih tertangguh seperti projek jalan luar bandar dari Kampung Sat ke Kampung Maka, Joh. Seterusnya projek jambatan merentasi Sungai Kelantan dari Kampung Joh, Machang ke Kampung Belimbing, Tanah Merah. Juga, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, apakah

status terhadap dua projek ini yang sememangnya sudah pun diluluskan sebelum Mei 2018?

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, mohon kepada pihak Kementerian Kerja Raya melihat jalan-jalan persekutuan di Kelantan yang sememangnya banyak mengalami kerosakan. Juga, saya mohon agar dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk membina sebuah pejabat PPD kerana masih menumpang di Sekolah Kebangsaan Tok Bok.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penggulungan yang paling akhir. Walaupun ucapan saya ini sebenarnya saya rasa tidak panjang tetapi panjang, saya mohon untuk melahirkan pandangan peribadi saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, Parlimen ini harus dibubarkan di dalam tempoh yang terdekat untuk memberi kembali mandat kepada rakyat di dalam menentukan sebuah kerajaan yang bakal mereka boleh pilih bagi memastikan pihak manakah yang akan diberi kepercayaan untuk menakhodai negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasihlah Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: ...Di dalam menghadapi cabaran yang terlalu besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Cukup-cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: ...Di dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kebaikan dan budi baik Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Jelutong. Silakan.

4.47 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan. Saya mohon menggunakan peraturan Dewan supaya tidak diganggu kerana banyak juga... [*Dewan riuh*] Banyak juga...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Kesian dia, tidak mahu ganggu.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Jelutong-ganggu Pasir Mas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Banyak juga ucapan yang perlu saya sediakan tanpa kemudahan-kemudahan seperti meja, komputer dan kerusi.

Akan tetapi, kalau perlu, sebelum itu saya mengambil kesempatan ini sebagai Ahli Parlimen pembangkang untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua barisan hadapan terutamanya Pengarah Kesihatan kita iaitu Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah dan juga kepada semua anggota keselamatan termasuklah polis dan tentera yang telah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan dengan begitu cemerlangnya.

Dan juga setinggi tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada rakyat Malaysia yang telah mematuhi segala arahan, terutamanya ahli-ahli pembangkang yang telah menasihatkan rakyat di kawasan-kawasan tertentu untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan nasihat yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Pagoh.

Saya di sini mempunyai senaskah Titah Tuanku dan ingin menjunjung kasih juga dalam perbincangan ini menyentuh beberapa perkara. Pertama, saya ingin merujuk kepada muka surat 7, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini memegang senaskah Titah Tuanku, yang menyentuh tentang aspek keselamatan. Dalam muka surat 8, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyatakan seperti berikut, "*Pada masa yang sama, tahap keselamatan dalam negara hendaklah*

terus dipertingkatkan terutamanya dalam menangani pelbagai jenayah penyalahgunaan dadah, penyeludupan dan juga pemedagangan manusia."

■1650

Dalam konteks ini, saya ingin membangkitkan satu isu yang menyayat hati saya. Sebagai seorang peguam dan pengamal undang-undang, isu ini telah dimainkan dalam beberapa pilihan raya kecil seperti pilihan raya di Cameron Highlands sehingga menyebabkan calon Pakatan Harapan kecundang. Di pilihan raya Tanjong Piai dimainkan oleh parti pemerintah sekarang sehingga calon Pakatan Harapan kecundang.

Isu ini tetapi tiba-tiba nampaknya senyap dan sunyi, tidak dibangkitkan malahan ini hari minggu kedua kita mendengar perbincangan. Isu ini tidak dibangkitkan langsung sesiapa pun daripada parti pemerintah, terutamanya Perikatan Nasional. Ia adalah berkenaan dengan nasib yang menimpa arwah Adib bin Mohd Kassim, seorang anggota bomba yang telah meninggal dunia sewaktu beliau menjalankan tugas.

Kalau dulu kita lihat isu ini dimainkan Dewan yang mulia ini. Isu ini diperhangat sehingga tohmahan-tohmahan dibuat terhadap Kerajaan Pakatan Harapan. Tuduhan-tuduhan tidak berasas dilontarkan di mana dikatakan bahawa Pakatan Harapan seolah-olah cuba untuk mengelakkan daripada pihak-pihak yang terlibat untuk dituduh.

Tiba-tiba kita lihat selepas pemerintah bertukar kepada Perikatan Nasional perkara ini ataupun nasib keluarga Adib tidak dibela langsung. Malahan atau kelmarin dulu kita lihat seorang Timbalan Menteri KPKT, Yang Berhormat Maran dalam satu majlis bersama dengan anggota bomba di Ipoh telah mengatakan bahawa mengaku bahawa Kerajaan Perikatan Nasional tidak mengetahui apakah yang sebenarnya menyebabkan kematian Adib.

Saya tidak bersetuju. Saya di sini dan rakan-rakan saya di sebelah sini akan terus memperjuangkan nasib Adib. Akan memastikan bahawa orang-orang yang terlibat dalam menyebabkan kematian beliau dibela. Orang-orang itu harus dibawa ke muka pengadilan. Orang-orang itu harus dituduh di mahkamah. Saya di sini ingin melontarkan persoalan kepada Menteri Perundangan, kepada Menteri Dalam Negeri untuk menjawab persoalan ini. Kenapakah tiba-tiba apabila Perikatan Nasional memerintah, isu berkenaan arwah Adib ini tidak diberi sebarang perhatian? Kenapa perlu keluarga beliau sekarang pula...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya akan benarkan Yang Berhormat Pasir Mas sahabat saya tetapi biarkan saya habis dulu.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Peraturan Mesyuarat 36(12), kenyataan mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang manakah yang mengelirukan Dewan?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Jelutong tadi menyatakan tadi bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Peraturan 36 berapa?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Peraturan 36(12), kenyataan yang mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, yang manakah ini? Sila baca Peraturan 36(12).

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Kenyataan mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Mengelirukan? Silakan.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Jelutong menyatakan tadi bahawa isu Adib tidak pernah dibangkitkan dalam Dewan ini. Sedang dalam *Hansard*, saya sebagai Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan isu Adib dalam ucapan saya pada minggu lepas ketika mana ditanya oleh Yang Berhormat Jelutong. Jadi, saya fikir Yang Berhormat Jelutong kena betulkan sedikit laras bahasa beliau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, boleh saya jawab kepada peraturan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perkara itu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas selepas saya membangkitkan perkara itu dan melontarkan persoalan. Perkara yang saya bangkitkan ini adalah kenapakah perkara ini tidak dibangkitkan semasa ucapan-ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat-yang Berhormat sendiri? Ada perbezaannya. Saya ingin meneruskan Yang Berhormat. Isu ini isu penting Yang Berhormat. Saya tidak mahu bermain politik. Sebagai seorang peguam...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Akan tetapi, saya sudah minta ucapan Yang Berhormat Jelutong dimasukkan dalam ucapan saya pada minggu lepas isu Adib. Jadi tidak adil kalau Yang Berhormat Jelutong kata isu Adib tidak dibangkitkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baiklah, saya tarik balik. Saya mohon maaf dan saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, isu penting ialah isu ini, isu tentang nasib Adib dan keluarga beliau harus diberi perhatian. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan menyatakan bahawa perkara ini wajib dan wajar dijawab semasa penggulungan oleh Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri Undang-undang termasuklah Menteri Kanan Pertahanan kerana baru-baru ini adalah sungguh tidak bertanggungjawab bagi Menteri-menteri di sebelah Perikatan Nasional untuk menyerahkan tanggungjawab itu kepada keluarga Adib.

Kenyataan-kenyataan dikeluarkan baru-baru di surat khabar menyatakan bahawa kita tidak tahu apa yang berlaku kepada Adib tetapi keluarga beliau boleh menyaman pihak polis sekiranya mereka ingin berbuat demikian. Ini perkara yang saya rasa tidak sewajarnya dinyatakan dan saya amat tidak bersetuju. Isu kedua, yang saya ingin bangkitkan adalah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau benarkan saya teruskan dulu. *I won't allow you to-* maafkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau berdiri, untuk apa ini Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, saya tidak benarkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Atas ucapan yang berbentuk pembohongan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, peraturan mana Yang Berhormat?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak benarkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab selama 22 bulan kami perjuangan nasib Adib, apakah kerajaan Pakatan Harapan buat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau, kalau penjelasan kena tunggu daripada pembahas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tahu mereka selalu buat kepada saya macam itu. Saya buatlah begitu kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apalah Yang Berhormat, *this is floor* dia. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Speaker, isu kedua yang saya ingin menyentuh adalah juga berkenaan dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas isu keselamatan. Kita lihat semasa PKP...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Point of order* yang mana Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ulang balik 36(12), sebab Yang Berhormat mengelirukan Dewan. Jadi Ahli-ahli, kami masa itu pembangkang kami timbulkan isu Adib sampai ke peringkat yang hebat termasuk Speaker sendiri sama-sama menimbulkan isu Adib. Akan tetapi, apakah Kerajaan Pakatan Harapan buat? *Nothing*. Kita baru perintah empat bulan dia hendak tuduh kita macam-macam. Ini satu kenyataan yang mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, *Point of Order* itu daripada segi peraturan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat buat dengan ucapan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia mengelirukan Dewan dengan menuduh kami tidak menimbulkan isu Adib.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, saya akan berhenti masa ini. Silakan Yang Berhormat Jelutong. Lagi 12 minit lebih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu perkara yang melibatkan rakyat iaitu semasa PKP dilaksanakan kita lihat bahawa mahkamah-mahkamah mengenakan hukuman kepada rakyat biasa yang melanggar PKP ini dengan mengenakan hukuman-hukuman penjara. Saya merujuk kepada kisah seorang wanita *single mother*, dengan izin, B. Lisa Christina yang telah dikenakan hukuman penjara kerana melanggar perintah PKP.

Persoalan yang wujud di minda rakyat adalah, kenapakah orang-orang kenamaan seperti Menteri Kesihatan, seperti Tuan Yang di-Pertua sendiri, seperti anak-anak orang kenamaan seperti Yang Berhormat Bagan Datuk yang melanggar perintah-perintah yang sama hanya dikenakan hukuman RM1,000 sahaja. Ini perkara-perkara yang wajib dan wajar diberi perhatian oleh Kerajaan Perikatan Nasional.

Persoalan yang ingin saya tanya adalah, adakah apa-apa tindakan yang akan diambil bagi memastikan bahawa perkara-perkara ini tidak berulang kembali kerana kita perlu memastikan bahawa rakyat dan juga orang-orang kenamaan...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Jelutong boleh sedikit?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, apakah ini Yang Berhormat Kimanis?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong mempertikaikan tadi soal...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat berdiri bawah peraturan mana ini?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tidak, hendak mohon penjelasan. Mencilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau mencilah, minta kebenaran.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Dia bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya teruskan. Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong, beri atau tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi. Saya teruskan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sikit lah. Tadi sudah beri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sekarang ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Beri atau tidak? Yang Berhormat *are you allowing?*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi, maafkan saya. Saya tidak cukup masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Alah, sikit lagi. Tadi Yang Berhormat sudah bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi. Maafkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Dia tidak hendak bagi Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tadi dia sudah bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Dia kata tak nak bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sekarang ingin...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Speaker, saya ingin merujuk kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, dia tak nak bagi, saya hendak buat macam mana? Takkan saya hendak paksa dia bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin merujuk kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat, dia telah menuduh Tuan Yang di-Pertua antara nama-nama yang disebut melanggar PKP.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Speaker kena perjelaskan. Kalau tidak, nanti timbul persepsi Yang Berhormat telah menerima ucapan Yang Berhormat Jelutong menuduh Yang Berhormat melanggar PKP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau, saya rasa dia sebut itu sebab tentang Speaker yang- saya rasa bukan saya kan?... *[Disampuk]* Timbalan Speaker satu lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan, Dato' Mohd Rashid.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apalah, dia sudah betulkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia sebut Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tinggal 10 minit sahaja Yang Berhormat. Tidak apa Yang Berhormat. Saya ini tidak terlampau sensitif sangat. Tidak ada masalah. Silakan Yang Berhormat Jelutong, 10 minit 21 saat. Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya juga ingin merujuk kepada perkara yang melibatkan banjir di kawasan saya sendiri iaitu kawasan Jelutong. Jumlah sebanyak RM600 juta telah pun disediakan dalam projek tebatan banjir Sungai Pinang.

Akan tetapi, ketika kita menjadi kerajaan Menteri Pakatan Harapan Yang Berhormat Dato' Dr. Xavier telah pun turun ke kawasan saya untuk melawat kawasan dan telah mengumumkan bahawa kerja-kerja tebatan banjir itu akan dimulakan.

■1700

Saya berharap bahawa 'Menteri Tenaga Air' akan memberi perhatian kepada perkara ini kerana banjir kilat yang selalu berlaku di kawasan Jelutong, di kawasan saya

adalah sesuatu yang amat menggerunkan. Kita juga akan sekarang menghadapi musim hujan dan saya berharap supaya Menteri yang bertanggungjawab tidak akan menganaktirikan Pulau Pinang, terutamanya kawasan Jelutong dan memberi perhatian kepada keperluan untuk melaksanakan projek tebatan banjir ini pada masa yang terdekat. Isu seterusnya yang ingin saya sentuh adalah berkenaan dengan kemudahan-kemudahan asas untuk pegawai-pegawai keselamatan, terutamanya anggota polis di kawasan Parlimen Jelutong.

Ketika saya menjadi Ahli Parlimen Jelutong, saya telah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Memohon supaya kuarters-kuarters, terutamanya kuarters-kuarters polis, berek-berek tentera ini dinaikkan taraf, terutamanya di kawasan Jelutong. Kita lihat bahawa kemudahan-kemudahan berek polis dan kuarters-kuarters di seluruh negara dalam keadaan yang begitu teruk. Kita tahu bahawa kerajaan sekarang menghadapi kekangan kewangan. Maklumlah dengan pelantikan-pelantikan GLC dan sebagainya. Kita berharap supaya keutamaan juga diberikan kepada kemudahan-kemudahan semua anggota keselamatan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Peraturan ke berapa Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: P.M.36(12). Dia mengelirukan Dewan. Seolah-olahnya masalah kewangan negara ini adalah kerana pelantikan GLC. Itu sesuatu yang mengelirukan. Dia kena sebut daripada segi fakta. Berapa jumlah yang dibayar kepada pengerusi-pengerusi GLC kalau dibandingkan dengan apa yang disebut tentang peruntukan negara. Ia telah mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong, saya rasa itu agak- saya terima Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Jelutong agak terlampau hendak tuduh secara pukal bahawa masalah kewangan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baik, saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tarik balik. Saya teruskan dengan ucapan saya. *No problem*, tiada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Seterusnya, tinggal 7 minit 58 saat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang satu lagi perkara yang agak penting yang menyentuh hati saya iaitu dalam ucapan Tuanku, beliau telah merujuk kepada perpaduan nasional iaitu di perenggan 13. Bagi manfaat semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang hadir di sini, di muka surat 7.

Ini adalah apa yang dinyatakan oleh Tuanku dalam Titahnya, "*Setiap kaum perlu menunjukkan sikap dan teladan yang jujur untuk mengeratkan perhubungan. Dalam usaha mengukuhkan lagi perpaduan nasional, sosial dan integrasi nasional, beta menyambut baik pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara bagi memastikan agenda perpaduan nasional dapat diterapkan secara menyeluruh menerusi elemen-elemen kepercayaan dan jati diri yang teguh berlandaskan kepada prinsip Rukun Negara.*"

Saya amat tersentuh dengan perkembangan yang berlaku di Kedah. Dahulu ketika Yang Berhormat Jerlun menjadi Menteri Besar, tidak ada sebarang insiden perobohan kuil Hindu dan tokong Cina. Kini perkara ini berlaku. Banyak penduduk di Kedah, terutamanya yang beragama Hindu dan beragama Buddha membangkitkan kerisauan mereka.

Saya di sini memohon Menteri Perpaduan untuk memberi perhatian kepada perkara ini. Oleh sebab kita lihat bahawa Kerajaan Negeri Kedah di bawah pentadbiran PAS sekarang sungguh tidak bertimbang rasa oleh sebab melaksanakan tindakan-tindakan di mana kuil-kuil dan tokong-tokong Cina dirobuhkan. Perkara ini ialah perkara yang sensitif.

Kalau kita ingin mendukung nasihat-nasihat yang diberikan oleh Tuanku dalam titahnya, kalau kita ingin mengangkat perpaduan di antara rakyat berbilang kaum di negara ini, saya dengan rendah diri berpendapat bahawa ada cara lain Kerajaan Negeri Kedah boleh melaksanakan. Sekiranya pun perlu untuk meminda sesuatu kuil dan tokong untuk mengadakan perbincangan dan sebagainya.

Di sini saya juga menyeru Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Tapah, Yang Berhormat daripada MCA dan sebagainya untuk memberi perhatian. Oleh sebab ini

perkara yang begitu sensitif. Saya di sini berpendirian bahawa kita harus memastikan perkara ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Apakah lagi Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: P.M. 36(12). Dia sebut perkataan '*Kerajaan PAS telah merobohkan kuil-kuil*'. Saya ingin bertanya daripada segi jumlah. Berapa kuil, berapa tokong yang telah dirobohkan dan apa sebab dirobohkan? Oleh sebab Yang Berhormat sebut perkataan itu, boleh menimbulkan benda-benda yang melibatkan perkauman. Tidak bagus cakap macam itu. '*Kerajaan PAS telah merobohkan kuil-kuil Hindu di Kedah*'. Yang Berhormat bagi tahu berapa jumlah? Kenapakah dirobohkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, saya rasa Menteri ada di sini, Menteri Perpaduan. Dalam gulungan, Menteri boleh memberi jawapan ataupun jawapan bertulis. Saya rasa itu *point* daripada segi fakta. *That is a fact. You are raising a fact or assumption*, Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *It's a fact*, Tuan Yang di-Pertua, *it has been reported widely. There were a few Hindu temples...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *The Minister is here, in charge of Perpaduan.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan mohon jawapan daripada beliau kalau Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Disebut, '*Kerajaan PAS merobohkan kuil-kuil*'. Bagi tahu, Kerajaan PAS telah merobohkan 2 buah kuil, 1 buah kuil. Akan tetapi jangan menyebut perkataan yang cuba mengapi-apikan permusuhan. Yang Berhormat, ini akan melanggar Peraturan 36(9).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Betul. Akan tetapi Yang Berhormat Arau, di bawah peraturan Yang Berhormat sebut, ia kata boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau Yang Berhormat percaya bahawa Yang Berhormat Jelutong telah melanggar isu-isu yang sensitif, Yang Berhormat boleh membawa usul. Akan tetapi setakat ini saya, bagi saya daripada segi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat tak tarik balik. Saya akan cadangkan kepada kerajaan untuk bawa usul, kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Itu terpulang kepada Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan mengapi-apikan perkauman. Tidak baik. Jangan main sebut Kerajaan PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Okey, saya tahu. Akan tetapi isu ia sekarang ialah isu antara Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia menambah-nambah cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau, saya telah buat keputusan. Tidak apalah. Menteri ada. Silakan 5 minit. Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ada 5 minit 12 saat. Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya membangkitkan isu ini kerana saya ingin memastikan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Berhati-hati ya Yang Berhormat Jelutong, berkenaan dengan agama semua. *Be very careful.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Benar, benar Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara yang benar. Saya membangkitkan perkara itu di sini kerana saya ingin memohon penjelasan dan juga merayu supaya perkara itu tidak berlaku. Memang saya nyatakan bahawa ketika pentadbiran Yang Berhormat Jerlun, ketika pentadbiran

Pakatan Harapan, kejadian-kejadian ini tidak berlaku. Saya hanya persoalkan kenapa ia berlaku sekarang dan saya ingin memohon kalau boleh ia dielakkan daripada berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ada. Saya sudah maklum. Saya rasa isu itu, kita pergi kepada isu lain.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baik. Isu terakhir yang ingin saya sentuh adalah berkenaan dengan pencerobohan laut persisiran ataupun laut di sekitar Semenanjung Malaysia. Saya bukan pakar pertahanan. Akan tetapi saya melihat selepas sahaja Menteri Pertahanan membuat pengumuman bahawa tidak ada sebarang pencerobohan dalam persisiran pantai ataupun di Semenanjung Malaysia oleh perkapalan atau kapal-kapal daripada tentera daripada negara Republik China.

Kenyataan tersebut juga telah pun dibalas oleh mantan Yang Berhormat Kimanis dan juga beberapa orang pakar dalam perkara ini yang menyatakan bahawa sebenarnya terdapat sekurangnya 99 pencerobohan dalam persisiran pantai laut di sekitar *Peninsular Malaysia*.

Ini perkara yang serius. Sebagai seorang wakil rakyat dan Ahli Parlimen negara yang berdaulat, saya menuntut supaya Menteri Pertahanan lebih serius dalam menjalankan kerjaya beliau. Kalau dahulu Yang Berhormat di sebelah sini, Yang Berhormat 'Abang Mat', kita panggil 'Abang Mat', Ahli Parlimen Kota Raja dimomokkan, d perli, kononnya tidak boleh menjawab dan sebagainya.

Sekarang kita lihat, adakah ini standard Menteri Pertahanan yang menyatakan bahawa tidak ada sebarang pencerobohan dalam lautan antarabangsa negara kita? Akan tetapi selepas sahaja keluar dalam masa 5-6 jam, kenyataan itu dibidas bukan sahaja oleh mantan Yang Berhormat Kimanis tetapi oleh semua pihak yang mempunyai kepentingan.

■1710

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Peraturan 36(12)...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, silakan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, Yang Berhormat Jelutong ini dia cuba mengelirukan Dewan. Pertama, dia salah sebut ini. Saya hendak beritahu bukan kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang beri kenyataan, tetapi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Sembrong.

Kedua, jadi ada kenyataannya cukup jelas bahawa Yang Berhormat Sembrong telah buat satu *statement* dan buat *clarification* terhadap apa jua kenyataan yang dibuat oleh mantan Yang Berhormat Menteri Luar. Jadi, saya ingat perkara ini sudah selesai. Jadi, tak perlulah diulang-ulang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baiklah, saya mohon perbetulkan bahawa kenyataan itu...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ini kerana, kalau diteruskan juga ia akan *misleading*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No problem. I'll apologize and I'll withdraw, no problem.* Kenyataan itu dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, tetapi itu adalah kenyataan yang dibuat oleh beliau dan ia menjadi bahan ketawa. Ia menjadi bahan ketawa sekarang, kerana kenyataan itu adalah tidak benar dan sebagai rakyat Malaysia, kita juga amat risau tentang perkembangan ini di mana kalaulah kita bersiar-siar di persisiran pantai ataupun ada juga kejadian-kejadian pencerobohan ini berlaku, apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk pertahankan negara kita.

Beliau menyatakan bahawa cara mereka menyelesaikan masalah ini bukanlah membenarkan. Bukan dengan menghantar...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat Jelutong tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Peraturan berapa Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, sebab saya cukup minat tajuk ni sebab saya di antara orang yang sentiasa bercakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Penjelasan yang mana? Di bawah peraturan berapa Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...pasal Beting Patinggi Ali. Yang Berhormat Jelutong sebut persisiran pantai Semenanjung. Yang Berhormat Jelutong kena tukar, persisiran pantai Malaysia.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baik, terima kasih, persisiran pantai Malaysia, laut dan juga termasuk laut China Selatan. So, saya ingin menyatakan bahawa pertahanan keselamatan kedaulatan negara perkara yang serius Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak hanya boleh mengeluarkan kenyataan sebagai, dengan izin, *publicity stunt* mengatakan bahawa kita telah berunding dengan *People's Republic of China* dan disebabkan perundingan tersebut tidak ada sebarang pencerobohan berlaku, dengan izin. Kita harus menunjukkan *military might*...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sila gulung ya Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Harus menggunakan *military might* untuk memastikan bahawa kedaulatan persisiran pantai Semenanjung Malaysia dan juga Laut China Selatan itu sentiasa dipertahankan. Pada hemat saya, perkara-perkara melibatkan pertahanan ini perkara yang serius seharusnya dan sewajarnya dijawab. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan juga Menteri Luar Negeri akan memberi jawapan kepada perkara-perkara ini apabila mereka memberi pengkulungan nanti.

Satu isu terakhir berkenaan kemudahan-kemudahan untuk *backbencher*. Saya berharap bahawa kemudahan-kemudahan ini Timbalan Yang di-Pertua akan disediakan seberapa cepat yang mungkin. Pada hari ini memang merupakan hari ini dalam sejarah kerana saya membuat ucapan ini tanpa diberi sebarang kemudahan untuk membuat sebarang *research* dan sebagainya. Tidak diberi meja dan kerusi untuk menulis dan juga membuat persediaan. Namun demikian, demi rakyat negara kita, demi Pakatan Harapan... [*Tepuk*] Kita akan terus berjuang untuk memastikan bahawa mandat rakyat akan terus dikembalikan dan kita akan memastikan bahawa walaupun ada pilihan raya dalam masa terdekat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Kita akan kembali sebagai kerajaan yang menjunjung mandat rakyat. Sekian, terima kasih saya mohon menyokong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak ada hari untuk Pakatan Harapan, tidak ada hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong terima kasih. Yang Berhormat Sibuti, silakan.

5.14 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan ucapan saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah atas lantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang baharu dan juga moga Dewan yang mulia ini dapat diuruskan dengan baik dan juga transformasi ataupun reformasi Parlimen dapat dilaksanakan.

Terus kepada perbahasan saya, pertama dan asas perjuangan Ahli Parlimen Gabungan Parti Sarawak akan terus berbahas dalam ruang konsep, "*Sarawak First*" ataupun "*Utamakan Sarawak*" dan kekal memperjuangkan hak berasaskan apa yang terdapat dalam Perlembagaan dan Perjanjian Malaysia 1963 serta *IGC Report*.

Dalam pada masa yang sama, menjadi tanggungjawab sebagai rakan kongsi yang membolehkan Kerajaan Persekutuan ditubuhkan dan penglibatan Ahli-ahli Parlimen GPS di dalam Kabinet akan menunaikan tanggungjawab mereka kepada rakyat Malaysia. Menteri Kanan Kabinet dari Sarawak pemimpin untuk Malaysia bukan hanya

berkhidmat untuk Kerajaan Negeri Sarawak. Selagi Sarawak diperlukan dalam Persekutuan, menjadi tanggungjawab untuk memastikan Malaysia bergerak ke hadapan dan menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pengalaman selama 55 tahun bersama Barisan Nasional dan 22 bulan di bawah Pakatan Harapan cukup bagi saya menilai semula kedudukan Sarawak dalam Persekutuan.

Saya turut menyatakan rasa syukur kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang telah berjaya, dengan izin, *exercise our Constitution rights* ke atas cukai jualan SST sebanyak lima per cent ke atas produk minyak yang perlu dibayar Petronas. Saya menegaskan agar Petronas dapat membayar dan juga berdisiplin menunaikan tanggungjawab tersebut.

Saya juga menegaskan bahawa Sarawak akan meneruskan tuntutan kepada pemberian khas yang adil berlandaskan yang termaktub di dalam Perlembagaan 112(D) kenaikan kadar daripada sejumlah RM16 juta kepada sebanyak RM32 juta pada tahun lepas akan kami terima tetapi dengan syarat pihak Persekutuan di bawah Kerajaan Perikatan Nasional perlulah mengemukakan formula yang teliti penentuan kadar geran khas ini.

Malaysia, Sabah, Sarawak dan Semenanjung kepunyaan kita semua. Tidak terlintas di hati kami untuk menekan dan meranapkan Persekutuan dengan tuntutan yang keterlaluan. Akan tetapi, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah menyatakan, perlunya untuk kita menilai semula apa yang perlu dituntut oleh rakyat Sarawak iaitu memberi satu pertiga kerusi Parlimen ke Sabah dan juga Sarawak. Ini merupakan sesuatu perkara yang telah lama diperjuangkan dan juga telah lama diperkatakan oleh Ahli-ahli Parlimen yang lepas.

Saya berharap tuntutan ini agar kita dapat berbincang dengan tenang, teratur dan bukan berbincang ataupun berbahas dengan emosi. Ini memandangkan di dalam Artikel 236(a) menyatakan bahawa komposisi Parlimen disarankan dalam laporan *Cobbold Commission* bahawa kita memerlukan kerusi yang bukan berdasarkan populasi tetapi berdasarkan keluasan dan juga potensi negeri Sabah dan juga Sarawak.

Maka dengan itu, saya menyarankan adalah wajar Dewan ini membincangkan dengan teliti berkenaan tuntutan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang telah disokong oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Saya melihat beberapa minit yang lepas di portal *Facebook Sinar Harian*, seramai lebih hampir 9,000 undian telah dibuat berkenaan tentang adakah wajar Kerajaan Negeri Sarawak menuntut kerusi satu pertiga di dalam Parlimen. Saya melihat respons kebanyakan *netizens* di dalam *Facebook* amat negatif dan ini merupakan gambaran sebenar bagaimana rakyat Malaysia melihat Sabah dan juga Sarawak.

Saya terus kepada isu sekolah daif dalam konteks negeri Sarawak. Pada tahun lepas, saya telah berbahas dan juga telah membidas mantan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang menyatakan bahawa sejumlah RM1 bilion- hadiah berdasarkan rasa kasih sayang beliau ke Sarawak. Saya sangat marah kepada kenyataan tersebut memandangkan sejumlah RM1 bilion itu bukan hadiah kepada kerajaan, ke Sarawak tetapi adalah duit yang perlu dibayar oleh Sarawak dan sepatutnya wang sejumlah RM1 bilion itu dibayar mengikut jadual. Malangnya, mantan Yang Berhormat Menteri Kewangan berulang kali mengeluarkan kenyataan seolah-olah Sarawak berhutang terlalu banyak kepada Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu juga, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani pada minggu lepas yang menyatakan bahawa isu sekolah daif ini telah berlegar di dalam Parlimen ini dalam satu jangka yang sangat panjang. Kerajaan Barisan Nasional menjanjikan wang sebanyak RM1 bilion pada Bajet 2017, tetapi dibatalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Isu sekolah daif dipolitikkan. Jawapan Yang Berhormat Menteri seperti isu pembekalan elektrik di negeri Sarawak- Kerajaan Negeri Sarawak telah menghulurkan wang sebanyak RM50 juta.

■1720

Di dalam Dewan, Menteri menjawab bahawa di Sibuti sebanyak sembilan buah sekolah akan diselesaikan. Bagaimanakah untuk saya meletak muka saya untuk berdepan dengan masyarakat? Bayangkan, salah sebuah sekolah di Parlimen Sibuti, SK Sungai Saih. Tiang elektrik hanya beberapa meter sahaja dari rumah panjang tetapi sekolah tidak dibekalkan elektrik.

Sebaliknya diteruskan pembekalan diesel dan juga pembekalan diesel ini tidak membolehkan sekolah beroperasi selama 24 jam. Selain daripada itu juga, saya telah mendengar kenyataan Menteri Kewangan pada bulan Februari yang lepas, mantan Menteri Kewangan Pakatan Harapan telah menyatakan dan membidas Kerajaan Negeri

Sarawak bahawa peruntukan sekolah daif bukan digunakan untuk pembinaan penggabungan sekolah.

Saya ingin menganjurkan kepada Menteri Pendidikan yang sedia ada, supaya turun ke Sarawak. Saya menjemput Menteri datang ke Parlimen Sibuti untuk melihat isu ini dengan lebih dekat. Ada sesebahagian sekolah di Sarawak perlu digabungkan supaya tidak ada apa yang kita katakan sekolah kurang murid di Sarawak.

Kalau kita lihat di Sarawak, di luar bandar, kita sudah boleh sebenarnya menganjurkan sekolah, memandangkan sekolah kurang murid itu banyak dan *social distancing* memang ada. Ada sekolah di kawasan Parlimen Sibuti, Darjah 1 hanya seorang murid sahaja. Sekiranya sekolah-sekolah ini tidak dikaji dan tidak digabung, adakah mereka akan mendapatkan pendidikan yang setimpal ataupun yang bermaruah kepada anak-anak Sarawak.

Selain daripada itu juga, saya menyokong usaha kerajaan daripada Barisan Nasional diteruskan Pakatan Harapan, berkenaan pembinaan sekolah daif melalui kaedah IBS. Walaupun demikian, saya bimbang adakah kaedah IBS ini akan bertahan dalam tempoh 10 ke-15 tahun? Ada juga sekolah-sekolah daif ini tidak sesuai dibina melalui kaedah IBS.

Kerajaan, wakil kerajaan, pegawai pendidikan perlu turun ke bawah melihat kondisi tanah, geografi kawasan sekolah daif tersebut. Bagi sekolah di kawasan Parlimen Sibuti, saya ingin memohon agar sekolah SK, SMK luar bandar Miri yang sedang menjalankan sesi persekolahan dua sesi dapat ditambahkan bangunan ataupun kelas. Saya juga mencadangkan untuk RMKe-12 agar ditambahkan lagi sekolah menengah di kawasan pentadbiran PPD Subis.

Selain daripada itu, saya ingin bercakap berkenaan tentang pembelajaran atas talian. Sama seperti isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang, sama di kawasan saya, kawasan pinggir bandar pun yang dekat dengan Lapangan Miri, ada masih lagi sekolah-sekolah yang tidak mempunyai perkhidmatan UniFi. Saya bersyukur kerajaan yang lepas telah mengusahakan agar kawasan Taman Tengku dipasangkan perkhidmatan internet UniFi ini.

Akan tetapi kawasan-kawasan pinggir bandar seperti di Bakam, di Berayak masih belum lagi mempunyai talian atau capaian internet yang baik. Saya mengambil contoh, salah seorang pelajar UNIMAS yang telah menghantar e-mel berpuluh-puluh kali kepada saya yang bernama Farah Jokdin yang tinggal di Kampung Satap yang menyatakan bahawa mereka mempunyai menara telekomunikasi yang dekat tetapi tidak mempunyai capaian internet. Saya tidak tahu siapakah silap. Adakah pembekal telekomunikasi ataupun SKMM.

Selain daripada itu, saya ingin memetik artikel daripada seorang doktor pensyarah iaitu Doktor Norianti Jalil yang berasal dari Kampung Bakam, Miri yang merupakan pensyarah di *Northern State University, Aberdeen, South Dakota, USA* yang menyatakan bahawa dalam kajian semasa PKP, 67.1 peratus daripada 574 orang responden yang menyatakan rasa tidak puas hati kepada capaian internet semasa di Sarawak ataupun di Sarawak Timur.

Saya juga ingin memetik kajian beliau, sebanyak 51.9 peratus responden menyatakan bahawa aduan kepada pihak berkenaan tetapi tiada tindakan yang memuaskan diambil. Saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pegawai SKMM yang telah menyediakan *response* kepada Ahli Parlimen berkenaan tentang capaian internet di kawasan Parlimen Sibuti.

Seterusnya, saya ingin membahaskan berkenaan tentang kedudukan pertahanan negara di Kepulauan Borneo. Kita tahu bahawa Kerajaan Indonesia akan memindahkan ibu negara mereka ke Kalimantan Timur dan juga menjelang 2024, ibu negara Indonesia akan beroperasi sepenuhnya.

Baru-baru ini saya telah membaca bahawa pihak ketenteraan Indonesia telah menghantar dan juga telah merangka satu strategi untuk menempatkan *military base* yang penuh di kawasan Kalimantan.

Saya ingin mengetahui daripada Menteri Pertahanan, apakah langkah-langkah strategi kerajaan memandangkan Kerajaan Indonesia telah membina dan menyiapkan 1,900 kilometer jalan perbatasan di sepanjang sempadan Malaysia dan Kalimantan. Pada masa kini juga, mereka sedang membina jalan-jalan *parallel* menuju ke Sarawak dan Sabah.

Ini merupakan perancangan strategi memandangkan Sabah dan Sarawak mempunyai sumber, mungkin Kerajaan Indonesia telah merancang dengan teliti bagaimana untuk menghasilkan pendapatan hasil dari Sabah dan juga Sarawak melalui jalan-jalan dan juga penempatan *military base* mereka ini. Saya juga *concern*, dengan izin, dengan isu yang dibangkitkan dengan Yang Berhormat Jelutong berkenaan dengan keselamatan di Lautan China Selatan ataupun di lautan Malaysia.

Saya bersetuju bahawa isu ini banyak diperkatakan oleh Yang Berhormat Arau berkenaan Beting Patinggi Ali, di mana nelayan-nelayan, pekerja-pekerja sektor minyak dapat melihat kapal tentera lalu-lalang di kawasan tersebut. Saya juga mendesak agar kerajaan dapat memikirkan sesuatu. Sebagai contoh, untuk mendirikan menara tiang bendera yang besar ataupun tiang bendera gergasi ini di Beting Patinggi Ali supaya untuk menampakkan bahawa kedaulatan Beting Patinggi Ali itu hak milik Malaysia.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyebut berkenaan tentang sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Sarawak telah menggariskan dalam Pelan Ekonomi Baru Pasca COVID-19 menjelang 2030, sumber tenaga boleh diperbaharui merupakan salah satu tunjang kepada peneraju ekonomi Sarawak.

YAB Ketua Menteri Sarawak juga telah banyak memperkatakan berkenaan tentang isu *green hydrogen*. Saya juga berharap agar pihak kerajaan dapat mengiktiraf hidrogen hijau ini sebagai salah satu polisi dan juga dasar kepada kerajaan. Selain daripada itu, saya juga memohon kepada pihak kerajaan agar dapat mengiktiraf sumber tenaga hidro mega di Sarawak sebagai salah satu definisi tenaga yang boleh diperbaharui di Malaysia. Ini akan membolehkan pencapaian penggunaan tenaga RE ini dapat dicapai menjelang 2025.

Selain daripada itu juga, ekonomi hidrogen merupakan perkara yang banyak telah dibincangkan di kebanyakan negara dunia. Jepun membeli hidrogen di Australia, negara-negara Eropah banyak menghasilkan tenaga-tenaga hidrogen. Sarawak juga mampu menghasilkan tenaga hidrogen hijau ini melalui proses elektrolisis memandangkan kami mempunyai sumber tenaga elektrik dan air yang sangat murah.

Selain daripada itu, satu isu penting yang saya ingin kemukakan dalam Dewan adalah berkenaan dengan kebakaran rumah panjang. Dalam tempoh sebulan, hampir tiga buah rumah panjang telah terbakar. Kesan kebakaran rumah panjang di Sarawak ini adalah sangat besar memandangkan ia melibatkan ramai ketua isi rumah dan juga anak-anak.

Untuk membina sebuah rumah panjang bukanlah satu perkara yang mudah untuk membina sebuah rumah panjang di kampung, ini melibatkan kos dan juga keperluan kewangan. Saya berharap agar pihak kerajaan dapat mewujudkan semula Skim Pinjaman Rumah Panjang. Saya juga ingin bertanyakan kepada Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan tentang penubuhan Jawatankuasa Rumah Panjang yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang lepas.

Apakah status jawatankuasa tersebut? Saya juga berharap agar pihak kerajaan dapat membantu rumah-rumah panjang di Sarawak dengan melengkapkan bekalan pili bomba dan juga hos-hos pemadam api. Ini mungkin sesuatu yang agak remeh dilihat tetapi sangat penting kepada jiwa-jiwa dan juga masyarakat di rumah panjang.

Selain daripada itu juga, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih bahawa Balai Bomba Batu Niah walaupun setelah bertahun-tahun terbengkalai, akhirnya telah siap. Selain daripada itu juga, saya ingin menyatakan di dalam Dewan ini sokongan kepada penganjuran Parlimen Digital oleh anak-anak muda.

Salah seorang Ahli Parlimen ataupun peserta Parlimen Digital berusia 15 tahun, berasal dari Sarawak, merupakan seorang pelajar sekolah rendah bernama Masela Ling dan ini menunjukkan bahawa anak-anak muda di Sarawak sudah bersedia. Walaupun demikian, saya berharap agar Menteri Belia dan Sukan di bawah Kerajaan Perikatan Nasional-GPS ini dapat pergi lebih jauh ke luar-luar bandar.

Saya dapat melihat sepanjang 22 bulan, mantan Menteri Belia dan Sukan dari Rembau sekurang-kurangnya sampai ke kawasan Kapit ataupun Hulu Rajang. Akan tetapi mantan Menteri Belia dan Sukan hanya datang ke Bandaraya Kuching tetapi tidak mempunyai satu *substance* yang sangat jelas apakah yang ingin beliau perjuangkan bagi anak-anak muda di kawasan pinggir bandar, pedalaman dan juga luar bandar.

Walaupun demikian, saya berharap agar suara-suara anak muda ini tidaklah diperlekehkan. Saya faham anak-anak muda mungkin tidak mempunyai pengalaman yang cukup tetapi rasa untuk menyumbang sesuatu kepada kerajaan itu wujud. Saya juga ingin membandingkan sekiranya saya sebagai Ahli Parlimen muda dari Sarawak,

mungkin rakan saya di belakang seperti Mas Gading ataupun MP Kota Belud, jika dibandingkan dengan MP Permatang Pauh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah 5.31.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Boleh saya tamatkan, sedikit sahaja. Habiskan 2 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh, 2 minit 13 saat. Boleh, gulung.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Boleh, 3 minit sahaja. Jika dibandingkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Muda daripada Pakatan Harapan seperti Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Permatang Pauh, jurang perbezaan perbincangan kami sangat berbeza. Mungkin Yang Berhormat Mas Gading masih bercerita berkenaan tentang jambatan, saya masih bercerita tentang jalan-jalan kebun, masih bercerita tentang perlunya anak muda kami memanjat pokok untuk mendapatkan *signal* talian capaian internet, sedangkan mereka di bandar hanya dapat boleh berbincang berkenaan dengan dasar dan juga polisi.

Selain daripada itu, saya ingin juga menyampaikan sedikit keperluan pembangunan di kawasan saya. Saya ingin mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkenaan tentang status Klinik Kesihatan Sepupuk yang tanahnya telah dibeli dan dijanjikan dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Keempat Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi telah dibatalkan pada kerajaan yang lepas.

Selain daripada itu, bagi Kementerian Dalam Negeri, saya berharap agar dapat dinaikkan taraf Balai Polis Daerah Bekenu dengan menambah pegawai dan juga mewujudkan Unit Narkotik di kawasan luar bandar. Selain daripada itu juga, saya ingin memohon agar pihak Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Miri dapat dibekalkan van untuk membuat operasi-operasi. Oleh sebab selama ini saya banyak membantu AADK untuk menangkap penagih-penagih dadah, terutama di kawasan luar bandar.

Pasca COVID-19 ini saya ingin menegaskan kepada pihak kerajaan, walaupun kita menumpukan kepada ekonomi, saya ingin kerajaan melihat agar masalah penagihan dadah ini dijadikan musuh utama negara. Saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua, menyokong Titah Diraja. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Selasa, 21 Julai 2020.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang]